

Bil. 62

**Rabu
13 November 1996**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN	(Ruangan 1)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 1997	(Ruangan 13)
USUL-USUL: Anggaran Pembangunan 1997	(Ruangan 13)
Waktu Mesyuarat Dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat.	(Ruangan 36)

Oktober, 1996.

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulau)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik
(Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin
Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J.
(Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S.,
J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato'
Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas
Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji
Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin
Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P.,
S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh,
S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor
Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato'
Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K.,
K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal
Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji
Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul
Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan
Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

- Yang Berhormat Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

- Yang Berhormat Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

Yang Berhormat	Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
“	Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
“	Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
“	Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
“	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
“	Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
“	Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
“	Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
“	Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
“	Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
“	Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
“	Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
“	Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
“	Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
“	Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
“	Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
“	Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
“	Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
“	Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
“	Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
“	Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
“	Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
“	Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
“	Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
“	Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
“	Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

- Yang Berhormat Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K.,
P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P.,
S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)

- Yang Berhormat Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.
(Kuala Kedah)

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN
PARLIMEN MALAYSIA**

Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N.,
P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha : Said bin Sidik
Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
Haji Suhor bin Husin
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaharah binti Naim
Norwahidah binti Azizi
Jainah binti Sakimin
Shamsina binti Janor
Pembaca Pruf : Abu Bakar Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat : Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 13 November 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat]**JAWAPAN-JAWAPANMULUT BAGI**
PERTANYAAN-PERTANYAAN**SKIM VENDOR DAN FRANCAIS - JUMLAH**
USAHAWAN BUMIPUTERA

1. Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing] minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:

- (a) jumlah usahawan bumiputera di negeri Johor yang mendapat faedah di bawah Skim Vendor dan Francais yang dikendalikan oleh pihak kementerian dan apakah jenis perniagaan yang disertai dalam skim-skim tersebut; dan
- (b) kriteria yang perlu ada pada usahawan bumiputera yang ingin menceburi Skim Vendor atau Francais.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Di bawah Program Pembangunan Vendor, terdapat 4 buah syarikat bumiputera di Johor yang telah mendapat faedah kerana telah dilantik menjadi vendor kepada syarikat besar dan multinational. Syarikat-syarikat vendor ini menjalankan perniagaan dalam aktiviti pengilangan mengeluarkan komponen dari jenis plastik, getah, kabel dan juga papan litar bercetak (printed circuit board) yang kemudiannya dibekalkan kepada syarikat anchor.

Mengenai Program Francais pula, setakat ini terdapat 24 orang franchisee daripada Johor yang telah dilantik di bawah program ini, kebanyakannya untuk membuka outlet Avon - 8, untuk membuka pusat service EON - 2 dan Hotel Seri Malaysia - 2.

- (b) Kriteria yang digunakan untuk memilih pengusaha di bawah skim vendor adalah seperti berikut:-

- (i) berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965;
- (ii) berdaftar dengan Unit Vendor di Kementerian Pembangunan Usahawan;
- (iii) modal berbayar di antara RM100,000 hingga RM2.5 juta;
- (iv) sekurang-kurangnya 70% ekuiti dimiliki oleh rakyat Malaysia; dan
- (v) mempunyai pekerja mahir dengan pengalaman industri berkaitan.

Kriteria mengenai penyertaan dalam program francais pula adalah seperti berikut:-

- (i) bumiputera;
- (ii) menyumbang tidak kurang 30% daripada kos projek dalam bentuk tunai;
- (iii) menyediakan cagaran jika memerlukan pinjaman;
- (iv) menumpukan sepenuh masa kepada perniagaan yang akan diceburi;
- (v) keutamaan kepada calon yang berumur kurang 40 tahun; dan
- (vi) mengenal pasti premis atau lokasi yang sesuai dan strategik.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita tahu bahawa keupayaan Kementerian Pembangunan Usahawan di tiap-tiap negeri adalah terhad. Untuk menggalakkan Skim Francais dan Vendor di setiap negeri, terdapat beberapa masalah. Jadi, siapakah yang dipertanggungjawabkan di setiap negeri untuk mengatur pengenalpastian dan juga latihan untuk Skim Vendor dan Francais ini? Dan apakah pula sasaran kementerian setiap negeri, berapakah bilangan usahawan yang akan dilantik ataupun diberi peluang mengikuti Skim Vendor dan Francais ini?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kementerian berusaha sedaya upaya untuk menambahkan bilangan usahawan menyertai program francais dan vendor. Masalah utama yang dihadapi ialah bilangan usahawan yang berminat begitu tinggi berbanding dengan bilangan syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai program ini. Oleh kerana minat terlalu tinggi dan syarikat

yang berminat untuk menyertai program ini terhad, maka kita terpaksa mengenakan kawalan dan syarat-syarat yang agak ketat. Oleh hal yang demikian, kita tidak meletakkan sasaran yang terlalu tinggi, ianya 'modest' dan 'moderate', dengan izin. Dalam pada itu, saya ingin maklumkan bahawa untuk francais umpamanya, pada masa ini kita cuma ada 174 dan target kita dalam Rancangan Malaysia Ketujuh adalah 1,200. Itu adalah satu angka yang tinggi.

Mengenai vendor, kita tidak menetapkan target yang spesifik. Pada masa ini kita cuma ada 91 syarikat vendor di seluruh negara berbanding dengan permohonan kira-kira 300. Permohonan ini adalah banyak. Syarikat yang berminat ataupun yang ingin menyertai program ini adalah terhad.

Mengenai agensi mana yang bertanggungjawab, memanglah kementerian tidak ada cawangan di negeri-negeri. Apa yang kita buat ialah untuk mengadakan seminar di peringkat negeri dari semasa ke semasa, termasuk di Sabah telah pun kita ada seminar mengenai francais dalam masa dua bulan yang lalu. Selain daripada itu, kita ada melalui perbadanan ekonomi negeri di setiap buah negeri dan juga pejabat-pejabat Mara. Ini adalah di antara cara-cara kita mempopularkan program francais dan vendor di peringkat negeri.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri terdapat seramai 24 franchisee di negeri Johor yang mendapat faedah di bawah Skim Francais. Saya ingin mendapat penjelasan, dari jumlah tersebut berapa ramaikah yang berjaya? Dan yang tidak berjaya, apakah langkah-langkah yang kementerian ambil bagi membantu mereka?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, daripada 24 yang telah pun dilantik, yang menghadapi masalah ialah 3 dan kesemuanya mereka ini dalam bidang percetakan. Sebab mengapa 3 ini menghadapi masalah ialah kerana master franchisor ataupun syarikat induk di luar negara menghadapi masalah serta master franchisee dalam negara juga menghadapi masalah. Ini adalah dalam bidang percetakan.

Bagi menghadapi masalah ini, kementerian telah pun mengadakan perjumpaan dengan mereka dan cuba untuk memastikan mereka dapat menceburi bidang-bidang yang berkaitan dengan bidang yang telah diceburi, iaitu dalam kes ini ialah percetakan ataupun bidang-bidang lain. Insya-Allah, mereka yang menyertai Skim Francais dalam bidang percetakan ini, masalah-masalah yang dihadapi sedang ditangani oleh kementerian. Yang lain-lain, daripada 24, 3 ada masalah, 21 secara umumnya berjaya.

MAS - TINDAKAN TERHADAP KAKITANGAN YANG TIDAK CEKAP

2. Tuan Asmat Nungka [Beluran] minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah ada tindakan kepada kakitangan MAS yang tidak cekap dan amanah semasa menjalankan tugas; sebagai contohnya semasa membuat tempahan penerbangan kakitangan MAS mengatakan tiada 'seat' tetapi apabila perkara ini dirujuk kepada agen pelancongan ternyata masih ada lagi 'seat' berkenaan. Bagaimanakah perkara ini boleh berlaku.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut prosedur yang sedia ada, adalah tidak mungkin bagi seseorang penumpang yang dimaklumkan oleh kakitangan penerbangan Malaysia (MAS) bahawa sesuatu penerbangan itu telah pun penuh ditempah untuk membuat penempahan bagi penerbangan yang sama melalui agen pelancongan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, ini adalah kerana sistem penempahan berkomputer yang digunakan oleh MAS dan juga agen-agen pelancongan adalah sama dan menunjukkan data yang serupa.

Masalah yang dialami oleh Ahli Yang Berhormat dari Beluran pada hari itu, kemungkinan adalah oleh kerana tiket untuk hari dan penerbangan yang dikehendaki kemungkinan telah pun di'block booked' oleh agen-agen pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan prestasi kakitangan MAS pula, ingin saya memaklumkan bahawa semua kakitangan MAS adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan dan mana-mana kakitangan yang melanggar terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan ini boleh dikenakan tindakan tatatertib.

Dato' Haji Hanafi bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih kepada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kita berpuas hati dengan layanan oleh pihak kakitangan MAS terutamanya layanan di atas kapal terbang, yang menjadi masalah ialah layanan di bawah seperti 'ticketing' dan lain-lain. Jadi, adakah Yang Berhormat bercadang untuk mengadakan kursus-kursus yang lebih lagi kepada kakitangan yang mengendalikan urusan dengan penumpang-penumpang di bawah ini supaya mereka mempunyai tatasusila yang lebih baik lagi?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, semua kakitangan penerbangan MAS sebelum menjalankan tugas layanan di bawah, mereka akan

dikehendaki untuk mengikuti kursus terlebih dahulu supaya layanan dan pengendalian urusan di bawah diberikan menepati dengan kehendak MAS. Selepas mengikuti kursus itu barulah diberikan tugas-tugas di merata tempat di negara kita. Tetapi, walau bagaimanapun, MAS sentiasa menjaga prestasi dan imejnya sebab ianya merupakan sebuah penerbangan nasional kita dan Kementerian Pengangkutan juga sentiasa memberi amaran dan teguran supaya MAS selalu mempertingkatkan lagi prestasi ini.

Tuan Asmat Nungka: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mungkin di tempat-tempat yang lain terdapat keadaan yang berlainan, tetapi apa yang kita dapati di Sandakan di mana pusat penjualan tiket MAS ini hanya terdapat di pusat bandar sendiri dan keadaan di Sandakan jalannya selalu sesak, jadi, kami mencadangkan kalau boleh kita adakan satu pusat penjualan tiket MAS di Lapangan terbang Sandakan. Apakah ini ada dalam cadangan Kementerian Pengangkutan pada masa kini?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, selain daripada pejabat 'ticketing office', dengan izin, yang diadakan di Sandakan, di tempat lain juga seperti melalui agen-agen pelancongan dapat membeli tiket dan juga di Lapangan Terbang Sandakan mempunyai satu pejabat penjual tiket di situ.

BEKAS POLIS - KEMUDAHAN RAWATAN PERUBATAN PERCUMA

3. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman [Pokok Sena] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah benar bekas-bekas polis yang telah berjasa kepada negara terutama sekali yang telah menyabung nyawa menghapuskan pengganas komunis tetapi tidak mendapat kemudahan rawatan hospital dan kemudahan-kemudahan lain semasa menempuh hari tua mereka.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, bekas-bekas polis yang bersara kerana cukup umur, bersara pilihan sendiri dan yang dibersarakan atas sebab-sebab kesihatan masih tetap mendapat kemudahan rawatan perubatan percuma dari hospital-hospital kerajaan sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Perintah Am Bab 'F'.

Bagi bekas-bekas polis dari kalangan Special Constable (SC), mereka masih terus menikmati kemudahan rawatan perubatan percuma selagi mereka menjadi ahli Persatuan Bekas-bekas Polis.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan berhubung dengan bekas-bekas polis:

- (a) Seperti yang kita tahu, bekas-bekas tentera ada wakilnya di dalam Dewan Senate, Orang Asli pun ada wakilnya dalam Dewan Senate, orang Thai yang ada lebih kurang 10,000 pun ada wakilnya dalam Dewan Senate. Tak adakah cadangan kementerian ini supaya ada seorang wakil daripada bekas-bekas polis yang saya percaya lebih kurang 80,000 ahli-ahli Persatuan Bekas Polis?
- (b) Apakah sumbangan kerajaan kepada Tabung Polis ini. Sebab kita tahu, polis ada satu tabung dan terutama sekali ahli-ahli korporat yang dapat hidup aman, damai, maju, jaya dan beruntung kerana keamanan yang dijagai oleh terutama sekali bekas-bekas polis dalam masa darurat dahulu, apakah sumbangan mereka ini kepada Tabung Polis?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, cadangan Ahli Yang Berhormat itu untuk melantik Ahli Senate daripada kalangan wakil bekas polis, boleh kita kaji, dari segi macam mana praktik ataupun tidak, tetapi saya rasa Dewan yang mulia ini, memang ada beberapa orang bekas polis yang telah jadi wakil rakyat pun boleh mewakili mereka untuk menyuarakan kepentingan mereka.

Untuk soalan (b), mengenai Tabung Polis, memang pada masa kini ada satu kumpulan wang polis Semenanjung yang telah pun diadakan, kecuali sumber-sumber yang diperolehi seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, sejauh manakah ahli korporat itu dapat menyumbang. Saya rasa kita mengalu-alukan sumbangan daripada ahli korporat kerana Tabung Kumpulan Wang Polis ini memang bertujuan untuk membantu pesara-pesara polis, pada masa kini kita hanya boleh membantu dalam bentuk peralatan seperti orthopaedics dan anggota palsu dan sebagainya. Wang yang diperolehi masih tidak mencukupi untuk memberi bantuan yang lebih luas daripada itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Batang Lupar.

Seorang Ahli: Bekas polis?

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Bekas polis tetapi bukan wakil bekas polis! [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Hmm!

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju dengan cadangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena.

Tuan Yang di-Pertua, pada 12 tahun ataupun 15 tahun yang lalu, gaji polis adalah setaraf dengan gaji tentera. Pada masa sekarang gaji polis di bawah gaji kakitangan Imigresen, di bawah gaji kakitangan Penjara, di bawah gaji kakitangan Kastam yang mana dahulunya semua jabatan ini di bawah gaji polis. Ini menunjukkan pengiktirafan ataupun penghargaan kerajaan telah berkurangan kepada pihak polis yang mana perjuangan polis masih berterusan dan banyak yang mati daripada askar, sama ada di medan peperangan ataupun di jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah adakah benar kerajaan telah membuat atau sedang membuat kajian semula atas gaji-gaji polis, kalau dibuat adakah akan diselaraskan dengan gaji tentera sebagaimana yang berlaku 12 tahun dahulu?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kalau bagi saya, memang saya bersetuju gaji polis itu diperbaiki. [*Tepuk*] Akan tetapi, sebagai kerajaan yang kolektif, Kementerian Dalam Negeri juga sentiasa perlu bersama-sama dengan kementerian-kementerian yang lain untuk menentukan kenaikan gaji ini supaya implikasinya tidak terlalu membebankan kerajaan sehingga akan menimbulkan masalah yang lain.

Walau bagaimanapun, apa-apa cadangan daripada pihak Polis DiRaja Malaysia itu telah pun disampaikan oleh kementerian kepada pihak-pihak yang tertentu. Jadi, bukanlah dalam bidang saya untuk menjawab soalan tersebut.

BARANGAN KELUARAN ISRAEL DI PASARAN TEMPATAN

4. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan bagaimanakah barangan keluaran Israel berada di pasaran tempatan sedangkan pihak kerajaan masih belum mengadakan hubungan perdagangan dengan negara tersebut. Adakah siasatan telah dibuat terhadap perkara ini dan apakah hasilnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Marang ini bersekali dengan soalan-soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian pada 20hb. November, 1996; Ahli Yang

Berhormat dari Tumpat pada 2hb. Disember, 1996 dan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai pada 9hb. Disember, 1996 kerana soalan-soalan ini berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini di dalam sidang yang lepas, sememangnya Malaysia berusaha meningkatkan hubungan perdagangan bukan sahaja dengan pasaran-pasaran tradisi yang ada sekarang, tetapi juga berusaha menjalin hubungan perdagangan dengan pasaran-pasaran baru.

Oleh yang demikian, Kerajaan Malaysia tidak menghalang syarikat-syarikat Malaysia secara persendirian membuat perdagangan direct sales atau indirect sales, dengan izin, dengan sesebuah negara dengan tujuan untuk mendapatkan barangan yang berkualiti, berteknologi tinggi dan murah. Kadangkala terdapat keadaan di mana barang-barang tersebut hanya boleh diimport dari sesebuah negara sahaja untuk tujuan perindustrian di Malaysia. Contohnya terdapat komponen elektronik dari Israel yang diperlukan oleh syarikat-syarikat 'multinational' yang beroperasi di Malaysia.

Untuk membolehkan perdagangan dengan Israel dibuat secara berperingkat. Kerajaan telah melonggarkan kawalan pelesenan import dan eksport antara Malaysia dengan Israel iaitu mengeluarkan lesen eksport secara automatik kepada semua permohonan untuk mengeksport barang-barang Malaysia ke Israel. Manakala lesen import pula dikeluarkan secara automatik untuk permohonan mengimport barang-barang tertentu dari Israel seperti peralatan mesin, bahan mentah untuk kegunaan perindustrian dan barang-barang makanan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun terdapat hubungan perdagangan dengan Israel, tetapi jumlah dagangan (import dan eksport) dari Januari sehingga Julai 1996 adalah terlalu kecil berjumlah RM120.5 juta dan ianya hanya merupakan 0.07% dari jumlah dagangan Malaysia dengan dunia luar.

Di antara syarikat yang telah mengimport barangan dari Israel ialah Motorola Malaysia Sdn. Bhd., Texas Instrument (M) Sdn. Bhd., Intel Technology Sdn. Bhd. dan Computer Protocol (M) Sdn. Bhd. Antara barangan yang dimport oleh syarikat-syarikat ini ialah "IC Die/Wafer, Integrated Circuit dan Computer Board". Manakala syarikat yang telah mengeksport barangan ke Israel ialah Perusahaan Intan Emas Sdn. Bhd. dan Rubberflex Sdn. Bhd. Antara barangan yang dieksport ialah sarung tangan dan 'rubber thread'.

BEKALAN ELEKTRIK DAN AIR DI SARAWAK - JUMLAH PERUNTUKAN

5. **Tuan Richard Riot Anak Jaem [Serian]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) jumlah peruntukan bagi Skim Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) bagi seluruh negeri Sarawak dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, mengikut daerah, mengikut tahun; dan
- (b) jumlah peruntukan bagi Skim Bekalan Air Luar Bandar (BALB) bagi seluruh negeri Sarawak dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, mengikut daerah dan mengikut tahun.

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Annuar bin Haji Musa]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat sedar tentang perlunya peruntukan yang agak besar terutamanya bagi bekalan elektrik luar bandar dan bekalan air luar bandar bagi negeri Sabah dan Sarawak. Oleh yang demikian, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh bagi negeri Sarawak sejumlah peruntukan sebanyak RM160 juta telah disediakan dan peruntukan bagi tahun 1996 ialah sebanyak RM45 juta dan tahun 1997, insya-Allah sebanyak RM50 juta. Bagi tahun-tahun yang berikutnya akan ditentukan kemudian.

Jumlah peruntukan ini tidak diagihkan mengikut daerah sebaliknya, Kementerian Pembangunan Luar Bandar bekerjasama dengan kerajaan negeri dan juga pihak SESCO untuk menentukan keutamaan dari masa ke semasa.

Sementara bagi bekalan air luar bandar sejumlah RM67 juta disediakan untuk negeri Sarawak. 80% daripadanya adalah peruntukan dalam bentuk pinjaman dan 20% lagi dalam bentuk pemberian langsung ataupun secara geran. Oleh kerana bekalan air adalah bidang kuasa kerajaan negeri, perancangan terperinci adalah bergantung kepada kerajaan negeri. Namun demikian, suka saya menjelaskan kerajaan negeri Sarawak dan juga beberapa buah kerajaan negeri yang lain telah kurang sekali mengemukakan permohonan untuk menggunakan peruntukan-peruntukan ini dan kementerian sedang dalam penyediaan satu laporan untuk menentukan supaya pihak kerajaan negeri memberikan perhatian yang serius terhadap kemudahan bekalan air luar bandar terutama sekali apabila adanya kerajaan-kerajaan negeri yang menswastakan bekalan air yang hanya tertumpu di kawasan bandar sahaja.

Haruslah diingatkan bahawa kerajaan negeri haruslah menunaikan tanggungjawabnya untuk memberikan perhatian terhadap bekalan air luar bandar dan peruntukan yang disediakan oleh kementerian hendaklah dipohon oleh kerajaan negeri sebelum kementerian dapat menyalurkan peruntukan tersebut bagi keperluan negeri yang berkenaan.

Tuan Richard Riot Anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Menteri kerana telah memberi peruntukan yang begitu besar untuk negeri Sarawak. Soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah terkini dan yang akan diambil oleh kerajaan untuk memastikan peruntukan itu digunakan sepenuhnya? Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: Di peringkat kementerian kita telah menubuhkan satu jawatankuasa dan Ketua Setiausaha Kementerian telah diberikan tanggungjawab untuk mendapatkan laporan daripada masa ke semasa dan laporan itu harus diserahkan kepada saya sendiri kerana kita telah menetapkan sasaran tertentu di mana negeri berkenaan harus menggunakan peruntukan yang disediakan mengikut jadual waktu yang kita tetapkan.

Tuan Kamaruddin bin Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan Tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri menyentuh mengenai perkara (b) iaitu Skim Bekalan Air Luar Bandar. Sepertimana yang kita ketahui bahawa peranan yang dimainkan oleh kementerian cukup baik dan amat memuaskan.

Dalam kita meninjau program bekalan air di luar bandar, kita dapati bahawa banyak paip air yang dibekalkan sejak dahulu lagi telah pecah. Dan ini mewujudkan masalah kerugian hasil air ataupun non revenue water' dengan izin. Jadi, adakah dalam memberi peruntukan melalui Skim Bekalan Air Luar Bandar ini juga termasuk membaiki paip-paip lama yang mungkin sebelum merdeka lagi, paip itu ditanam. Dan saya percaya kementerian juga dapat memikirkan, dapat mencadangkan ataupun dapat menyarankan supaya anggota PPRT mendapat bekalan ataupun pemasangan paip secara percuma kerana kita dapati bahawa rumah-rumah anggota PPRT ini kebanyakan bukan di tepi jalan, ianya di pedalaman. Kalau dapat diberi bantuan oleh pihak kementerian mungkin anggota PPRT ini akan dapat menikmati kemudahan yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya terpulangnya kepada kerajaan negeri bentuk program yang hendak dijalankan di bawah bekalan air luar bandar ini, asalkan skopnya tidak lari daripada apa yang telah kita tetapkan dan kita bersetuju di kebanyakan negeri level NRW ataupun 'non revenue water' dengan izin, ini adalah agak tinggi dan di setengah-setengah negeri mencapai tahap 30%. Kerajaan pusat menggalakkan kerajaan negeri untuk membaiki keadaan ini dan mereka boleh menggunakan peruntukan ini sekiranya peruntukan daripada Skim BALB ini perlu dipergunakan.

Yang hendak saya tegaskan di sini, adalah kelambatan kerajaan negeri memohon sejak bertukarnya dasar di mana 80% adalah dalam bentuk pinjaman tanpa faedah sementara 20% sahaja diberikan dalam bentuk geran. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat semua dapat memainkan peranan untuk menggesa kerajaan-kerajaan negeri untuk menggunakan peruntukan yang banyak yang disediakan oleh kementerian dan jumlah pengeluarannya agak kurang.

Mengenai masalah penerimaan bekalan air oleh para peserta di bawah program PPRT, saya mengucapkan terima kasih dan saya bersedia untuk mengkaji lebih lanjut perkara ini, di mana apa-apa perkara yang melibatkan peserta PPRT, kementerian saya memberikan priority yang tinggi untuk membantu mereka.

JAMBATAN ROSAK DI BATU 4 1/2 JALAN KELANG LAMA

6. **Tuan Liew Ah Kim [Seputeh]** minta Perdana Menteri menyatakan kenapa kerja-kerja membina jambatan yang rosak di Batu 4 1/2 Jalan Kelang Lama, Kuala Lumpur diberhentikan setelah kerja-kerja dijalankan baru-baru ini. Sila berikan sebab-sebab mengapa kerja-kerja ini diberhentikan, dan sila nyatakan juga sama ada kerja-kerja ini boleh disiapkan dalam tempoh 18 bulan seperti yang telah dinyatakan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini kerja-kerja membina jambatan rosak di Batu 4 1/2, Jalan Kelang Lama adalah mengikut jadual di mana kira-kira 40% kerja telah disiapkan iaitu jambatan nombor satu yang mengarah ke Petaling Jaya. Kerja-kerja melancar rasuk (pilling) jambatan akan dilaksanakan pada bulan November 1996 dan ini sebaik sahaja kerja-kerja pengaliran semula sungai disempurnakan iaitu dengan izin, river channelization. Pada peringkat

awal iaitu dari bulan Mac 1996 hingga Jun 1996, kerja-kerja pembinaan yang dijalankan adalah agak perlahan kerana masalah teknikal yang ada.

Walau bagaimanapun, masalah tersebut telah dapat diatasi dan kerja-kerja tersebut berjalan dengan lancar dan dijangkakan siap untuk lalu lintas pada bulan Disember 1996.

Apabila jambatan ini siap, maka jambatan dua akan ditutup dan jambatan satu akan digunakan. Kerja pembinaan jambatan nombor dua iaitu mengarah ke bandaraya akan dimulakan pada bulan Januari 1997 dan dijangka siap pada bulan September 1997. Jangkaan tarikh siap adalah masih menepati tempoh kontrak selama 18 bulan iaitu mulai Mac 1996 sehingga September 1997.

Tuan Liew Ah Kim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya kerja pembinaan itu dilewatkan. Adakah pihak kerajaan dengan sengaja melewatkan kerja-kerja pembinaan jalan dan jambatan di Jalan Kelang Lama supaya wakil rakyat yang berkenaan dipersalahkan.....

Beberapa Ahli: Boo!

Tuan Liew Ah Kim: dia tidak membuat kerja ataupun tidak memberi perkhidmatan kepada penduduk-penduduk di kawasan beliau? Saya minta semua surat khabar dapat melaporkan perkara ini supaya salah faham tidak timbul lagi terhadap wakil rakyat yang berkenaan iaitu Wakil Rakyat kawasan Seputeh.

Beberapa Ahli: Boo! [Ketawa]

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, bila yang kita kata lambat. Kita kata 'akan siap dalam masa 18 bulan' dan masa 18 bulan ini akan tamat pada September 1997. Sekarang bulan November 1996, jadi tidak sempat lagi, sudah kata lambat. Ini adalah pandangan yang negatif sekali.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Yang di-Pertua, bila jambatan ini dirosakkan, tahun 1995!.....

Beberapa Ahli: Duduk! Duduk! Boo!

Tuan Yang di-Pertua: Seputeh! [Pembesar suara dimatikan]

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, bila jambatan itu rosak bukan boleh buat serta-merta, dia mesti kaji, mesti buat tender, mesti nilai tender dan sebagainya. Kemudian barulah kita dapat buat, bukan boleh buat dengan serta-merta, katakan hari ini roboh besok bawa lori hendak buat. Ini, kalau tidak faham susah!

Seorang Ahli: Buat sendirilah! [Ketawa]

RINGGIT MALAYSIA - JUMLAH PENGALIRAN KELUAR

7. Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran] minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah kerugian kerajaan daripada pengaliran keluar ringgit Malaysia dengan kehadiran banyaknya pekerja asing di negara ini. Adakah Kementerian Kewangan mempunyai rekod mengenai pengeluaran keluar wang negara mengikut negara-negara asal pendatang-pendatang tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pengiriman wang oleh pekerja-pekerja asing ke negara-negara asal adalah lebih kurang RM1.1 bilion dalam tempoh Januari hingga September 1996. Sebanyak 93% daripada jumlah kiriman wang oleh pekerja asing adalah ke Indonesia, Bangladesh dan Filipina. Jikalau saya pecahkan 93% ini:

Negeri	Jumlah (%)
Indonesia	68
Bangladesh	19
Filipina	6
Lain-lain negeri	7

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ekoran dari penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kementerian bercadang untuk mewujudkan peraturan untuk menghadkan jumlah wang yang dihantar pulang oleh pekerja-pekerja asing ke negara mereka untuk mengelakkan banyak wang keluar ke luar negara?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, wang yang dihantar oleh pekerja-pekerja asing balik ke negara masing-masing adalah hak mereka iaitu daripada gaji yang mereka dapati di negara kita. Jadi, tidaklah betul untuk kita menghadkan wang yang dihantar. Kalau dia balik, tetapi wangnya ditinggalkan di sini pun tidak adil. Oleh itu, ingin saya nyatakan di sini, dalam hal pengaliran wang (remittance), dengan izin oleh pekerja-pekerja asing itu, kita jangan lihat kepada aliran yang keluar sahaja, kerana pekerja asing datang ke negara kita bekerja dan menyumbang kepada peningkatan KDNK kita.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, KDNK kita meningkat tahun lepas sebanyak 9.6% dan dari segi angka 'absolute'nya KDNK kita adalah berjumlah hampir RM400,000 juta. Jadi, RM1.1

juta ini yang keluar mesti dilihat dari segi perspektif bersih (nett). Kalau kita lihat RM1.1 juta mungkin sumbangan mereka adalah lebih daripada RM1.1 juta iaitu mungkin 20....

Tuan Yang di-Pertua: Bilion.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: RM1.1 bilion. Minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Mungkin sampai RM20 bilion. Jadi, di dalam hakikat ini, jangan dilihat dari segi aliran absolute, kita kena lihat dari segi perspektif nett ataupun bersih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah, apakah jangka masa sebelum seseorang pekerja asing dikenakan cukai pendapatan dalam negeri dan sejak tahun ini atau sejak tahun 1990 berapa ringgit Malaysia telah dipungut sebagai cukai pendapatan dalam negeri dan apakah anggarannya yang mungkin terlepas daripada pungutan ini?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini amat spesifik, ia pun terkeluar daripada soalan asal, iaitu pengaliran wang keluar. Mengenai cukai pendapatan boleh saya jawab di dalam bentuk jawapan bertulis.

PERLUMBAAN FORMULA ONE TAHUN 1999 - PULANGAN DIPEROLEHI

8. Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat] minta Perdana Menteri menyatakan bahawa baru-baru ini Perdana Menteri telah mengumumkan hasrat negara untuk menganjurkan Formula One pada tahun 1999 kelak:

- apakah bentuk-bentuk pulangan yang akan diperolehi hasil daripada penganjuran acara berkenaan yang dianggap masih baru bagi Malaysia; dan
- siapakah yang akan menjadi penganjurnya kelak dan bagaimanakah peranan kerajaan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua;

- Untuk makluman Yang Berhormat, penganjuran perlumbaan Formula One Championship yang akan diadakan pada tahun 1999 akan memberi banyak faedah kepada negara termasuk dari segi pendedahan serta pengiktirafan negara lain. Dianggarkan seramai 300 juta orang

menonton liputan televisyen perlumbaan tersebut di seluruh dunia. Memandangkan liputan perlumbaan tersebut merupakan yang ketiga terbesar di dunia, selepas World Cup Soccer dan Olimpik.

Penganjuran perlumbaan Formula One ini akan memantapkan lagi imej Malaysia selepas pendedahkan kepada masyarakat dunia melalui Sukan Komanwel (SUKOM) pada tahun 1998.

Pendedahan sedemikian akan menggalakkan industri pelancongan dan seterusnya boleh menarik minat pelabur luar untuk melabur di negara ini. Pada masa yang sama Malaysia akan didedahkan kepada teknologi moden seperti kejuruteraan enjin dan sistem transmisi yang berfaedah untuk perindustrian automobil.

- (b) Formula One Racing Track yang terletak berdekatan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa, Kuala Lumpur akan dibina, diurus dan diselenggarakan oleh Malaysia Airport Berhad (MAB). Kerajaan akan memberi sokongan kepada MAB dari segi kelicinan acara seperti memastikan keselamatan penonton, kawalan trafik dan sebagainya untuk menjayakan perlumbaan tersebut.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tidak dapat menyatakan pulangan atau faedah yang boleh diperolehi dari segi jumlah wang yang boleh diperolehi oleh negara, bolehkah Yang Berhormat menyatakan kos yang akan ditanggung oleh pihak kerajaan untuk menganjurkan perlumbaan Formula One ini?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara ini akan berlaku pada tahun 1999, maka pada waktu ini kita tidak mempunyai anggaran kos sebenarnya. Tetapi kalau kita lihat iaitu bahawa kerajaan tidak akan melibatkan diri dalam sesuatu perkara yang akan mendatangkan kerugian kepada negara kita.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat boleh memberi jaminan tentang penonton dalam negeri. Misalnya kalau kita lihat permainan tenis sekarang ini, kalau di luar negeri ramai penonton, tetapi di Malaysia ini kelihatan sepi, memalukan imej.....

Beberapa Ahli: Boo!

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: jadi bagaimana, adakah Yang Berhormat boleh memberi jaminan? Tadi, Yang Berhormat bercakap penonton daripada luar negeri akan melihat, tetapi penonton dalam negeri, ketika orang bermain, penonton tidak ada, ini memalukan! Yang Berhormat akan malu!

Beberapa Ahli: Boo!

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, memang ada jenis-jenis sukan yang mungkin tidak menarik perhatian penonton- penonton kita dalam negara seperti disebut Yang Berhormat macam tenis tadi. Tetapi daripada kita punya kajian iaitu bahawa sukan-sukan seperti bola sepak dan Racing Formula One ini merupakan sukan yang menarik perhatian ramai penonton- penonton kita di dalam negeri. Sebab itu, kita berkeyakinan iaitu bahawa kita akan mendapat sambutan yang kuat daripada penonton kita dalam negara ini.

GURU BERKELULUSAN SPM - BANTUAN MEMASUKI UNIVERSITI/IPT

9. Puan Lim Lay Hoon [Padang Serai] minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada satu rancangan khas untuk membantu guru-guru berkelayakan SPM yang ingin melanjutkan pelajaran tetapi sudah melebihi had umur untuk memasuki universiti atau institut pengajian tinggi akan disediakan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah melancarkan program jarak jauh di universiti tempatan sejak tahun 1971/1972.

Program jarak jauh ini antara lain bertujuan untuk meluaskan peluang pendidikan sesuai dengan dasar pendemokrasian pendidikan. Melalui program ini guru-guru yang berkelayakan boleh melanjutkan pelajaran ke universiti walaupun telah melebihi had umur. Kementerian Pendidikan juga telah melonggarkan syarat di mana guru-guru yang berkelayakan tidak perlu lagi disahkan dalam jawatan untuk mengikuti program jarak jauh ini. Tujuannya ialah untuk membolehkan lebih ramai lagi guru menyertai program tersebut.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya banyak ditanya oleh guru-guru yang ingin mengikuti program pendidikan jarak jauh yang digalakkan oleh kementerian. Tetapi masalahnya, salah satu

daripada rintangan yang dihadapi oleh pihak guru ialah bayaran di antara RM10,000 hingga RM11,000 untuk setahun dalam mengikut pengajian tersebut. Oleh kerana gaji guru ini bukan besar sangat - kecil.

Jadi, dalam soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, adakah kementerian juga akan membuat peruntukan khas kepada guru-guru yang berminat supaya guru ini bukan sahaja dapat mengajar tetapi juga meninggikan tahap mereka sebagai seorang guru dan mengikut pengajian cara jarak jauh? Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd Yunus: Syarat itu kena diteliti terlebih dahulu.

Tuan Henrynus Amin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan ahli Parlimen dari Padang Serai tadi adalah mengenai dengan kelayakan guru di peringkat SPM. Persoalan saya, adakah pihak kementerian bercadang untuk mengadakan satu program untuk membenarkan guru-guru yang hanya berkelulusan SPM tetapi telah mempunyai pengalaman dan ingin melanjutkan pelajaran seperti di univesiti-universiti lain khususnya di Amerika Syarikat? Mereka mempunyai program yang dipanggil 'mature student', dengan izin, dan adakah kemasukan ini bukan sahaja distance learning ataupun kajian di luar tetapi langsung untuk masuk di universiti dan seterusnya mendapat bantuan kewangan daripada pihak-pihak tertentu?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd Yunus: Tuan Yang di-Pertua, kita ada program-program lain, misalnya kita mempunyai program bagi guru-guru khususnya secara berkembar dengan universiti-universiti tempatan dan juga kita adakan program TESL bagi di luar negeri. Selain daripada itu, kita juga sudah melaksanakan apa yang kita panggil saluran kedua ataupun second channel program untuk memberi peluang kepada mereka yang berminat khususnya untuk mempertingkatkan ilmu bermula dengan bidang teknikal.

Tetapi mulai tahun ini, universiti-universiti tempatan telah mengadakan bidang-bidang yang lain untuk memberi ruang atau meluaskan ruang itu kepada sesiapa sahaja termasuk guru-guru yang ingin meningkatkan pengetahuan masing-masing.

AKTA HAK CIPTA/PERIHAL DAGANGAN - JUMLAH TANGKAPAN/NILAI RAMPASAN

10. Tuan Jimmy Donald [Sri Aman] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan jumlah tangkapan yang telah dibuat terhadap mereka yang telah melanggar Akta

Hak Cipta 1987 dan Akta Perihal Dagangan 1972 pada tahun 1994, 1995 dan 1996 dan langkah-langkah susulan yang telah diambil supaya kejadian seperti ini berkurangan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah tindakan yang diambil terhadap peniaga-peniaga yang melanggar Akta Hak Cipta 1987 dan Akta Perihal Dagangan 1972 bagi tempoh 1994 hingga 2hb. November 1996 adalah seperti berikut:-

Tahun	Akta Hak Cipta	Akta Perihal Dagangan
1994	633 kes	737 kes
1995	491 kes	1,218 kes
1996	380 kes	857 kes
Jumlah	1,511 kes	2,812 kes

Nilai rampasan bagi kes-kes di bawah Akta Hak Cipta 1997 ialah sebanyak RM6,277,833. Sebanyak 901 kes telah dibawa ke mahkamah dan pihak-pihak yang dituduh telah didenda sebanyak RM814,400.

Bagi tindakan Akta Perihal Dagangan 1972 pula, nilai barang rampasan ialah RM6,805,100.92. Sebanyak 893 kes telah dibawa ke mahkamah dan pihak yang dituduh didenda sebanyak RM791,520 manakala 1,526 kes lagi telah dikompaun dengan nilai kompaun sebanyak RM792,920.

Selain daripada tindakan-tindakan penguatkuasa, kementerian juga mengambil pelbagai langkah perlu untuk mengawal aktiviti-aktiviti yang tidak sihat. Di antara langkah-langkah tersebut ialah:

- pemeriksaan proaktif yang dijalankan sepanjang masa termasuk di kawasan-kawasan luar bandar;
- penubuhan pasukan petugas anti cetak rompak dan peniruan barangan di kementerian;
- menggalakkan tuan punya hak cipta dan industri yang terlibat serta orang ramai membuat aduan, setiap aduan disiasat dengan sewajarnya;
- menggalakkan tuan punya hak cipta dan industri berkaitan bertindak secara kolektif dalam mentadbir hak cipta bagi membanteras kegiatan cetak rompak dan peniruan barangan.

- mempertingkatkan kesedaran dan kefahaman orang ramai mengenai hak cipta dan akta intelek bagi program dan aktiviti pendidikan seperti seminar, ceramah, dialog, penerangan dan penerbitan; dan akhirnya;

- menggalakkan tuan punya hak cipta dan tuan punya berdaftar cap dagangan mengambil langkah-langkah pencegahan. Aktiviti ini dijalankan secara berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Akta Hak Cipta 1997, Akta Cap Dagangan 1976, Akta Paten 1983 dan Akta Perihal Dagangan 1972 juga memperuntukan kuasa yang membolehkan tuan punya hak mengambil tindakan sivil keatas mana-mana pihak yang melanggar hak-hak mereka.

Tuan Yunus bin Rahmat: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah di kawasan Petaling Street dan juga Chow Kit Road, akta hak cipta tidak terangkum? Kerana saya nyatakan demikian, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pergi bila-bila pun ke kawasan tersebut, memang senang-senang kita dapat barang-barang yang ditiru, dijual sewenang-wenangnya.

Jadi, saya ingin bertanya, adakah kementerian mengadakan serbuan atau pemeriksaan ke kawasan-kawasan lokasi yang dikenal pasti - orang-orang kampung pun dah tahu di kawasan - ini - memang dapat beli jam Rolex atau apa-apa yang imitation, dengan izin, tetapi masih berterusan dijual sewenang-wenangnya. Jadi, saya ingin tahu adakah serbuan pernah dibuat di situ? Setakat hari ini, adakah rekod daripada kementerian berapa kali dan berapa jumlah rampasan yang dibuat di situ?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, akta yang disebutkan tadi adalah dikuatkuasakan di seluruh negara dan termasuk Petaling Street atau jalan-jalan lain. Masalah penjualan barang-barang tiruan seperti jam tangan dan lain-lain, kita merampas barang-barang ini dan juga membawa mereka yang melakukan kesalahan ini yang akan didenda ataupun dituduh di mahkamah.

Kes-kes yang spesifik atau jumlah kutipan yang telah dilakukan, saya tidak dapat beri dan saya perlukan notis. Tetapi suka saya menjelaskan bahawa untuk kementerian berjaya 100% atau mengehadkan kegiatan ini, kita memerlukan kerjasama daripada pengguna. Sebahagian besar pengguna membeli barang-barang tiruan ini selepas

mengetahui barang-barang ini adalah barang tiruan, tetapi hendak membeli juga. Jadi, saya berharap pengguna-pengguna jangan membeli barang-barang tiruan selain daripada tindakan penguatkuasaan yang dijalankan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada ura-ura mengatakan bahawa jika pasukan penguatkuasa berjaya merampas dan mendakwa orang-orang yang mencerobohi Akta Hak Cipta di bidang video tape, maka mereka akan diberi imbuhan atau lebih tepat, 'tumbuk rusuk' oleh tuan punya hak cipta.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sama ada ini adalah benar dan mengapa pasukan penguatkuasa dibenarkan membawa senjata api apabila bertugas?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya tidak benar.

KURSUS DALAM CUTI BAGI GURU-GURU -PENYERTAAN

11. Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang] minta Menteri Pendidikan menyatakan kedudukan "Kursus Dalam Cuti" (KDC):

- apakah program ini akan diteruskan; dan
- bagi guru-guru di Sabah masih ramai yang belum mengikuti KDC dan apakah rancangan kementerian membantu mereka ini.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua,

- Pada ketika ini, Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk meneruskan program Kursus Dalam Cuti.
- Kementerian Pendidikan telah pun menyerapkan ramai Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT), khasnya yang mengajar di kawasan pedalaman di Sabah dalam program Kursus Dalam Cuti Khas yang diambil pada bulan Februari tahun ini.

GSTT lain yang dapat memenuhi syarat kelayakan minimum untuk kursus sepenuhnya bolehlah memohon kursus Diploma Perguruan Malaysia.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, sejauh manakah keberkesanan Kursus Dalam Cuti ini dalam

meningkatkan prestasi guru-guru untuk merealisasikan Dasar Pendidikan Negara dan apakah insentif tertentu yang diberikan kepada guru-guru yang mengikuti kursus seumpama ini?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, KDC ini diadakan sejak tahun 1980-an. Tujuannya ialah untuk menampung keperluan guru-guru di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil dan kita anggarkan, menjelang tahun 1998, guru-guru di peringkat sekolah kebangsaan akan dapat kita tampung, kecuali dalam mata pelajaran yang tertentu sahaja.

Itu sebabnya kita tidak bercadang hendak meneruskan dan dari keberkesannya memang guru-guru yang telah mengikuti KDC ini telah dapat mempertingkatkan kelayakan mereka, di mana ada di antara mereka itu, sekarang ini ramai yang memiliki Diploma.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau kita perhatikan sekarang bahawa guru-guru yang terlatih dan cekap ini kebanyakannya berada di pusat-pusat bandar oleh kerana mengikut suami yang bekerja di bandar ataupun kemudahannya lebih baik. Di luar bandar, kebanyakan guru-gurunya kurang berkelayakan dan ini menjadikan kedudukan sekolah itu bertambah teruk. Apakah langkah kerajaan untuk menggalakkan supaya lebih ramai guru-guru yang pakar dan cekap ini dihantar ke luar bandar dan apakah kerajaan bercadang menambah insentif kepada mereka ini?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita berdepan dengan satu masalah apabila sampai kepada soal hendak menempatkan guru-guru, terutama sekali suami isteri. Walaupun begitu, sebagai suatu langkah jangka panjang, kita telah pun menggariskan panduan dan kita berharap akan dapat mengadakan guru-guru yang berijazah dengan lebih ramai lagi bilangannya di sekolah-sekolah rendah. Begitu juga di sekolah-sekolah menengah, terutama sekali di kawasan luar bandar yang telah pun kita pastikan matlamatnya menjelang tahun 2000. Kita berharap guru-guru siswazah ini dapat kita tempatkan di sekolah rendah dengan bilangan yang lebih besar lagi selain daripada sekolah-sekolah yang sedia ada.

SAINTIS MALAYSIA DI LUAR NEGARA - SUMBANGAN KHIDMAT DI TANAH AIR

12. Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar]: minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan mengenai sambutan

yang diterima daripada langkah kerajaan untuk menarik pakar-pakar Malaysia yang kini berkhidmat di seberang laut, seperti saintis dan lain-lain supaya kembali menyumbangkan khidmat mereka kepada tanah air mereka.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Law Hieng Ding]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah menerima sebanyak 73 pertanyaan daripada saintis Malaysia di luar negara yang ingin kembali berkhidmat di Malaysia, manakala 22 pertanyaan lagi daripada saintis asing.

Jumlah saintis Malaysia mengikut bidang kepakaran dan negara tempat mereka berkhidmat adalah seperti dinyatakan di bawah:

(A) Mengikut bidang kepakaran:

Bidang Keutamaan	Bilangan
Kejuruteraan Kimia	7
Kejuruteraan Elektrik	8
Kejuruteraan Awam	3
Kejuruteraan Mekanikal	2
Metalurgi/Kaji Logam	2
Teknologi Maklumat	5
Matematik/Fizik	8
Biokimia/Molekular Biologi	10
Perubatan/Kesihatan	7
Kimia	9
Alam Sekitar/Toksikologi/Geokimia	5
Bioteknologi	3
Biologi Tumbuhan	3
Pengurusan Perniagaan	1

(B) Mengikut negara tempat mereka berkhidmat:

Negara	Bilangan
Amerika Syarikat	27
Kanada	13
United Kingdom	12
Australia	7
Singapura	4
Jepun	2
New Zealand	2
Sweden	2
Hong Kong	2
Nigeria	1
India	1

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini telah memanjangkan maklumat mengenai saintis-saintis ini kepada institusi-institusi penyelidikan awam yang berkaitan, tetapi setakat ini masih belum ada maklum balas yang diterima kerana skim ini baru dilancarkan.

Walau bagaimanapun, di atas usaha institusi sendiri sehingga kini, 13 saintis dari luar negara telah diambil berkhidmat dengan pelbagai institusi penyelidikan tempatan. Dari jumlah ini 6 orang adalah warganegara Malaysia. Di samping itu, 18 lagi saintis dalam proses pengambilan. Jumlah ini termasuk juga saintis asing yang memohon untuk berkhidmat di Malaysia.

Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu adakah benar bahawa saintis wanita dan pakar wanita warganegara yang berkahwin dengan orang asing terpaksa berkhidmat di luar negara walaupun mereka berhasrat balik ke tanah air mereka sebab undang-undang yang kita ada sekarang tidak membenarkan suami mereka bekerja di negara ini. Kalau ini benar, apakah langkah kerajaan telah ambil untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh pakar-pakar wanita itu?

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak salah faham mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu, suami atau isteri warganegara asing yang berkahwin dengan warganegara Malaysia, mereka boleh memohon dan akan diberi kebenaran berkhidmat di negara kita.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak kerajaan menyiasat sama ada 70 orang yang telah pun melahirkan hasrat untuk pulang itu masih lagi memegang kewarganegaraan Malaysia ataupun mereka telah pun melucutkan kewarganegaraan negara ini atas pilihan sendiri?

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, untuk saintis Malaysia yang sedang berkhidmat di luar negara, memang mereka dialu-alukan kembali memberi perkhidmatan mereka kepada negara kita. Tetapi, kepada mereka yang berwarganegara Malaysia yang telah melepaskan kewarganegaraannya keluar negara, mereka akan dianggap sebagai saintis asing dan mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

PELAN TAPAK DAN PELAN BANGUNAN - KELULUSAN

13. **Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan mengikut dasar kerajaan tempatan bagi mempertimbangkan permohonan kelulusan pelan tapak dan pelan bangunan:

- (a) adakah pemaju perumahan dibenarkan merancang pembinaan rumah-rumah teres sehingga garis sempadan tanah yang ada; dan
- (b) adakah rizab jalan yang cukup luas dikehendaki dalam pelan tapak dan pelan bangunan supaya memastikan jalan yang cukup lebar dan longkang yang cukup lebar/dalam boleh dibina di hadapan rumah-rumah teres.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Berdasarkan kepada Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) tahun 1984, pemaju perumahan tidak dibenarkan membina rumah-rumah teres sehingga ke garis sempadan tanah. Undang-undang kecil tersebut telah menetapkan kehendak-kehendak bagi mengadakan anjakan di antara sesuatu bangunan dengan mana-mana sempadan lotnya.
- (b) Di bawah Undang-undang Kecil Bangunan Seragam tahun 1984, di antara perkara-perkara yang perlu ditunjuk di dalam sesuatu pelan tapak adalah kelebaran jalan baru yang dicadangkan serta saiz parit-parit yang akan dibina di dalam sesuatu pemajuan. Ini akan membolehkan pihak berkuasa tempatan menilai sama ada mencukupi atau tidak.

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai perkara (b) iaitu memastikan jalan cukup lebar dan longkang yang mencukupi. Akhir-akhir ini ramai pemaju yang berminat untuk membuat ataupun membina rumah dalam sawah padi dan juga lembah kerana tanahnya murah. Jadi, ini menyebabkan yang dahulunya sawah padi itu mempunyai air dan hari ini tempat ia bertakung telah diganggu. Bererti 'perangai' asal air telah diganggu, the pebicular behaviour of water, dengan izin.

Jadi, adakah pihak kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat memastikan agar pemaju-pemaju perumahan ini dapat mengikut syarat agar limpahan air yang keluar daripada kawasan yang dibina/ditambun dengan tanah itu tidak masuk ke rumah-rumah tradisi yang berhampiran. Ini yang melibatkan rumah itu

terpaksa di'jack' dan diberi tinggi supaya tidak masuk air, dan mungkin ini tidak munasabah, tetapi kalau dapat dipastikan oleh kementerian sebelum diluluskan program ini ataupun projek ini, suatu sumber kumbahan dipastikan agar ianya ataupun air ini mengalir dengan elok dan tidak masuk ke kampung tradisi?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Saya ingin jelaskan, sesuatu kelulusan untuk kawasan pemajuan adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan dan pihak berkuasa tempatan memang ikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 dan juga lain-lain kehendak seperti laporan kajian yang perlu diadakan terutamanya bagi kawasan yang perlu ada siasatan yang mendalam seperti kawasan sawah atau cerun bukit. Bagi kawasan ini laporan geoteknik dan sebagainya perlu dihantar kepada pihak berkuasa tempatan sebelum permohonan pemajuan itu diluluskan. Ini bermakna adalah tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa tempatan supaya sesuatu pemajuan itu akan diberi pertimbangan sewajarnya dari segi air bertakung dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Masa bagi pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 39 dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1997

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1997

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Rang Undang-undang Perbekalan 1997 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

"Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM17,268,654,900 (Ringgit Malaysia tujuh belas bilion, dua ratus enam puluh lapan juta, enam ratus lima puluh empat ribu, sembilan ratus) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1997, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1997 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 Tahun 1996, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersementaraan dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut."
[12hb. November, 1996]

Tuan Yang di-Pertua: Minta Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjawab bagi Jabatan Perdana Menteri dan juga Kementerian Kewangan.

3.37 ptg.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan teguran dan izinkan saya meneruskan dengan memberikan penjelasan terhadap teguran dan syo-syor di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong minta supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membenarkan Badan Pencegah Rasuah menyiasat

menteri-menteri dan calon-calon berbelanja lebih dari jumlah pendapatan sah semasa pilihan raya. Ahli Yang Berhormat sedar dan harus sedar bahawa BPR adalah satu badan yang bebas, menjalankan siasatan terhadap sesiapa sahaja tanpa perlu merujuk terlebih dahulu kepada Perdana Menteri. Kalau ada aduan terhadap menteri ataupun Yang Berhormat Ketua Pembangkang atau sesiapa sahaja, aduan itu haruslah bertanggungjawab, dipertahankan dengan bukti-bukti sebelum siasatan diteruskan.

Ada juga pandangan dan teguran termasuk dari Ahli Yang Berhormat dari Bintulu yang membangkitkan perkara berhubung dengan Pilihanraya Umum Dewan Undangan Negeri Sarawak yang dikatakan berlakunya kegiatan rasuah, pembelian calon dan penolakan kertas penamaan calon. Kita terikat dengan akta yang berkaitan termasuk kesalahan di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya. Oleh yang demikian, sewajarnya segala bantahan dikemukakan menurut saluran yang tepat dan tidak dibuat secara melulu. Kita harus terima dalam proses demokrasi, ada yang menang dan ada yang kalah dan sewajarnya Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti pembangkang harus terima keputusan ini dengan baik dan tidak hanya menuduh bila mereka kalah dan gembira bila mereka menang. [*Tepuk*]

Begitu juga tentang pertanyaan yang berkaitan dengan kedudukan para hakim. Kita tidak bicarakan pengamatan atau persepsi di sini. Kita bicarakan tuduhan spesifik yang dikemukakan. Kerana kalau tuduhan itu hanya berdasarkan kandungan surat layang dan tohmahan yang dibuat secara melulu, itu mempersulitkan kerja Badan Pencegah Rasuah. BPR telah melaporkan bahawa penyiasatan yang mereka lakukan itu terperinci, termasuk terhadap kandungan surat-surat layang yang berkaitan dengan kedudukan dan integriti para hakim. BPR berpuas hati bahawa tidak ada kes yang kukuh, yang berasas yang boleh menyebabkan mereka mengemukakan kepada Peguam Negara dan untuk Peguam Negara mengambil tindakan. Oleh yang demikian, saya harap rakan-rakan Ahli Yang Berhormat dari Pembangkang lebih bertanggungjawab supaya tidak menjejaskan imej dan kredibiliti pegawai atau pemimpin termasuk para hakim.

Ahli Yang Berhormat juga mengemukakan, termasuk Ahli Yang Berhormat dari Cheras tentang keperluan meminda, memperkukuh Akta Pencegah Rasuah dan undang-undang berkaitan. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin jelaskan bahawa soal rasuah ini adalah soal keadilan. Bukan soal motif politik, bukan kemenangan moral

bagi orang politik. Soal keadilan ini harus ditangani dengan bijaksana berdasarkan bukti dan keterangan yang jelas. Sebab itulah BPR telah mengemukakan cadangan kepada Jabatan Peguam Negara untuk memperkemas undang-undang rasuah yang ada supaya lebih kemas dan kukuh. Ini termasuk menyelaraskan dan memperkemas undang-undang yang berkaitan dengan Akta Pencegah Rasuah Penal Code dan Criminal Procedure.

Yang kedua, menentukan supaya kuasa tambahan diberi kepada Badan Pencegah Rasuah supaya dapat bertindak berkaitan dengan kes-kes yang berat termasuk 'syndicated crime,' dengan izin, dan juga 'money laundry'.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih. Untuk membolehkan BPR melaksanakan tugasnya lebih berkesan dalam membanteras rasuah dan politik wang, bukankah lebih baik kalau BPR bukan merujuk kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tetapi dikeluarkan daripada JPM dan tanggungjawab kepada Parlimen dan dikawalkan oleh sebuah jawatankuasa khas Parlimen?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Akta Pencegah Rasuah sendiri pun, pendakwaan, tindakan dan penyiasatan 'investigation' tidak tertakluk kepada pengesahan dan juga kelulusan Perdana Menteri. Dan tidak semestinya badan itu akan hanya bebas untuk dirujuk kepada Parlimen. Mengikut Transparency International, laporan yang begitu popular di kalangan rakan-rakan parti Pembangkang, saya ingin jelaskan bahawa mereka sendiri mengakui akan kekuatan dan prestasi Badan Pencegah Rasuah dan keupayaan mereka menangani beberapa masalah di negara kita dibandingkan dengan kebanyakan negara-negara yang membangun. Saya tidak mahu membuat penilaian keupayaan BPR berdasarkan laporan orang lain, sepertimana yang senang dibuat oleh rakan-rakan dari DAP. Kerana kita harus mempunyai cukup keyakinan membuat penilaian. Tetapi semata-mata kerana kita membuat tuduhan, dan tuduhan itu tidak dapat dibuktikan, maka kita terus membuat kesimpulan bahawa BPR tidak cukup kewibawaan dan kekuatan, saya fikir cukuplah tidak munasabah.

Pada peringkat ini kerajaan tidak fikir perlu kita letakkan BPR di bawah Parlimen dan dijadikan bahan sepak terajang politik, kerana sekali lagi saya tegaskan BPR dan isu rasuah ini berhubung dengan isu keadilan dan isu moral dan tidak harus dipolitikkan. Cuma kerajaan telah bersetuju supaya meminda Akta Pencegah Rasuah memberikan kuasa yang lebih dan bidang kuasa yang lebih meluas.

Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan soal politik wang.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak kepada Kepong?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Biar saya habis dahulu.....politik wang dalam negara. Tentulah kita faham tentang kegelisahan mereka. Manakala beberapa Wakil Rakyat mereka dari semasa ke semasa telah melompat masuk parti komponen Barisan Nasional. [*Tepuk*] Saya ingin menasihatkan rakan-rakan saya dari pembangkang supaya melihat juga ke dalam. Takkan semuanya salah orang luar. Ada juga salah dalam yang harus diubahi dan diperbaiki [*Tepuk*] untuk dapat mengukuhkan *esprit de corps* di kalangan rakan-rakan mereka sendiri. Saya percaya keputusan rakan-rakan lain yang bersama dengan Barisan Nasional ialah kerana rekod kerja, prinsip yang dipegang dan juga kebaikan kepada rakyat dan negara yang telah terbukti selama ini.

Jadi, tak usahlah dimarah melulu sehingga dikaitkan semua pihak dan keadaan dan merasakan tiap perlakuan atau tuduhan yang mereka buat itu mesti diambil tindakan. Tuduhan mesti berasas, dan sekiranya tuduhan itu berasas, yang bertanggungjawab bukan saya, tetapi yang bertanggungjawab ialah Badan Pencegah Rasuah. Sebab itu, atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong umpamanya, mengambil berat begitu sekali terhadap kedudukan orang-orang UMNO dan juga pemilihan parti baru-baru ini. Saya ingin jelaskan bahawa BPR memaklumkan bahawa semua kes yang dirujuk kepada mereka telah mereka siasat. Tetapi kes-kes yang dirujuk kepada mereka itu tidak pun diperkukuh dengan bukti yang jelas. Jadi, mereka menganggap ini sebagai kenyataan-kenyataan politik orang yang bertanding atau orang yang sudah kalah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Yang Amat Berhormat, saya memang bersetuju kita mesti mempunyai asas dan bukti apabila kita mengemukakan sesuatu kes untuk diambil tindakan. Walau bagaimanapun, hasrat Yang Amat Berhormat tadi untuk meminda undang-undang yang berkenaan untuk menjadi lebih efektif, bagaimana Yang Amat Berhormat kita dapat memberi kepercayaan, keyakinan kepada rakyat bahawa pihak kerajaan, dengan undang-undang yang dipindahkan itu tidak ada unsur politik langsung sebelum tindakan diambil, hanya ke atas keadilan semata-mata sahaja, ini yang pertama.

Yang kedua, mengenai politik wang, saya setuju dengan Yang Amat Berhormat, termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita mesti berikhtiar dengan sedaya-upaya untuk menghapuskan semua gejala. Tetapi kalau mengenai lompat-melompat, budaya katak itu, memang kita tidak ada bukti. Cuma penerima dan pemberi rasuah sama-sama ke neraka. Maksud Hadis al-Thabrani. [*Ketawa*] Cuma kalau kita hendak melaksanakan budaya menghapuskan politik wang.....

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*] [*Ketawa*]

Dr. Tan Seng Giaw: Kita sama-sama hendak mewujudkan satu sistem yang lebih baik, lebih bersih, lebih telus, lut cahaya dan lut sinar. [*Ketawa*]

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya berasa gembira, Tuan Yang di-Pertua, kerana Yang Berhormat dari Kepong sedar bahawa isu rasuah ini isu keadilan, bukan isu politik. Yang dibangkitkan oleh mereka selama ini ialah isu rasuah yang dipolitikkan. Maknanya, mereka menuntut supaya siapa sahaja yang mereka tuduh tanpa mengira ada bukti atau tidak, mesti dan wajib dihukum, salah! Oleh yang demikian, kita anggap ini sebagai kenyataan politik. Di sebaliknya, kalau mereka dapat pertahankan dengan hujah dan bukti, setelah siasatan dibuat, akan diambil tindakan.

Dalam kes umpamanya, lompat katak yang dihubungkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, apa tidak ada kemungkinankah mereka ini setelah bertahun-tahun bergelumang berjuang dengan parti DAP, mereka rasa insaf dan salah [*Tepuk*] dan sekarang ini mendapat ilham untuk terjun bersama-sama dengan MCA di dalam Barisan Nasional?

Jangan Yang Berhormat dari Kepong menolak kemungkinan itu sama sekali. Mereka penat dengan politik gaduh dan politik berkelahi yang ala DAP ini. Mereka mahu hidupan yang lebih tenang dan memberi manfaat kepada rakyat jelata.

Saya tertinggal satu. Yang Berhormat dari Marang pun bercakap soal rasuah juga. Yang Berhormat dari Marang bercakap dan membuat tuduhan bahawa ada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang terlibat dengan rasuah, terutama pegawai dan kakitangan yang mengendalikan projek kerajaan. Memang pegawai dan kakitangan kerajaan bertanggungjawab melaksanakan dasar dan oleh yang demikian, mengendalikan projek kerajaan. Kalau Yang Berhormat dari Marang, sebagai seorang Muslim, tahu ada bukti, kemukakan bukti dan dihadapkan kepada pengadilan. Tidaklah boleh, umpamanya,

kita pakai agak - saya agak orang ini rasuah, oleh yang demikian kita tuntutan tindakan diambil. Ini bukan keadilan namanya, ini hukuman ala Marang. [Tepuk].

Jadi, saya harap Ahli Yang Berhormat dari Marang memberi kerjasama kerana dalam kes ini tidak ada perbezaan. Kita mahu tindakan rasuah diambil kepada perasuah - penerima rasuah dan pemberi rasuah tanpa mengira parti atau kedudukan pegawai-pegawai kerajaan atau sektor swasta. Dan saya tidak fikir ada pemimpin negara, sepertimana dilakukan oleh Perdana Menteri kita, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, mengemukakan dengan terang, lantang dan keras memberi amaran terhadap soal rasuah. Ini pun dipolitikkan, seolah-olah kerana teguran Perdana Menteri kita dalam sidang UMNO, seolah-olah UMNO sudah rosak, pada hal, secara positif kita mahu melihat inilah pemimpin yang mahu membersihkan kalau ada unsur-unsur rasuah dalam parti dan sepatutnya parti pembangkang menyokong ucapan yang sedemikian dan bukan menyindir dan mempertikaikan niat ikhlas kerajaan.

Yang Berhormat dari Machang membangkitkan soal "burden of proof" atau "standard of proof" dalam prosedur kehakiman dan keadilan di negara kita. Ini adalah akibat dari kes Mahkamah Persekutuan - kes Arulpragasam, kebetulan orang Bukit Mertajam, Jalan Permatang Pauh, yang menyebabkan seluruh tafsiran kita selama ini tentang apa yang disebut sebagai "burden of proof" dan *prima facie* ini diubah. Apa yang dicadangkan oleh Peguam Negara dan kerajaan ialah kes tafsiran dan takrif *prima facie* ini dikembalikan kepada takrif yang asal. Maknanya, untuk menentukan *prima facie* dan beyond reasonable doubt, dengan izin, itu setelah mendengar pandangan dan juga pembentangan kes oleh pendakwa dan tidak menolak sebelum keputusan itu dibuat. Hal ini berkaitan dengan kes yang saya sebutkan dan juga keputusan Mahkamah Persekutuan ini, kerana kalau kita ubah, ia akan menyebabkan seluruh pengertian dan tafsiran sistem perundangan kita ini sedikit kecoh kerana kefahaman kita selama ini ialah bahawa *prima facie* itu diterima sebagai satu panduan dalam bidang kehakiman dan burden of proof itu diberikan kesempatan - dikemukakan oleh pendakwa raya terlebih dahulu. Draf undang-undang akan dikemukakan dan kalau sempat dibentangkan dalam sesi ini, kalau tidak, dalam sesi akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Marang mengemukakan tentang kebimbangan beliau mengenai ajaran sesat yang dibawa oleh pekerja asing. Saya ingin memberi jaminan bahawa kerajaan, melalui Majlis-majlis Agama Negeri akan

lebih peka dan bertindak dan mengawasi supaya dengan adanya jumlah pekerja asing yang bertambah tidak akan mempersulitkan lagi masalah yang kita hadapi di negara ini. Tetapi, sepertimana Ahli Yang Berhormat sedar, beberapa langkah telah diambil termasuk cadangan untuk meminda peraturan dan juga undang-undang yang akan menyebut, di antara lain, bahawa umat Islam di negara ini harus terima bukan sekadar Islam tetapi juga menurut Ahli Sunnah Waljamaah. Dengan cara yang sedemikian, beberapa kekeliruan termasuk dengan permasalahan syiah, yang juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tambun, itu tidak akan terlalu merumitkan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah begitu runding, kerana kata dia beberapa peraturan nikah kahwin terlalu rumit. Saya tidak tahu di mana rumitnya, kerana untuk kahwin pertama, itu memang sudah dimudahkan. Mungkin rumit yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah ini kahwin berikutnya, sementara dibolehkan kita tidak pula hendak mencadangkan untuk terlalu permudahkan. Jadi, ada baiknya dirumitkan sedikit supaya tanggungjawab boleh dipikul dengan lebih baik lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Mersing meminta supaya skop Institut Tahfiz Al-Quran diperluas supaya bukan sekadar menguasai al-Quran, tetapi juga menghafal dan juga menguasai ilmu hadis dan ini memang dipersetujui dan sedang diteliti oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat dari Kota Bharu membangkitkan pendekatan yang lebih menyeluruh terutama dari sudut Islam dalam menangani masalah sosial dan masalah AIDS, HIV, penagihan dadah dan lain-lain supaya satu fungsi tambahan di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (dahulunya BAHEIS). Cadangan ini difikirkan wajar diberikan perhatian dan kerajaan pada prinsipnya bersetuju supaya pendekatan isu sosial ini harus dikaitkan dengan pendidikan moral dan pendidikan Islam dan ini juga telah disebut sebagai salah satu panduan oleh Jawatankuasa Kabinet mengenai sosial yang telah kita putuskan baru-baru ini. Mengenai bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran yang harus dikembangkan di sekolah-sekolah rendah, ini sedang diteliti bersama dengan Kementerian Pendidikan.

Yang Berhormat dari Marang nampaknya menyindir saya tentang prinsip fiqh-aulawiyah. Saya ingin menjelaskan bahawa prinsip fiqh, ikut keutamaan ini bukanlah sekadar pandangan saya, saya juga merujuk kepada ulama-ulama besar, kerana mengikut keutamaan pelaksanaan syariah itu tidaklah merujuk kepada pelaksanaan hudud

semata-mata, tetapi mengikut fahaman saya, soal reformasi undang-undang, soal pendidikan, tahap pemikiran, isu sosial, pembasmian kemiskinan, perumahan rakyat, itu juga apa yang dikatakan dalam senarai keutamaan fiqh-aulawiyah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penswastaan dan penyertaan bumiputera dalam bidang penswastaan seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong, Muar dan juga Yan. Saya ingin menjelaskan bahawa sementara kita akui wujudnya beberapa masalah berhubung dengan pengalaman kita dengan isu penswastaan ini, kita juga tidak dapat menolak pengalaman dan kekuatan yang diperolehi dari penswastaan, mengurangkan beban kerajaan dan juga memberikan keselesaan yang lebih kepada rakyat. Kita setuju dengan gesaan mereka supaya tanggungjawab sosial diberikan perhatian. Selama ini, sektor swasta yang telah berjaya mendapat projek penswastaan diberikan garis panduan umum. Sekarang, kita telah mengemukakan beberapa garis panduan yang lebih tetap untuk memastikan isu seperti bayaran perkhidmatan, kemudahan yang lebih baik, latihan kepada pekerja, kemudahan bagi masyarakat luar bandar dan desa, itu diberikan keutamaan dan dipikul sebahagiannya oleh sektor swasta yang melaksanakan projek-projek penswastaan. Ini dimulakan dengan program IPP yang telah diumumkan baru-baru ini supaya IPP mengambil alih sebahagian daripada tugas yang sebelum ini dikendalikan oleh TNB.

Biasiswa tajaan JPA, Ahli Yang Berhormat dari Larut mencadangkan supaya jumlah diberikan sekali gus secara pukal 'lump sum', sementara kita boleh mengkaji pembayaran terus ini, tetapi sebaiknya kita bayar mengikut semester dan sekarang ini JPA dan penaja lainnya termasuk MARA, Kementerian Pendidikan akan membayar terus kepada pelajar-pelajar di luar negeri melalui bank. Dan dengan memberikan melalui bank, saya percaya masalah yang dibangkitkan itu tidak lagi menimbulkan masalah kepada pelajar dan ibu bapa.

Ahli Yang Berhormat dari Keningau membangkitkan soal pemegang kad pengenalan palsu yang telah berdaftar sebagai pemilih dan kemudiannya mengundi. SPR memang meneliti kesahihan daftar pemilih dan sepertimana berulang kali ditegaskan ialah bahawa bila dipamerkan peluang bagi semua penduduk dan warganegara mengemukakan bantahan sekiranya terbukti atau didapati maklumat yang bercanggah dari apa yang diumumkan.

Jadi, proses pendaftaran yang berjalan sekarang, sukar kita hendak menentukan dalam semua kes, cuma yang kita dapat maklum bahawa selain daripada negeri Sabah yang mempunyai sedikit masalah, kes-kes ini tidaklah menimbulkan keraguan sehingga boleh menjejaskan keberkesanan proses pemilihan yang adil.

Tuan Yunof Edward Maringking: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tuan bangun.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mungkin sedar bahawa di Sabah hanya baru-baru ini pegawai penyemak daftar pengundi dilantik iaitu Pengarah Inland Revenue, dengan izin. Dan baru-baru ini, di keseluruhan di negeri Sabah kita ada mengemukakan 'appeal' ataupun bantahan dan melalui bantahan itu beberapa fakta, kita dapati bahawa ada bukti-bukti di mana rakyat asing telah datang untuk mendaftar. Walaupun kita membantah, pihak pegawai pendaftar pula bukan mendengar bantahan kita tetapi sebaliknya membela mereka yang datang mendaftar, walaupun sendiri mengaku rakyat asing.

Dari situ, kita mengemukakan 'appeal' ataupun rayuan, tetapi banyak Pegawai Pendaftar yang tidak menulis atau mengemukakan catatan tentang alasan bantahan kita dan ini telah menyebabkan pihak pegawai penyemak tidak dapat membuat penyemakan dan justeru itu tidak ada cara kita untuk merayu.

Jadi, persoalan saya, bagaimanakah kita boleh memastikan bahawa rayuan ataupun bantahan itu tidak berasas, bila pegawai pendaftar membela orang yang mengaku bahawa mereka rakyat asing tetapi datang untuk minta di daftar dan didaftarkan juga dan bila kita merayu supaya keputusan pihak pendaftar itu disemak semula, tidak ada cara untuk kita merayu sama ada di peringkat pegawai penyemak ataupun ke peringkat mahkamah, jika perlu.

Jadi, saya minta penjelasan apakah pandangan Yang Amat Berhormat berkenaan perkara ini?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1992, permohonan pendaftaran disemak oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Adalah tidak benar kalau disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Tuaran, bantahan itu tidak diberi pertimbangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Keningau sejak tahun 1992, oleh kerana protes dan

bantahan yang dikemukakan dan setelah disemak dengan Jabatan Pendaftaran Negara, kerana sebelum itu siapa yang akan dapat memastikan melainkan dari dokumen yang dikemukakan? Di dokumen, sebaik sahaja disahkan, tidak dapat ditolak, walaupun setengah orang yakin bahawa mereka ini berhak ataupun layak ataupun tidak.

Tetapi sejak tahun 1992, sebanyak 75,772 borang permohonan untuk mendaftar sebagai pemilih yang tergolong dalam kategori ini telah ditolak dan ini tidak diproseskan, dengan ini membuktikan bahawa kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Keningau yang menyatakan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya tidak melayan bantahan ini adalah tidak benar, kerana mereka telah memberikan layanan setelah disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara.

Elok Ahli Yang Berhormat pun berfikir supaya teliti semula kedudukan dan sama-sama dalam Barisan Nasional. *[Tepuk] [Ketawa]*

Ahli Yang Berhormat dari

Tuan Henrynus Amin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Kinabalu bangun ya.

Tuan Henrynus Amin: Tuan Yang di-Pertua, saya telah membuat pertanyaan kepada Dewan ini mengenai dengan berapakah jumlah pemilih telah digugurkan daripada Daftar Pemilih oleh kerana nama-nama ataupun nombor kad pengenalan mereka bertindih. Dan saya telah mendapat jawapan dan saya telah kira bahawa dalam tempoh lima tahun iaitu dari 1991 hingga 1995, lebih kurang 89,000 telah digugurkan daripada Daftar Pemilih dan yang anehnya, jumlah yang paling besar iaitu pada tahun 1991 selepas pilihan raya di Sabah dan juga pada tahun 1995.

Persoalan saya, adalah sekiranya nama-nama ini telah digugurkan daripada Daftar Pemilih tersebut, apakah asas mereka telah digugurkan? Kerana nama mereka bertindih dan siapakah orang-orang ini dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap orang-orang ini dan kalaulah sebelum ini mereka telah didaftarkan sebagai pemilih, bagaimanakah perkara ini boleh berlaku?

Dan jawapan yang saya dapati ini daripada Jabatan Perdana Menteri sendiri iaitu jawapan rasmi kepada Dewan ini.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebut jumlah yang telah digugurkan dalam kategori yang saya sebutkan tadi,

mengikut soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tuaran. Dan dalam kategori ini, jumlahnya ialah 75,000, ini sejak tahun 1992, kerana sebelum itu prosedur kita untuk menyemak semula dengan rekod Jabatan Pendaftaran Negara, itu lebih rumit. Sejak 1992 prosedur kita lebih kemas dalam hal ini kerana dahulu sebaik sahaja orang dapat mengesahkan dengan rekod keterangan yang jelas, Suruhanjaya Pilihanraya tidak berhak menolak hak mereka untuk mengundi, tetapi sekarang oleh kerana rekodnya itu lebih kemas di'computerise', maka kita dapat maklumat sepertimana yang disebut.

Kalau Ahli Yang Berhormat dari Kinabalu mahu saya baca satu persatu alasan bagi satu-satu kes ini, saya perlu notis kerana hendak baca 75,000 ini akan mengambil masa selama empat hari empat malam berturut-turut. Tetapi, munasabahlah saya katakan bahawa yang pentingnya kita tahu di sini ialah sebaik sahaja ada bantahan ataupun kalau tidak pun ada bantahan, sebaik sahaja diproses dan disemak berdasarkan keterangan yang diperolehi dari Jabatan Pendaftaran Negara, maka secara automatik digugur dan saya rasa sistem ini lebih telus daripada yang pernah kita perolehi. Boleh kita rujuk kepada masalah lain sekarang?

Tuan Henrynus Amin: Tuan Yang di-Pertua, dalam soalan saya yang lebih awal, saya telah bertanya kepada kementerian yang berkenaan mengenai dengan masalah nama-nama yang bertindih dan dalam jawapan yang saya dapat daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, beliau mengakui bahawa perkara ini berlaku disebabkan oleh kesilapan dalam komputer ataupun kesilapan untuk menulis atau mengisi borang. Tetapi, saya dapati bahawa kenyataan ini bercanggah dengan tindakan untuk menggugurkan lebih kurang 89 nama apabila yang sudah terdaftar itu didapati bahawa nombor kad pengenalan mereka bertindih.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak silap, Parti Bersatu Sabah pernah suatu masa dahulu telah menghantar senarai nama-nama kad pengenalan yang bertindih begitu banyak sekali, kalau tidak silap lebih kurang 30,000. Dan apa yang saya ingin tekankan di sini dan saya ucapkan terima kasihlah kepada Yang Amat Berhormat oleh kerana prihatin terhadap masalah ini, apa yang kita minta supaya perkara ini haruslah kita akui sebagai satu perkara yang menggerunkan, perkara yang amat merbahaya kepada keselamatan negara. Kita tidak boleh memikirkan bahawa ini perkara kecil dan hanya memerlukan penyelesaian yang kecil.

Bagi pendapat saya bahawa masalah ini besar, masalah besar oleh kerana kalau kita katakan bahawa ini tidak akan ada kesan terhadap daftar pemilih, saya tidak bersetuju oleh kerana kalau kita biarkan perkara ini berlaku maka kesahihan pilihan raya itu sendiri akan dipersoalkan. Apa yang kita inginkan bahawa negara ini terselamat daripada dipengaruhi oleh

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Henrynus Amin: ... orang-orang asing.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah.

Seorang Ahli: Masuk Barisan ba! *[Ketawa]*

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jelaskan bahawa sejak tahun 1992, prosedurnya lebih kemas tetapi untuk menjamin 100% semua nama, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional pun tahu di kawasan-kawasan masing-masing ada penyokong-penyokong mereka. Kadang-kadang tidak disenaraikan ataupun terlucut daripada jumlah senarai. Keluarga saya dalam pilihan raya yang lalu di Permatang Pauh pun ada yang terlepas daripada dimasukkan dalam senarai kerana terkeluar dalam kes komputer. Kerana dua kes itu, tidak bermakna saya buat tuduhan Suruhanjaya Pilihanraya mahu kalahkan saya sepertimana tuduhan kawan-kawan dari PBS.

Sebaik sahaja ada satu dua kes, dianggap ada satu permainan politik. Saya ingin juga menjelaskan bahawa sejak PBS masa dia memerintah, kes ini tidak banyak dia tolong selesaikan pun, yang selesaikan ialah kerajaan Barisan Nasional Sabah sekarang ini yang memberikan kerjasama yang penuh dalam kes itu. *[Tepuk]* Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Henrynus Amin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Hendak bagi jalan ke tidak Yang Berhormat?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Ahli Yang Berhormat dari Batang Lumar, kita pindah ke kawasan lain.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia tidak beri jalan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Kita pindah ke Sarawak, Batang Lumar.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Ini Batang Lumar minta kalau boleh, pencen terbitan kepada balu-balu yang suaminya meninggal itu semasa berkhidmat dengan kerajaan supaya diteruskan. Saya ucap terima kasih kepada Batang Lumar kerana menjadi pembela kepada janda-janda semua. *[Ketawa]* Tetapi agak sukar, sukar bagi kerajaan untuk menimbang kerana pencen terbitan itu dihenti sebaik sahaja balu berkahwin semula. Jadi, tanggungjawab kita lebih daripada biasa untuk membantu balu sebelum ia berkahwin, sebaik sahaja dia berkahwin, tanggungjawab suami dialah untuk membantu.

Ahli Yang Berhormat dari Bandau membangkitkan soal defisit imbalan pembayaran. Saya telah menerangkan secara panjang lebar langkah-langkah diambil dalam belanjawan baru-baru ini dan juga belanjawan tahun lalu. Oleh kerana itu, kedudukan imbalan pembayaran dijangka bertambah baik di mana defisit akaun semasa dijangka berkurangan kepada RM14.8 bilion atau 6.3% daripada KNK berbanding dengan RM18.7 bilion atau 9% daripada KNK pada tahun 1995. Ini membolehkan akaun keseluruhan mencatat lebih berjumlah RM1.2 bilion dan jumlah rizab antarabangsa Bank Negara meningkat kepada RM65 bilion pada tahun 1996.

Ahli Yang Berhormat dari Labuan membangkitkan kedudukan keupayaan Labuan dengan kemudahan-kemudahan tambahan. Saya telah jelaskan bahawa beberapa projek infrastruktur, kemudahan dan juga syarikat melalui kegiatan di Labuan dan juga Kuala Lumpur sebagai pusat kewangan serantau dalam beberapa kemudahan dan juga instrument kewangan yang baru yang diperkenalkan dalam ucapan belanjawan. Ini termasuk peranan BSKL, KLOFFE dan juga penarafan kedua oleh Syarikat Penarafan Malaysia Berhad.

Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, Kubang Kerian dan Kota Melaka menyentuh kewajaran Khazanah Nasional Berhad. Khazanah menyertai pelaburan ekuiti dalam cadangan mengambil alih Consolidated Electric Power Asia Limited (CEPA) semasa menyertai perbincangan belanjawan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, Khazanah membuat pelaburan dalam projek-projek yang dianggap strategik sebagai pemangkin bagi pertumbuhan ekonomi negara. Keutamaan adalah pelaburan dalam negeri tetapi Khazanah tidak pernah menetapkan untuk menolak kemungkinan melabur di luar. YTL Corporation Berhad telah mempelawa Khazanah

turut serta mengambil alih CEPA sebuah syarikat yang mempunyai kepentingan dalam industri penjanaan elektrik di Filipina, China, India, Indonesia dan Pakistan. CEPA ini disenaraikan di Bursa Saham Hong Kong.

Bagi melaksanakan cadangan tersebut, syarikat baru ditubuhkan, YTL Power International Berhad di mana Khazanah dipelawa membuat pelaburan sebanyak AS\$1 bilion, YTL AS\$700 juta dan pinjaman bank antarabangsa AS\$900 juta. Syarikat juga akan mengambil alih keseluruhan kepentingan YTL Corp. iaitu 50% daripada modal berbayar YTL Power Generation. Berikutnya, penyenaian CEPA di Bursa Saham Hong Kong akan dibatalkan dan syarikat baru YTL-PI ini akan disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Oleh itu, kebimbangan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Khazanah akan membuat pelaburan di Hong Kong adalah tidak benar berdasarkan syarat penyenaian yang disebutkan.

Walau bagaimanapun, cadangan awal YTL yang dikemukakan telah tidak diterima oleh Khazanah. Khazanah telah mengemukakan beberapa syarat untuk menjaga kepentingan Khazanah dan setelah YTL bersetuju untuk menimbangkan syarat-syarat baru yang dikemukakan oleh Khazanah barulah Khazanah membuat keputusan untuk turut serta dengan mengambil saham terutamanya yang boleh ditukar kepada saham biasa 'convertable preference shares' tertakluk kepada prasyarat iaitu Khazanah akan hanya membuat pembayaran ke atas pelaburannya setelah syarat-syarat berikut dipenuhi:

- (i) YTL-PI berjaya mengambil alih CEPA, jika ini gagal Khazanah tidak perlu meneruskan pelaburannya. Syarat ini bertujuan menentukan pelaburan Khazanah hanya untuk pengambilan CEPA dan tidak digunakan untuk tujuan lain.
- (ii) Kelulusan dari Suruhanjaya Sekuriti untuk YTL-PI disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Sekiranya penyenaian tidak berlaku selepas satu tahun atas apa-apa sebab sekalipun, syarikat perlu membayar 10% dividen ke atas saham terutama yang dipegang oleh Khazanah dan pembayaran dividen ini akan dibuat secara 'compounded annually' dan akan dikebelakangkan ke tahun pertama juga.

Ini bermakna, bahawa pelaburan Khazanah terpelihara, tidak menghadapi risiko walaupun penyenaian tidak berlaku, pulangan tetap

sebanyak 10% setahun.

Ada syarat-syarat lain yang juga telah dipersetujui oleh YTL-PI dan ini termasuklah tidak akan mengisytihar pembayaran dividen sebelum disenaraikan, kesemua kepentingan YTL Corp. di dalam industri penjanaan kuasa yang sedia ada dipindahkan kepada syarikat baru dan pelaburan baru di bidang ini dalam tempoh 10 tahun akan datang hendaklah dilaksanakan oleh YTL-PI. Atas faktor-faktor inilah, maka kerajaan bersetuju dengan cadangan Khazanah untuk menyertai pengambil alih CEPA dan penyenaian kerana ini akan bermakna pelaburan Khazanah strategik kerana akan merupakan syarikat penjanaan kuasa terbesar di rantau dengan keupayaan 10,000 megawatt dan berpotensi menambahkannya kepada 25,000 megawatt. Walau bagaimanapun sepertimana dimaklumkan cadangan ini telah gagal kerana CEPA telah dibeli oleh syarikat asing dari Amerika Syarikat.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan tentang peranan yang dimainkan oleh Penasihat Ekonomi Negara iaitu Yang Berhormat dari Merbok dalam high powered deal ini, sejauh manakah beliau telah menyokong cadangan ini dan juga tentang penjelasan oleh Yang Amat Berhormat, bahawa dividen terjamin 10% akan dibayar kepada Khazanah kalau pelaburan ekuiti ini diluluskan.

Saya ingin bertanya memandangkan CEPA yang dimiliki oleh Gordon Wu dirancang dan dicadangkan dijual oleh Gordon Wu kerana beliau menghadapi masalah kewangan. Macam mana kita boleh mendapat jaminan pembayaran 10% dividen, kalau beliau ini menghadapi masalah kewangan? Macam mana kita boleh mendapat cash flow terjamin daripada pelaburan ekuiti ini, bila ia terpaksa menjualnya kerana menghadapi masalah?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Pertama, saya ingin jelaskan bahawa Penasihat Ekonomi Tun Daim Zainuddin tidak terlibat sama sekali dalam deal ini. Ia dikemukakan oleh YTL Corporation untuk dipertimbangkan oleh Khazanah. Perdana Menteri selaku Pengerusi dan saya selaku Timbalan Pengerusi telah dimaklumkan, kita telah bersetuju supaya satu pasukan peneliti yang melibatkan Tan Sri Clifford Herbert, Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Tan Sri Rashid Hussein - Ahli Lembaga Khazanah membuat kajian dan mengemukakan maklum balas. Mereka telah menolak pada peringkat awal, kemudian mengenakan syarat, setelah syarat itu diterima

termasuklah mengikat dalam perjanjian yang jelas dengan YTL-PI supaya dividen dan keuntungan terjamin. Dan wang itu tidak boleh digunakan untuk tujuan lain dan pinjaman awal yang dicadangkan itu dipindahkan sebagai ekuiti dan seluruh kepentingan YTL Corp. di Malaysia itu dimasukkan sebagai ekuiti dalam kepentingan YTL-PI. Ini semua syarat-syarat yang dikenakan untuk menjamin supaya kekuatan badan induk CEPA ini lebih kukuh daripada tatkala dikuasai oleh Gordon Wu di Hong Kong. Setelah ini semua dibuat, maka dikemukakan balik kepada Perdana Menteri selaku Pengerusi dan saya dan selepas itulah kita berikan persetujuan setelah syarat-syarat diterima oleh semua pihak. Jadi, untuk mengaitkan nama Tun Daim yang ada kepentingan dalam perundingan, saya rasa tidak benar sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Tambun membangkitkan soal pembelian Lotus Group oleh HICOM. Sebenarnya bukan oleh HICOM tetapi oleh Proton dan saya mengucapkan terima kasih kerana Ahli Yang Berhormat dari Rompin telah memberikan sebahagian daripada penjelasan sebagai wakil saya. Sebenarnya keputusan ini adalah keputusan Proton, keputusan sektor swasta, dia tidak menyentuh kepentingan kerajaan. Keputusan mengaitkan kepentingan 'sinergi' di antara Proton dengan syarikat pembuatan motokar canggih di United Kingdom - Lotus, untuk membolehkan Proton menguasai teknologi terkini dan tidak hanya bergantung kepada teknologi Jepun sebelum ini.

Jadi, pada pandangan kerajaan, Proton telah membuat satu keputusan yang bijak, walaupun ia menjaga kepentingan swasta tidak melibatkan kerajaan secara langsung. Tetapi ia akan dapat menjimatkan kos, masa, tenaga kerja dan lebih penting berkeupayaan untuk menguasai satu teknologi baru dengan variasi produk yang cukup menarik dan baru buat kita.

Isu Perwaja dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Tambun.....

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat, memandangkan bahawa harga matawang Yen telah menurun kebelakangan ini, mengapakah harga kereta Proton tidak diturunkan, kerana apabila nilai matawang Yen naik, ia naik dengan serta-merta? Dan bukannya keenganan Proton atau HICOM untuk menurunkan harga kereta Proton ialah supaya mereka ada wang, ada satu dana untuk membeli syarikat kereta mewah - Lotus. Bukankah ini

bermakna pembelian ini disubsidi oleh pengguna-pengguna di Malaysia? Yang pertama.

Yang kedua, memandangkan HICOM ataupun Proton adalah sebuah syarikat swasta, bukankah benar bahawa ia diwujudkan oleh Kerajaan Malaysia dan selepas pelaburan berbilion ringgit ia dibeli tanpa tender terbuka, Tuan Yang di-Pertua - tanpa tender yang terbuka kepada Tan Sri Yahya Ahmad? Mengapa tidak ada satu tender terbuka diadakan supaya rakyat Malaysia tidak rugi dalam perkara ini. Oleh itu, tidak boleh dikatakan bahawa tidak ada kait-mengait dengan kerajaan dan rakyat Malaysia.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak kata 'tidak ada kaitan'. Saya kata 'Proton ini sekarang syarikat swasta', dahulu syarikat kerajaan. Jadi, yang saya sebut ini sekarang, kalau dibangkitkan umpamanya yang lain pun semuanya kerajaan punya dahulu, lebuh raya - kerajaan, sekarang PLUS - swasta. Sebab itu keputusan Tan Sri Yahya Ahmad untuk membeli Lotus itu dimaklumkan juga kepada kerajaan, sebab kita tahu alasannya. Dan tidak benar kalau dikatakan wang ini diambil berdasarkan subsidi, kerana kita melihat kepentingan 'sinergistik', mengapa harus kita bergantung semata-mata kepada teknologi Jepun?

Kita mahu juga menguasai teknologi terbaru dan soalnya bukan semata-mata production kereta sport Lotus itu yang penting, tetapi penguasaan seluruh industri dan teknologi pembuatan enjin motokar, ambillah tahu sama bab-bab ini sedikit. [Tepuk] Janganlah ambil terlalu negatif semata-mata, kita harus mengambil satu sikap yang positif dalam bidang ini. Kita tidak pernah menyatakan bahawa kita tidak harus ambil tahu.

Saya mengucapkan terima kasih kepada beberapa syarikat yang diswastakan. Walaupun swasta tetapi mereka sedar bahawa kerajaan telah mengambil keputusan ini. Kalau kita hendak kaitkan sama ada ditender atau tidak pada beberapa keputusan, mengapa disebut soal HICOM atau Proton, ratusan projek lain dibuat berdasarkan garis panduan yang kita tetapkan dalam EPU bahawa tidak semua dibuat itu secara tender terbuka dan tidak semua keputusan harus dibuat secara tender terbuka, tetapi yang penting ialah pengurusan yang harus lebih baik. Soal harga yang ada kaitan dengan Yen, saya percaya Proton dapat menimbang berdasarkan keupayaan mereka, tetapi saya rasa tidak ada kaitan dengan apa yang dimaksudkan dengan subsidi ini, ataupun dengan keputusan pembelian Lotus oleh Proton.

Bagi saya sebagai seorang warga Malaysia, saya rasa bangga untuk syarikat Malaysia membeli secara strategik dan kepentingan sinergi dengan syarikat di United Kingdom. Kalau kita rakyat Malaysia kita rasa banggalah sedikit - ini tidak, dimarah pula kita kerana membeli syarikat asing.

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Okay, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tak usahlah, kita sambung, banyak lagi Tuan Yang di-Pertua, jadi saya takut nanti kawan-kawan saya, Dato' Seri S. Samy menunggu dengan sabar sahaja sekarang.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan marah, saya hendak turun harga Proton.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Lu diam-diamlah!

Tuan Lim Guan En: Turunkan harga Proton!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Celor! celor!

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Mengenai Perwaja yang dibangkitkan tadi diketuai oleh Maju Holdings untuk tempoh 6 bulan sehingga bulan Disember. Setelah kontrak pengurusan ini tamat mengemukakan cadangan yang lebih terperinci serta bagaimana mereka dapat mengambil alih dengan mengurangkan tanggungan kerugian kerajaan dengan dapat meningkatkan keupayaan dan kecekapan Perwaja.

Sekarang kerajaan sedang meneliti cadangan yang telah dikemukakan oleh Maju Holdings Berhad (MHB) yang mempunyai 51%, kepentingan Kerajaan Persekutuan 49%. Walau bagaimanapun, Kumpulan Lion sanggup menawarkan perkhidmatan teknikal dan pengurusan dan telah juga memberikan beberapa kerjasama, memberikan latihan kepada pekerja-pekerja sebelum ini.

Mengenai soalan siasatan oleh Badan Pencegah Rasuah, saya ingin jelaskan, bahawa semua yang terlibat telah pun dipanggil dan siasatan masih diteruskan dan ia mengambil masa yang lebih panjang kerana saksi-saksi yang ramai termasuk yang berada di Hong Kong dan di Jepun.

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kota Melaka bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya sama ada usaha telah diambil oleh pihak kerajaan untuk mendapat balik wang yang dibayar kepada Frilsham Enterprises Incorporated dari Hong Kong di mana wang sebanyak RM76.4 juta telah dibayar kepada bogus company itu, dengan izin.

Yang kedua, memandangkan selain daripada Tan Sri Eric Chia, Encik Lawrence Lim Cheng Chia juga terlibat dalam pembayaran tersebut, adakah Yang Amat Berhormat sedar bahawa beliau merupakan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Maju Holdings yang memegang ekuiti 51 peratus sepertimana yang disebutkan tadi oleh Yang Amat Berhormat dalam Equal Concept Sendirian Berhad - syarikat yang menguruskan Perwaja? Kalau begitu bukankah ini menunjukkan bahawa orang yang kini disiasat oleh BPR, sekarang dipertanggungjawabkan untuk menyelamatkan Perwaja.

Bukankah ini satu, dengan izin, contradiction in terms, kerana beliau tidak dibenarkan balik untuk menguruskan perkara-perkara corporate Perwaja. Sepertimana yang dijawab pada dua minggu lepas oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Sekian.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, pertama siasatan masih diteruskan sepertimana saya dimaklumkan. Ini juga melibatkan nama-nama yang disebutkan dan dimaksudkan termasuk Tan Sri Eric Chia. Soal kedudukan Lawrence Lim, saya ingat Timbalan Menteri Kewangan telah memberi penjelasan, dia tidak berkhidmat dengan Syarikat Perwaja. Soal dia terlibat dengan Maju Holdings itu soal sektor swasta yang kita tidak punyai pengaruh ataupun kuasa untuk membetulkan. Kita cuma memberikan arahan bahawa nama-nama yang disiasat tidak boleh diambil dalam mengendalikan tugas baru untuk menguruskan Perwaja dan ini dipatuhi.

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Soal dia terlibat dengan syarikat induk yang asal itu bukan bidang kuasa kita, arahan kita dia tidak boleh terlibat dalam pengurusan Perwaja yang baru di bawah nama Equal Concept.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri jalan Yang Berhormat. Kota Melaka bangun.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tidak puas lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Adakah Yang Amat Berhormat berasa beretika dan berhemat? Yang Amat Berhormat selalu menegaskan perlunya kita menguruskan kewangan kita dengan secara berhemat. Adakah boleh dianggap berhemat kalau kita mempercayai sebuah syarikat untuk menyelamatkan Perwaja? Sedangkan Ahli Lembaga Pengarah terdiri daripada mereka yang sedang disiasat oleh BPR? Ini dari segi etika pengurusan.

Yang kedua, setakat ini bolehkah Yang Amat Berhormat menyatakan kebaikan atau dari segi prestasi kewangan yang dialami oleh Perwaja selepas Equal Concept Sdn. Bhd. mengambilalih syarikat ini dan yang akhirnya, adakah benar apabila tender diberikan kepada Maju Holdings, Maju Holdings tidak menawarkan jumlah atau tidak menawarkan jumlah yang ia hendak bayar untuk Perwaja? Bukan seperti konsortium-konsortium lain, Renong, Westwon atau Lion yang ada menawarkan satu jumlah yang mereka bersedia bayar untuk Perwaja. Kalau begitu, mengapa Maju Holdings masih boleh berjaya sungguhpun tidak mahu keluar satu sen pun? Terima kasih.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Pertamanya, Tuan Yang di-Pertua, tidak benar Maju Holdings tidak mengeluarkan satu sen. Setakat ini walaupun dia diberi kontrak pengurusan dia telahpun mengeluarkan wang.

Yang keduanya, soal terms atau syarat-syarat yang terperinci masih dirundingkan kerana kita berikan masa hingga akhir Disember. Tentang etika pengurusan melibatkan Lawrence Lim, saya jelaskan bahawa syarikat itu tidak dimiliki oleh pegawai yang berkenaan. Dimiliki oleh orang lain dan pegawai yang disebut itu salah seorang yang bertugas di situ.

Kita tidak berunding dengan dia dan kita meletakkan syarat. Tetapi saya tidak mahu memanjangkan kerana seperti biasa Pembangkang ini, dia dah hukum. Saya tidak hukum, saya kata siasatan diteruskan. Tertakluk kepada keputusan siasatan maka pegawai berkenaan tidak dibenarkan campur tangan dalam urusan Perwaja dan saya ingat cukup jelas.

Soal prestasi kewangan setakat ini, kita dapati tahap kecekapan pengeluaran syarikat dan disiplin lebih baik daripada sebelumnya. Tetapi masih terlalu awal untuk kita membuat satu penilaian menyeluruh tentang perkara itu.

Tuan Lim Guan Eng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Ahli Yang Berhormat dari Marang membangkitkan soal sistem perbankan tanpa faedah. Kita alih, kita maju kepada projek lain pula. Ahli Yang Berhormat dari Marang sudah keluar pula dah. Kata tidak ada kemajuan, ini pun, PAS ini sama juga. Sistem perbankan tanpa faedah di negara kita ini dianggap sebagai model di dunia.

Dan Ahli Yang Berhormat dari Marang kata, tidak ada kemajuan sama sekali. Sekarang ini sehingga akhir September 1996, 48 institusi perbankan menyertai sistem perbankan tanpa faedah, bukan sistem 'pembangkang' yang tidak berfaedah, yang terdiri daripada 25 bank perdagangan, 20 syarikat kewangan, 3 bank saudagar. Jumlah deposit RM6.2 bilion berbanding dengan setahun sebelumnya RM4.9 bilion. Pembiayaan yang dikeluarkan RM5.5 bilion berbanding dengan RM3.5 bilion tahun sebelumnya. Kemudian saya telah umumkan tentang penubuhan Majlis Penasihat Syariah tentang indeks bursa saham Islam. Semua instrumen-instrumen kewangan yang kita anggap bukan sahaja baru dan canggih tetapi kita yang meneroka bidang ini di negara.

Sepatutnya Ahli Yang Berhormat, kalau pun tidak mahu menyokong tidaklah harus meremah dan memperkecilkan usaha sedemikian kerana saya tidak dengar cadangan yang spesifik tambahan dari Ahli Yang Berhormat, apakah langkah baru yang boleh kita perkenalkan? Selain mengatakan ini tidak bagus, itu tidak bagus. Saya ingat dua beradik dengan Kota Melaka.

Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood: [Bangun]

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Yang Berhormat dari Kota Melaka, bangkitkan juga kedudukan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Tumpat bangun.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Dia nak pertahan bos dia.

Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood: Sedikit sahaja, saya masih ingat, Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Marang. Iaitu mencadangkan mengubah perkataan tanpa faedah itu kepada tanpa bunga. Ini cadangan, tidak ada jawapan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Kita buat berpuluh skim, jumlah yang terlibat dalam skim ini puluh bilion, yang dia cadangkan nama sahaja, Tuan Yang di-Pertua, ini dah habis fikir dah. Habis difikir oleh mereka sudah berapa lama dah, dia keluar dengan idea yang paling bernas dalam sejarah PAS ini iaitu tukar nama. *[Ketawa]*

Saya fikir tidak payah sebab itu saya fikirkan tidak perlu saya jawab. Sebab saya fikir perkara itu terlalu kecil tetapi Yang Berhormat sebagai penyokong yang setia, dia naik bangkitkan juga. Ini aniyalah!

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kota Melaka bangkitkan tentang Johor Tenggara - Oil Palm Berhad. Perkara yang dimaksudkan tentang maklumat itu berdasarkan pengumuman oleh JTOP pada 13 Ogos. Suruhanjaya Sekuriti menyedari bahawa kelulusan dari pihak berkenaan untuk menukar hak milik harta tanah tersebut kepada JTOP telah didapati dan sedang dalam proses pemindahan yang berasingan. Dan kelulusan telah diberikan due diligence telah dibuat, pendedahan yang sesuai telah pun dibuat pada 13 Ogos 1996, yang memberikan penjelasan yang penuh tentang semua masalah ini yang menyebabkan Suruhanjaya Sekuriti berpendapat tidak benar tuduhan bahawa ada kekeliruan berdasarkan pengumuman kerana penjelasan dalam bertulis yang diedarkan oleh syarikat adalah tepat dan oleh yang tidak terdapat sebarang pendedahan maklumat yang tidak benar dan palsu dalam kes JTOP yang ini disahkan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Tuan Lim Guan Eng: Yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sama ada benar atau tidak kerajaan negeri Johor tidak berapa puas hati dengan penyenaian JTOP ke Bursa Saham Kuala Lumpur kerana nampaknya tidak mendapat rundingan dulu dengan mereka.

Yang kedua, tentang pemindahan hak milik tanah yang dikatakan dimiliki oleh Johore Tenggara Oil Palm Berhad (JTOP). Adakah Yang Amat Berhormat sedar, oleh kerana nilai hartanah yang masih belum di dalam tangan atau milikan JTOP, dimasukkan sebagai sebahagian daripada aset JTOP telah menyebabkan Net Tangible Asset (NTA), dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, naiknya lebih daripada RM2 satu saham, sedangkan offer price atau harga tawarannya adalah RM1.65 sen.

Kalau tanpa aset RM283.2 juta ini untuk tanah seluas 15,605 hektar yang dimiliki oleh KEJORA, ini akan menyebabkan NTA syarikat ini kurang daripada offer price. Bukankah ini merupakan satu penipuan kepada semua pelabur?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka lebih bertanggungjawab sebab seperti biasa, dia bukan dengar penjelasan kita. Dia memekakkan telinga, kemudian dia berucap.

Saya jelaskan bahawa tuduhan yang pertama ialah bahawa ada maklumat palsu. Sekarang tuduhannya itu tidak berasas! Dia cuba mengeneipkan tuduhan awalnya dan kemudian bangkitkan soal sama ada Kerajaan Negeri Johor akan bersetuju atau tidak.

Proses kelulusan JTOP ini adalah proses yang dibuat melalui Unit Perancang Ekonomi, bukan Kerajaan Negeri Johor. Unit Perancang Ekonomi membuat penilaian berdasarkan penilaian Merchant Bank yang dikemukakan oleh penilaian Merchant Bank dan juga syarikat penilaian dan kemudian mengemukakan kepada Perdana Menteri dan Jemaah Menteri untuk kelulusan. Saya tidak dapat maklumat selebih daripada itu kerana yang saya minta ini adalah keterangan berdasarkan tuduhan Ahli Yang Berhormat bagaimana Suruhanjaya Sekuriti boleh meluluskan.

Dalam pendedahan pengumuman syarikat pada 13 Ogos, hak milik tanah tersebut disebut bahawa sebahagiannya diluluskan, sebahagiannya mengambil masa di antara empat hingga enam bulan dan kenyataan itu memang tertera dalam kenyataan bertulis syarikat kepada Suruhanjaya Sekuriti dan juga kepada awam. Soal premium naik atau tidak itu mengapa diambil kes syarikat ini, saya tahu puluhan, malah ratusan syarikat lain, sama ada di Papan Pertama atau Papan Kedua yang mendapat pulangan yang lebih daripada itu.

Jadi, saya ingat soal NTA di sini tidak berbangkit. Yang menjadi tanggungjawab saya ialah memerhatikan supaya Suruhanjaya Sekuriti dapat menjalankan tanggungjawab yang telus mengikut maklumat yang benar, kerana kalau didapati ada maklumat yang palsu, maka tindakan tentunya akan diambil.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam mengesyorkan.....

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat dari Kota Melaka bangun lagi. Kota Melaka.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya ingat, cukuplah.

Tuan Lim Guan Eng: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:supaya Papan Ketiga Bursa Saham Kuala Lumpur dikemukakan dan ditubuhkan. Sekarang ini kita sudah menambah untuk menubuhkan satu lagi Pasaran Atas Kaunter - Over the Counter Market (OCM). Jadi, oleh yang demikian, soal Papan Ketiga itu difikirkan tidak mendesak kerana saham-saham syarikat berteknologi tinggi yang belum mempunyai rekod perniagaan yang diniagakan boleh menubuhkan pasaran atas kaunter.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam juga bertanya tentang KWSP meminta supaya ada tabungan pelajaran. Sekarang ini, 30% untuk perumahan; 10% untuk kesihatan; dan hanya 60% untuk tabung pencen. Jadi, untuk kerajaan menimbang bagi mengambil sebahagian lagi, kita terpaksa teliti. Kita takut nanti terjejas kepentingan masa depan pencarum. Walau bagaimanapun, kita bersedia untuk melihat kalau ada kemungkinan diberi sedikit lagi kelonggaran.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong membangkitkan soal IPC dan OHQ yang mengatakan tidak berjaya kerana tahun 1994 hanya ada 8 syarikat yang telah beroperasi - OHQ. Dia selalu mendapat maklumat yang lama - tahun 1994 kerana duduknya di Kepong. Tetapi kalau dia datang ke tengah bandar Kuala Lumpur dan lihat perkembangan di pusat yang berkembang maju, dia tahu sudah 24 OHQ diluluskan setakat ini. Dan IPC.....

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat dari Kepong bangun, ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya kata lebih 20, berbanding lebih 100 di Singapura! Itu yang disebutkan oleh saya. Mungkin pegawai Yang Amat Berhormat itu tidak begitu prihatin apabila saya berucap di sini. Itu yang disebutkan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Kalau begitu, bukan salah pegawai, sebutan itu kurang tepat! [Ketawa] Sebab itu saya syorkan supaya digunakan istilah baku supaya sebutan itu tidak bercanggah.

Walaupun bagaimanapun, kita baru lagi. Berbanding dengan beberapa kota lain, Malaysia baru memberi kelonggaran dua tahun yang lalu iaitu tahun lalu dan pengumuman baru-baru ini kelonggaran ini kita berikan bagi IPC. Sebelum itu, umpamanya pekerja asing tidak boleh masuk. Profesional terpaksa

mengikuti prosedur dan karenah biasa dan ini mempersulitkan kemasukan pegawai-pegawai asing dan kelonggaran baru diberikan.

Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian membangkitkan soal pengecualian cukai pendapatan kepada pensyarah-pensyarah asing. Saya ingin jelaskan bahawa pensyarah asing dikenakan cukai pendapatan, melainkan pensyarah-pensyarah sementara untuk membolehkan mereka membayar cukai hanya sekali, kerana kebanyakan mereka, kalau dia datang satu atau dua bulan, dia dikenakan cukai di negaranya dan dia kena cukai di negara kita. Oleh yang demikian, sukar untuk mendapatkan kepakaran datang ke Malaysia.

Oleh yang demikian, tidaklah timbul masalah diskriminasi ini. Saya ingat Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian ini, dia salah rujuk kepada maklumat, seperti biasalah, tidak mengejutkan. [Ketawa]

Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu meminta agar agensi wanita diberikan peruntukan secukupnya. Saya sedar bahawa peruntukan yang kita umumkan itu tidaklah semestinya mencukupi, kalau dianggap khusus bagi perkembangan wanita. Sebab itulah gesaan saya dalam Belanjawan bahawa selain dari RM50 juta ditetapkan, semua jabatan, agensi dan kementerian harus melihat masalah wanita ini sebagai sebahagian daripada masalah pembangunan masyarakat, keluarga dan negara.

Oleh yang demikian, peruntukan yang diberi kepada kementerian dan agensi mestilah memberikan peruntukan dan pembahagian yang dikira munasabah dan adil bagi memberikan peluang kepada wanita dan belia. Dengan yang sedemikian, jumlah yang sebenarnya effective adalah lebih besar daripada yang kita umumkan.

Jadi, sekali lagi saya ucapkan terima kasih dan pohon maaf kalau beberapa isu lain tidak dapat saya sentuh kerana kesuntukan masa.....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, satu sahaja.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kubang Kerian bangun.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, satu sahaja. Saya sebut masalah murtad yang berlaku begitu berleluasa sekarang. Apakah langkah yang diambil oleh pihak JPM dalam menangani masalah ini, terutama sekali pegawai-pegawai dari Jabatan Pendaftaran begitu mudah bila orang hendak pergi tukar nama daripada Islam

kepada agama lain, mudah diterima tanpa soal selidik dan tanpa dirujuk kepada Majlis Agama dan Pejabat Agama. Jadi, apakah langkah yang diambil oleh Jabatan Perdana Menteri untuk menangani masalah murtad yang berlaku agak berleluasa mutakhir ini di Malaysia?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat pastikan sama ada berleluasa, tetapi kes murtad berlaku dan sekarang ini kita sudah mengenakan peraturan bahawa Jabatan Pendaftaran sebelum menukar nama, merujuk dahulu untuk mendapat pengesahan daripada Majlis Agama kerana berlakunya beberapa kegiatan missionary dan juga kegiatan lain yang cuba mempengaruhi orang-orang Melayu dalam kes ini.

Itu sebagai satu langkah dari segi pentadbiran. Tetapi langkah lain ialah tanggungjawab semua, bukan sahaja Jabatan Kemajuan Islam, Jabatan Perdana Menteri, tetapi semua pihak, termasuklah saya rasa, rakan-rakan dalam PAS, daripada menggunakan ruang untuk mencela dan menyerang kerajaan, patut memberi kependidikan supaya umat Islam ini lebih sedar, kuat dan teguh akidahnya. Dengan cara sedemikian, dalam kes ini, kita dapat menyelesaikan banyak juga masalah. Tetapi sementara kita akui masalah ini ada, penyelesaiannya mestilah menyeluruh, pertama melalui pendidikan, sama ada sekolah agama dan juga sekolah-sekolah kerajaan yang telah menentukan supaya sukatan atau kurikulum pendidikan Islam itu diperkemas.

Sekali lagi diucapkan terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia sudah habis, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Belum.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Terlambat. Habis dah. [Tepuk] Kementerian Dalam Negeri.

4.50 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar kini terdapat ramai pekerja tanpa izin dalam pelbagai sektor pembangunan. Malaysia sebagai negara yang pesat maju dalam ekonominya telah menjadi fokus dan daya tarikan kepada pekerja-pekerja asing untuk datang bekerja di negara ini. Kerajaan memang memandang serius terhadap kemasukan pekerja tanpa izin ke negara ini, dengan itu telah pun mengambil tindakan membanterasnya.

Sebagai langkah seterusnya, kerajaan juga akan mengambil langkah perundangan untuk melaksanakan hukuman denda dan sebat ke atas mereka yang bertanggungjawab dan terlibat dengan kemasukan pekerja asing tanpa izin ke negara ini. Dalam pada itu operasi mengesan dan menangkap juga diadakan dari masa kesemasa. Kerajaan berharap dengan hukuman yang lebih berat yang setimpal dengan kesalahan-kesalahan tersebut, maka masalah ini dapat dikawal dan dibendung.

Berkaitan dengan implikasi-implikasi terhadap sosial, ekonomi, agama dan politik dalam negara ini akibat kemasukan pekerja asing dan pendatang tanpa izin sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang, selain daripada membatalkan peranan agensi di dalam pengambilan pekerja asing bagi sektor-sektor tertentu mulai dari 2hb. Ogos, 1995 yang lalu, kerajaan akan terus mengambil tindakan-tindakan sebagai i m a n a yang telah berulang kali saya jelaskan dalam Dewan yang mulia ini.

Memandangkan kepesatan ekonomi negara terutamanya dalam bidang perindustrian dan keperluan tenaga buruh yang tidak mencukupi serta kurang minat rakyat dalam sektor-sektor tertentu, maka kerajaan perlu mengamalkan dasar pengambilan pekerja asing supaya proses kemajuan ekonomi negara tidak terjejas. Sehubungan itu, dalam melaksanakan dasar pengambilan pekerja asing, kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap keperluan majikan dan dengan itu dakwaan kononnya, kerajaan tunduk kepada kehendak-kehendak tauke besar sebagai yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian adalah tidak benar sama sekali.

Seterusnya untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini juga, dalam melaksanakan penguatkuasaan terhadap pekerja asing, kerajaan sentiasa teliti dalam penahanan pendatang tanpa izin. Oleh itu, dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian bahawa 13 orang Bangladesh kini sedang ditahan di depot tahanan Langkap, Perak adalah tidak benar. Adalah juga

tidak benar dan tidak tepat bagi Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian mengatakan Kementerian Dalam Negeri menjadi punca kepada masalah kebanjiran pendatang asing dalam negara ini. Masalah kebanjiran.....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: [*Bangun*]

Tuan Ong Ka Ting:...sebenarnya disebabkan oleh beberapa faktor yang berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, bila suatu lesen itu dikeluarkan kepada agensi hendak import pekerja asing, adakah pihak Kementerian Dalam Negeri pastikan adakah import pekerja asing itu mesti ada kerja dan bila mereka import, misalnya diberi lesen untuk import 20,000, yang datang itu adakah 20,000 itu ada kerja atau tidak dijamin pekerjaannya, cuma dia datang kemudian mereka berkeliaran yang lesennya dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri atau apakah syarat dikenakan mesti ada kerja dulu, ada majikan yang beritahu ada kerja, baru datang? Kemudian datang berkeliaran, selepas itu tidak ada kerja.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membetulkan beberapa fakta di sini. Yang pertama, Kementerian Dalam Negeri tidak pernah mengeluarkan lesen untuk ajen pengambilan pekerja. Kementerian Dalam Negeri cuma mendaftarkan mereka yang uruskan pekerja-pekerja asing selepas mereka dapat lesen daripada Kementerian Sumber Manusia.

Yang kedua, perkara ini baru sebentar tadi saya telah katakan ajen-ajen pengambilan pekerja ini telah pun kita tamat/batalkan, tidak beri perkhidmatan sejak Ogos 1995. Saya rasa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian itu sudah tidak sesuai lagi untuk bincang selepas lebih daripada satu tahun. Hari ini kita tidak guna ajen lagi, tidak ada masalah ataupun isu sepatutnya timbul lagi.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa faktor telah mengakibatkan masalah kebanjiran sebenarnya pendatang ataupun pekerja asing ini ialah, yang pertama, peluang pekerjaan di pelbagai sektor. Yang kedua, upah yang lumayan jika dibandingkan dengan negara asal mereka. Yang ketiga, tenaga buruh tempatan yang tidak mencukupi dalam sektor tertentu. Malah, kerajaan sedang giat menggalakkan perindustrian 'high-tech', dengan izin dan

mengadakan dasar mengurangkan pergantungan tenaga buruh dalam pelbagai sektor serta menggalakkan usahawan-usahawan di sektor perladangan dan perindustrian dan menggunakan ramai tenaga buruh supaya melabur di negara-negara lain.

Adalah ditegaskan di sini bahawa kementerian ini berasa amat kesal sekali atas tuduhan liar yang tidak benar daripada Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian ke atas Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri. Di dalam menjalankan tugas dan membuat keputusan, rakan saya tiada pilih kasih diamalkan dan layanan sama rata sentiasa diberi kepada semua pihak yang berurusan termasuk mereka daripada pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar, saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Dalam Negeri tidak dapat mengesan kegiatan menjual pasport oleh kakitangan dua kedutaan asing.....

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Ong Ka Ting:kepada warganegara.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tidak ada Ahli Parlimen Kota Setar ya. Ahli Parlimen Pokok Sena. [*Ketawa*]

Tuan Ong Ka Ting: Okay, minta maaf Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena. Dari pemerhatian dan perbincangan Kementerian Dalam Negeri dengan kedua-dua kedutaan, Kementerian Dalam Negeri difahamkan Kedutaan Indonesia dan Kedutaan Filipina mengeluarkan pasport berdasarkan kepada kes-kes yang dilaporkan. Kebanyakan permohonan untuk mendapatkan pasport dari kedua-dua kedutaan tersebut oleh rakyat negara berkenaan adalah kerana kehilangan dan kecurian pasport dan kesemua pasport yang dikeluarkan adalah tulen dan sah dan tidak ada pasport-pasport palsu yang dikeluarkan.

Apa yang sebenarnya berlaku ialah ada pekerja dari negara tersebut yang tamat tempoh untuk bekerja di negara ini selama lima tahun telah membuang pasport bagi membolehkannya terus bekerja di sini dengan menggunakan nama lain. Mengenai pekerja asing dan pendatang asing yang terlibat dalam sebarang perniagaan restoran atau penjaja, kementerian telah mengambil tindakan sewajarnya.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat...

Tuan Ong Ka Ting:operasi-operasi penguatkuasaan dijalankan dari masa kesemasa untuk menangkap pekerja asing atau pendatang asing yang terlibat dalam aktiviti komersial dan mereka yang tertangkap akan dihantar pulang ke negara asal.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri pergi kepada restoran asing yang saya bangkitkan, saya ingin tahu, sebab saya tidak menyebut tentang kedutaan asing yang mana kedutaan terbabit, tetapi ikut laporan kedutaan yang Yang Berhormat sebutkan tadi, kedua-dua itu tidak terbabit, ada lagi satu kedutaan yang terbabit dengan pengeluaran passport ataupun pemberian passport kepada pendatang-pendatang asing.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena boleh berikan maklumat butiran yang lebih lanjut daripada apa yang telah dibangkitkan supaya kementerian boleh menyiasat dengan terperinci yang saya difahamkan Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena telah menyentuh kedutaan daripada Bangladesh, tetapi kita perlukan butiran yang lebih spesifik.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedar kepentingan dan perlunya sempadan negara dikawal dengan rapi dan berkesan sebagaimana yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian, Pokok Sena dan Jerantut. Justeru itu, kerjasama dan bantuan agensi-agensi lain seperti Kementerian Pertahanan, PDRM, Jabatan Imigresen dan pasukan sukarelawan sentiasa dipertingkatkan bagi menjamin kesejahteraan dan keselamatan negara.

Di samping itu, kerajaan juga mengambil langkah untuk memperluaskan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dengan kapal rondaan yang lebih sesuai untuk mengawal sepanjang sempadan laut negara.

Tuan Yang di-Pertua, Pasukan Petugas Pekerja Asing sebagai pasukan petugas yang baru ditubuhkan.....

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Pokok Sena bangun Yang Berhormat, Pokok Sena.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, sebelum pergi kepada pasukan petugas, saya ingin tahu adakah Kementerian Dalam Negeri mengetahui bahawa di satu negara jiran kita ada sebuah kem di mana dikumpulkan pendatang-pendatang asing dan di 'smuggle' masuk ke negara kita?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kita dengar ada khabar-khabar macam itu. Tetapi walau apa pun, Kementerian Dalam Negeri telah pun berwaspada dan memastikan semua langkah pencegahan untuk mencegah pendatang tanpa izin daripada masuk ke negara kita itu semua berjalan dengan baik, termasuk rondaan di sempadan dan juga pintu-pintu masuk, tempat-tempat strategik yang kita sentiasa beri perhatian dijaga dengan rapi.

Tuan Yang di-Pertua, Pasukan Petugas Pekerja Asing sebagai pasukan petugas khas yang baru di.....

Tuan Henrynus Amin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Kinabalu bangun.

Tuan Henrynus Amin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan masalah untuk mempertahankan sempadan negara. Berkali-kali kita telah mendengar jawapan di Dewan ini bahawa pantai negeri Sabah itu terlalu panjang, luas dan seolah-olah bahawa pihak keselamatan tidak mampu untuk menjaga kemasukan pendatang-pendatang ini. Persoalan saya ialah apakah jaminan pihak kerajaan bahawa keselamatan bagi rakyat Malaysia yang berada di Sabah ini tidak dikompromi dengan keadaan di mana pendatang-pendatang asing begitu senang untuk masuk ke negara kita. Adakah alasan-alasan ini boleh kita terima, adakah ini akan meyakinkan rakyat di Sabah bahawa mereka ini selamat?

Tuan Yang di-Pertua, apabila Sabah menyertai gagasan Malaysia suatu ketika yang dahulu, faktor keselamatan adalah faktor yang utama, oleh kerana rakyat takut kepada tuntutan Filipina terhadap negeri Sabah, takut kepada dasar konfrontasi Indonesia terhadap negeri Sabah. Maka faktor keselamatanlah yang menjadi faktor utama untuk Sabah menyertai gagasan Malaysia. Dan pengharapan rakyat Malaysia di Sabah adalah kepada kerajaan untuk memberikan perlindungan. Jadi, kalaulah jawapan daripada menteri mengatakan bahawa tidak ada kemampuan untuk mempertahankan kedaulatan negara, tidak ada kemampuan untuk mempertahankan sempadan negara, ini suatu yang tidak meyakinkan. Saya sebagai rakyat Malaysia

di Sabah, saya merasa khuatir bukan sahaja tentang kedudukan dan hak-hak saya di negara ini, tetapi juga tentang masa depan negara ini suatu masa nanti.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat dari Kinabatangan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kinabalu! Kinabatangan itu kawasan saya, Yang Berhormat. [Ketawa]

Tuan Ong Ka Ting: Kinabalu, maaf, tidak ikut jawapan saya. Saya belum sampai kepada Sabah. Saya masih dalam mengatakan ini pendatang tanpa izin untuk Semenanjung. Dia sudah tak sabar hendak buat tuduhan-tuduhan ataupun komen-komen yang begitu tidak meyakinkan. Masalah ini ialah oleh kerana sikap seperti Yang Berhormat begitu negatif ini, cara dia bertanya soalan pun dia buat dakwaan ataupun soalan itu pun tidak tepat. Saya tidak pernah di Dewan ini berulang kali berkata kita tak mampu untuk mengawal keselamatan di Sabah. Hakikatnya ialah Sabah memang mempunyai sempadan yang panjang. Itu bukan satu perkara yang salah. Apa salahnya kalau saya selalu sebutkan fakta yang betul. Tidakkah sempadan perairan itu panjang? Maksud kita ialah di situ kita ada masalah-masalah yang kita perlu mengawal. **B a r u -** baru ini telah berulang kali saya memberi penjelasan di sini bagaimana kerajaan kita sudah mempertingkatkan kawalan, bagaimana kita adakan langkah-langkah, usaha-usaha dari semasa ke semasa untuk memperketatkan lagi kawalan. Tak pernah kita kata kita tak mampu. Masalah orang khuatir ini mungkin hasil daripada hujah-hujah seperti Yang Berhormat yang menakutkan kata, kerajaan kita ini tidak mampu.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya susah saya hendak mula dengan Pasukan Petugas Khas Pekerja Asing untuk Semenanjung, tiap-tiap kali kena interrupt. Pasukan Petugas Khas Pekerja Asing di Semenanjung sebagai pasukan petugas khas baru tidak dinafikan bahawa banyak ruang yang perlu dan boleh dilakukan untuk mempertingkatkan lagi keberkesanan pasukan petugas ini. Kerajaan akan terus memberi penekanan bagi memperbaiki prestasi pasukan petugas dari segi pengurusan. Walaupun demikian, PPPA telah pun membuktikan bahawa organisasi itu dapat melaksanakan tugasnya, bukan sahaja memberi perkhidmatan kepada majikan-majikan, malah juga mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang.

Mengenai saranan Yang Berhormat dari Kuala Nerus supaya Pasukan Petugas Pendetang Haram Vietnam (PHV) dipulihkan untuk menangani

masalah-masalah penghantaran pulang pendatang asing. Sukalah dijelaskan iaitu walaupun Pasukan Petugas PHV dan Pasukan Petugas Pekerja Asing (PPPA) melaksanakan penghantaran pulang pendatang tanpa izin, objektif dan fungsinya amat berbeza. Oleh kerana negara memerlukan tenaga buruh dalam kepesatan pembangunan ekonomi negara, adalah perlu negara mempunyai Pasukan Petugas Pekerja Asing untuk mengendalikan pengambilan pekerja asing, memberi khidmat kepada majikan-majikan dan juga mengadakan penguatkuasaan Akta Imigresen. Dalam hubungan ini, kerajaan mempunyai keyakinan bahawa PPPA akan terus memainkan peranan berkesan dalam pengendalian pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Bharu, memang tidak dinafikan terdapat pekerja asing khususnya pekerja asing Indonesia yang telah berkahwin dengan wanita-wanita Orang Asli. Dari maklumat yang diterima, setakat ini seramai 116 orang pekerja asing Indonesia telah berkahwin dengan wanita-wanita Orang Asli. Kerajaan memandang serius perkara ini kerana pekerja asing itu telah melanggar peraturan-peraturan Imigresen dan akan menimbulkan masalah kepada keluarga Orang Asli apabila ia balik ke negara asal dan meninggalkan isteri serta anak-anaknya di negara ini.

Dalam usaha untuk mencegah masalah tersebut, beberapa langkah tindakan telah pun dilaksanakan seperti berikut:

- (i) membatalkan pas pekerja asing berkenaan dan menghantar mereka pulang ke negara asal;
- (ii) mengadakan program-program kesedaran di kalangan Orang Asli dengan memberi penerangan kepada Tok Batin, Persatuan Orang Asli Semenanjung Malaysia dan masyarakat Orang Asli tentang masalah yang akan timbul akibat kemasukan orang-orang asing di dalam kawasan Orang Asli;
- (iii) mengadakan siri perbincangan atau mesyuarat dengan pihak Majlis Keselamatan Negara berikutan kemasukan orang-orang asing di kawasan Orang Asli bagi membendung masalah ini;
- (iv) menjalankan aktiviti mendapatkan maklumat yang lebih terperinci mengenai kemasukan pendatang-pendatang asing di kawasan-kawasan perkampungan Orang Asli; dan

- (v) menubuhkan jawatankuasa petugas bagi menangani masalah kemasukan pendatang asing di kawasan perkampunan Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Sri Aman telah bertanya apakah rancangan jangka.....

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Pokok Sena bangun.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang kita tahu, pekerja-pekerja asing datangnya ada sesuatu tujuan, iaitu dari segi buruh bangunan ataupun bekerja di ladang-ladang kelapa sawit. Tetapi bagaimana tentang buruh-buruh asing yang pergi ke kawasan-kawasan Orang Asli, apa mereka buat? Adakah sesuatu perkara yang berkaitan dengan Orang-orang Asli? Saya ingin penjelasan.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kita keluarkan pas lawatan kerja sementara kepada buruh-buruh mengikut sektor-sektor yang berkenaan. Kemungkinan mereka ini masuk ke kawasan Orang Asli ini adalah mereka mempunyai pas lawatan sementara kerja untuk sektor perladangan, dan mereka kadang-kadang mengambil kesempatan untuk masuk ke dalam kawasan Orang Asli. Walau bagaimanapun, kerana ada syarat-syarat telah mengikat mereka apabila pas itu dikelarkan, mereka tidak sepatutnya melakukan hal-hal seperti perkahwinan dan bekerja di tempat yang tidak diizinkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Sri Aman telah bertanya apakah rancangan jangka panjang kerajaan untuk menyekat kemasukan pendatang tanpa izin ke negeri Sarawak? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Sri Aman, kerajaan telah pun menjalankan tindakan-tindakan, antara lainnya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Tumpat bangun.

Tuan Ong Ka Ting: Sarawak pun dia minatkah?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, mengenai pendatang asing.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menggalakkan kahwin campur. Itu pertama.

Keduanya, sebagaimana telah diumumkan bahawa kita kelebihan orang-orang perempuan, tetapi ada orang Indonesia hendak kahwin dengan Orang Asli. Ini ertinya dia menyokong dasar kerajaan. Sepatutnya orang seperti ini kita benarkan dia duduk di sini. Kalau hendak harap Yang Berhormat kahwin dengan Orang Asli, ataupun saya, saya tidak akan kahwin. Bersyukurlah kalau ada orang yang hendak kahwin dengan Orang Asli, biar Orang Asli itu berubah hidupnya.

Perkara yang ketiga, kerajaan telah berusaha dengan pelbagai daya usaha untuk meningkatkan Orang Asli daripada kehidupan yang biasa, tetapi tidak berjaya, jadi, ada orang asing hendak tolong kita. Saya rasa berdasarkan kepada 3 perkara ini, kita patut berterima kasih kepada mereka. Sebagai tanda terima kasih kepada mereka, kita beri pas (work permit) kepada mereka supaya mereka kekal bekerja di sini. Bagaimana pendapat Yang Berhormat?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa sedar tentang dasar galakan kahwin campur. Mungkin itu dasar kerajaan Negeri Kelantan yang menggalakkan kahwin campur antara orang tempatan dengan pendatang asing.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya itu pendirian PAS.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, dia tidak baca "The Malay Dilemma". Bagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri ini ketinggalan zaman?

Tuan Ong Ka Ting: Dia bukan dari kerajaan kita dan kata itu dasar kita - galakkan pendatang asing untuk kahwin campur. Saya telah berulang kali berkata di sini bahawa kita tidak galakkan pekerja asing (buruh asing) ini kahwin dengan orang Malaysia. Kita telah terangkan banyak kali, saya tidak tahu sama ada Tumpat ada mendengar atau tidak? Ini akan mendatangkan bermacam-macam masalah. Sebenarnya kita hendak melindungi orang kita sendiri, wanita Malaysia. Kita tidak mahu nanti timbul masalah sosial dan mereka ini bukan hendak tinggal di sini selama-lama, dia datang untuk satu tempoh dan dia akan balik, dia tidak akan endahkan lagi wanita di sini. Saya rasa pandangan dari Tumpat itu saya pun tidak berapa setujulah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat dari Sri Aman, kerajaan telah pun menjalankan tindakan-tindakan, di antara lain:

- (a) mempertingkatkan tindakan mengesan, menangkap dan mengusir keluar pendatang tanpa izin dari bumi Sarawak. Suka dimaklumkan mulai pertengahan tahun 1996, depoh tahanan Imigresen di Kem Simuja, Serian telah beroperasi dan ini akan mengurangkan masalah kesesakan di penjara dan di balai-balai polis dan dengan itu pengusiran pendatang tanpa izin dapat dipertingkatkan di Sarawak;
- (b) meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab masyarakat untuk menangani masalah dan mengambil tindakan tegas terhadap majikan-majikan dan rakyat tempatan yang didapati bersubahat melindungi dan memberi pekerjaan kepada pendatang tanpa izin;
- (c) memastikan kerjasama kawalan keselamatan melalui aktiviti sekatan jalan raya dan rondaan di tempat-tempat yang telah dikenal pasti sebagai jalan keluar masuk pendatang tanpa izin oleh pihak-pihak berkuasa keselamatan kawalan sempadan;
- (d) mengadakan perbincangan dengan negara-negara seperti Indonesia dan Filipina bagi mendapatkan kerjasama dalam mengatasi masalah pendatang tanpa izin.

Terdapat syor dari Ahli Yang Berhormat dari Tawau, kerajaan memang sentiasa mengadakan mesyuarat dengan negara-negara jiran bagi mendapatkan kerjasama untuk mengatasi masalah kemasukan pendatang tanpa izin ke negara ini.

Yang Berhormat dari Keningau telah menyentuh isu kad pengenalan palsu di Sabah. Pengeluaran kad pengenalan biru di Sabah dilakukan oleh sindiket yang melibatkan pelbagai pihak yang bergerak secara terancang. Oleh itu, sisatan perlulah dilaksanakan dengan teliti dan teratur supaya mereka yang terlibat dengan sindiket ini tidak akan terlepas daripada undang-undang. Bagi menjalankan tugas-tugas ini, kerajaan telah menubuh dan menggunakan agensi-agensi dan pasukan penguatkuasaan yang bertanggungjawab khusus bagi menangani masalah ini. Hasil daripada siasatan tersebut dan maklumat-maklumat yang diperolehi, kerajaan telah menangkap seramai 50 orang yang terlibat dengan sindiket tersebut dan mereka ini telah pun dikenakan tindakan undang-undang. Tindakan ini akan diteruskan sehingga kerajaan benar-benar berpuas hati negeri

Sabah bebas dari sindiket pemalsuan dokumen kerajaan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, sebilangan besar dokumen pengenalan yang dipalsukan adalah dalam bentuk resit pengenalan sementara JPN.1/9 dan JPN.1/11.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Kinabalu bangun.

Tuan Henrynus Amin: Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa lebih kurang 50 orang telah ditangkap dan telah dikenakan tindakan undang-undang. Saya ingin tahu apakah jenis tindakan undang-undang yang telah dikenakan? Adakah tangkapan melalui ISA itu sudah memadai? Ataupun adakah mereka ini akan dihadapkan di mahkamah dan mereka akan menerima hukuman yang setimpal dengan kesalahan mereka sekiranya disabitkan?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kesemua 50 orang yang dikenakan tindakan undang-undang ini, mereka ini telah ditahan di bawah ISA dan mereka ini semua pada masa kini di dalam Kem Pemulihan Kemunting, Taiping dan di dalam siasatan itu kerajaan telah memikirkan semasak-masaknya cara yang paling berkesan untuk menahan mereka ialah ISA. Undang-undang lain mungkin ada masalah-masalah teknik yang mungkin kita tidak dapat menangkap mereka di bawah tahanan.

Dokumen ini mempunyai tempoh sah lakunya selama 1 tahun iaitu JPN.1/9 dan JPN.1/11. Ini bermakna dokumen palsu tersebut tidak boleh digunakan selepas tempoh sah laku tersebut tamat, manakala kad pengenalan lama yang berbentuk plastik palsu pula akan dapat dikenal pasti selepas tempoh penukaran kad pengenalan bermutu tinggi tamat. Masalah yang lebih utama yang sedang diatasi oleh pihak kerajaan sekarang ialah untuk mengambil tindakan kepada pemegang-pemegang kad pengenalan palsu dan mengemaskini semula rekod di agensi-agensi kerajaan di mana urusan yang dibuat melibatkan penggunaan kad pengenalan palsu.

Pemegang-pemegang kad pengenalan palsu pada masa kini boleh bergerak bebas di negeri Sabah, malah ada di antara mereka yang telah berada di Semenanjung. Walau bagaimanapun, mereka tidak akan terlepas dari tindakan undang-undang kecuali jika mereka telah pun kembali semula ke negara asal. Kerajaan percaya bahawa dengan tindakan bersepadu pihak-pihak penguatkuasaan, masalah ini akan dapat di atasi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yan bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kad pengenalan ini, saya ingin mendapat penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat. Setakat hari ini berapa banyak pendatang-pendatang asing yang telah ditangkap mempunyai kad pengenalan palsu? Dan adakah pihak kementerian bercadang untuk mengadakan kawalan perjalanan pendatang-pendatang asing ini? Maksud saya, katalah pendatang asing itu dihantar dalam kawasan daerah Yan, kita memastikan bahawa pendatang asing ini mesti mendaftarkan diri mereka mungkin di Pejabat Daerah Yan untuk kita mengenal pasti bahawa mereka ini berada di dalam Daerah Yan dan seandainya mereka berpindah, katalah ke kawasan Pokok Sena, maka mereka terpaksa berdaftar di pejabat daerah tertentu. Ini adalah untuk memastikan bahawa pergerakan pendatang asing ini terkawal, kerana pada hari ini mereka boleh naik di Johor Bahru dan berada di Perlis dan dari Perlis mereka boleh berada di Johor Bahru. Jadi, ini masalah bagi kita.

Saya sekali lagi ingin mengulangi agar kementerian Yang Berhormat dapat serius sedikit tentang isu-isu jenayah yang dilakukan oleh orang Bangladesh ini. Memanglah kes rogol ini banyak yang telah tidak didedahkan. Maklumlah, dia kena rogol sekali, kemudian didedahkan, seumur hidup dia merana. Jadi, biar dia tidak dedah, dia tanggung pi lah, sekurang-kurangnya di masa depan dia mendapat habuan lain yang lebih baik. Jadi, inilah pandangan saya. Terima kasih.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat dari Yan memang ada asasnya, akan tetapi pada masa kini sistem pekerja-pekerja asing ini, mereka mempunyai pas permit kerja yang sepatutnya jelas sekali tercatat di atas pas permit itu bahawa pekerja itu sepatutnya di mana? Alamat pekerja itu di mana? Saya rasa pas PLKS itu boleh menjadi satu bukti bahawa pekerja itu sepatutnya berada di satu lokasi pada bila-bila masa. Kalau terdapat orang itu sudah pergi ke tempat lain, dia tidak dapat tunjukkan Pas Lawatan Kerja Sementara itu, maka mereka adalah tetap pendatang tanpa izin dan kita boleh tangkap dengan serta-merta. Jadi, sistem ini kalau diketatkan penguatkuasaan, mungkin kita boleh mencapai tujuan yang sama.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara yang sama, tak bolehkah permit pekerja-pekerja asing ini

kita buat macam 'plate' kereta. Kalau 'K' mereka itu bekerja di Kedah, tidak pun warnakan, satu negeri satu warna, supaya polis senang tahu. Sekarang polis tidak tahu! Bila polis mengadakan road block atau check, polis tak tahu mereka ini bekerja di mana, kalau dia beritahu kata: "Saya bekerja di Perlis", jadi polis beranggapan mereka bekerja di Perlis. Kita berikan satu tanda ataupun satu negeri satu warna permit mereka itu, supaya kita tahu, bila polis tengok, dia tahu dah! Kuning mesti Kedah, kalau jumpa dok bekerja di Selangor warna 'kuning' bermakna dia telah melanggar undang-undang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kementerian boleh mengkaji cadangan ini, sejauh manakah ianya boleh kita laksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah yang ditimbulkan ataupun jenayah yang dilakukan oleh pekerja dari Bangladesh yang berulang kali telah ditekankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Yan, memang kementerian memandang serius masalah ini. Pihak polis pun sekarang ini berwaspada, sentiasa memberi perhatian kepada tempat-tempat di mana terdapat ramainya pekerja-pekerja ataupun pendatang-pendatang dalam kategori itu. Memang perkara ini kita memandang serius dan kita bukan sahaja melihat angka yang telah dilaporkan dari segi jenayah, kita juga kadangkala ada maklumat yang mengatakan sesuatu jenayah itu dilakukan tanpa dilaporkan oleh sebab-sebab tertentu dan saya sendiri ada mendengar Ahli Yang Berhormat dari Yan juga ada membangkitkan perkara ini.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak kementerian bercadang untuk menghentikan buat sementara waktu kemasukan pekerja-pekerja asing dari Bangladesh supaya kita dapat menyelesaikan masalah dalaman yang berada sekarang ini dan apabila kita dapat selesai, kalau kita tengok kelaku depa baik, kita beri depa masuk, kalau tidak kita tahan, jangan beri kepada hak yang kelaku yang tak baik masuk. Hak yang baik tak apalah masuk.

Tuan Yang di-Pertua, kerana depa ini yang saya tahulah, daripada kajian seks depa ini teruk sangat! Sebab itu, negeri depa selalu ditimpa bencana, fasal depa tak kira siapa dah! [Ketawa]

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, dasar kerajaan sekarang ialah kita telah membekukan kemasukan semua pekerja asing, tak kira dia dari Bangladesh ataupun dari mana-mana negara. Bukan

setakat itu sahaja, dalam proses untuk menghantar, mengusir semua pendatang-pendatang asing yang tidak layak atau tidak sesuai untuk bekerja pada masa ini ataupun dalam tempoh antara sekarang hingga 31hb. Disember ini memang satu tempoh kita hendak, dengan izin, hendak 'digest'kan masalah ini supaya dia tidak terus mengembang dan jadi sampai meletup. Saya selalu gunakan perkataan 'meletup' kerana sudah memang serius sangat!

Tuan Yang di-Pertua, kepada soalan-soalan mengapa ISA digunakan dalam kes sindiket kad pengenalan palsu sebagaimana yang dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat, adalah ditegaskan iaitu dengan menyedari bahayanya perbuatan pemalsuan dokumen pengenalan terhadap keselamatan negara, Akta Keselamatan Dalam Negeri telah diguna untuk menahan mereka sebagai hukuman di samping memberi kesedaran melalui rancangan pemulihan.

Mengenai dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Tenom, kerajaan sudah tentu mendapat maklumat sekiranya sesebuah negara asing bercadang mengeluarkan pasport kepada warganegaranya, lebih-lebih lagi kepada pendatang tanpa izin di Sabah. Walaupun demikian, kedutaan negara tersebut mempunyai budi bicara untuk mengeluarkan pasport atau dokumen kepada warganegaranya yang layak.

Ahli Yang Berhormat dari Bandau meminta kerajaan memperbaiki perkhidmatan yang diberi oleh Jabatan Pendaftaran Negara Sabah

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Tuan bangun.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai pengeluaran pasport oleh negara asing terhadap rakyat negara itu di Sabah. Ada dua perkara yang sangat serius dalam hal ini.

Pertama, kita mengetahui bahawa begitu ramai sekali rakyat negara itu yang dimaksudkan yang kini sudah berada di negeri Sabah dan kebanyakan dari mereka telah datang ke negeri Sabah sejak tahun 70-an. Bila mereka datang ke negeri Sabah, mereka tidak mempunyai apa-apa dokumen pun yang memastikan ataupun sebagai pengenalan bahawa mereka ini adalah rakyat negara asal mereka.

Sesudah mereka datang ke Sabah, mereka pula berkahwin sesama sendiri dan melahirkan anak hingga ada yang mungkin beranak sepuluh. Dan

masalahnya di situ ialah negara asal tidak lagi mengaku bahawa mereka ini yang kini berada di Sabah itu dan anak-anak mereka itu adalah rakyat negara itu dan sukar untuk memberi pasport kepada mereka oleh kerana tidak ada pengenalan bahawa mereka ini rakyat negara yang berkenaan.

Jadi, bagaimanakah kita mengatasi masalah ini nanti, adakah Kerajaan Malaysia terpaksa menerima mereka ini sebagai warganegara kita nanti?

Yang kedua, ialah berkenaan dengan pengeluaran pasport ini. Pada hemat saya, kalau setakat 1,000 mungkin bolehlah kita pertimbangkan atas peri kemanusiaan supaya mereka diberi kelonggaran mengeluarkan pasport di negara kita. Tetapi kita harus ingat bahawa kita mempunyai undang-undang Perlembagaan sendiri di mana kita hanya membenarkan pengeluaran pasport sebagai pembaharuan tetapi bukan satu operasi untuk membiarkan negara asing, seolah-olah dia sudah mentadbir negara kita untuk mencabuli kedaulatan negara kita ini.

Saya fikir kita tidak boleh biarkan perkara ini berlaku. Yang sebaik-baiknya ialah

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, minta penjelasan biar ringkas kerana kita kesuntukan masa.

Tuan Yunof Edward Maringking: Ya, saya akan minta penjelasan sekarang. Sebaik-baiknya ialah menggubal dasar supaya mereka ini kembali ke negara asal masing-masing dan di situlah mereka akan memohon pasport masing-masing dan jika kita ada keperluan bagi mereka datang ke negara kita, barulah kita pertimbangkan untuk kemasukan mereka ini. Tetapi, kalau kita biarkan mereka terus berada di negara kita dan membiarkan negara asing itu mengeluarkan pasport kepada rakyat mereka di negara kita, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa ini adalah satu pencabulan kepada kedaulatan negara kita yang mungkin boleh memudaratkan ketenteraman awam di dalam negara kita ini.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Timbalan Menteri di hadapan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf mencelah di sini. Sepatut wakil rakyat dari Tuaran harus berterima

kasih di atas apa yang telah berlaku oleh kedutaan tersebut. Kalau mereka tidak menjalankan operasi untuk memberi pasport antarabangsa kepada mereka yang tidak ada dokumen, bebannya kita kena tanggung kerana orang-orang ini ditakrifkan sebagai 'stateless'. Kalau stateless kita kena tanggung sampai bila-bila, sampai ke anak cucu mereka.

Dengan adanya pendaftaran dan pengeluaran pasport oleh negara tersebut kepada orang-orang ini, maka dengan keadaan keamanan yang ada berlaku di selatan Filipina maka kita boleh menghantar mereka pulang kelak. Ini adalah satu penyelesaian di atas mereka yang masuk ke negara ini tanpa dokumen-dokumen.

Kita menghadapi masalah dengan beberapa ribu rakyat Myanmar yang mana Kerajaan Myanmar tidak mengakui mereka. Sekarang kita terpaksa tanggung sehingga mereka beranak dan bercucu kerana mereka merupakan stateless.

Jadi, tindakan seperti ini, saya fikir adalah satu tindakan yang wajar untuk kita menyelesaikan masalah mereka yang tidak ada mempunyai dokumen-dokumen yang sah ini.

Tuan Yunof Edward Marinking: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli Yang Berhormat, sekejap ya. Saya suka mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang minta penjelasan, memandangkan kita ada banyak kementerian yang perlu diselesaikan dalam masa hanya dua hari, janganlah berucap panjang. Minta penjelasan, sila 'direct to the point', ya!

Tuan Yunof Edward Marinking: Ya, Tuan Yang di-Pertua, penjelasan, iaitu tentang status stateless ini, dengan izin. Adakah kini satu dasar lagi Kerajaan Persekutuan bahawa mereka ataupun yang tidak ada kad pengenalan sebagai identiti kerakyatan ini yang begitu ramai di Sabah atau mungkin di seluruh negara diterima sebagai rakyat stateless dan akan dibiarkan tinggal di sini sehingga mereka ditentukan kerakyatan mereka. Adakah ini dasar kerajaan yang baru lagi?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kalau tidak ada satu negeri pun mengaku bahawa seseorang itu warganegara mereka, kita tidak boleh buat apa-apa. Kita terpaksa tanggung mereka. Jadi, dengan adanya penyelesaian yang dibuat oleh kedutaan tersebut membantu kita mengenal pasti mereka dan akhirnya besok kita boleh berhak menghantar mereka pulang ke negara asal. Selagi pengakuan tidak dibuat, kita kena tanggung. Itulah dasar keseluruhan negara-negara di dunia.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kesesakan yang berlaku di kebanyakan Jabatan Pendaftaran Negara di Sabah, Sarawak malah di Semenanjung adalah berbentuk sementara kerana pemohon ingin menukarkan kad pengenalan lama plastik kepada kad pengenalan bermutu tinggi KPT.

Sejak pelancaran KPT, saya telah berulang kali mengingatkan kepada penduduk di seluruh negara supaya tidak menunggu masa terakhir untuk menukar kad pengenalan kerana kerajaan tidak menyambung tempoh yang diberikan selama 6 tahun dan akan berakhir pada 31hb. Disember 1996 ini.

Walau bagaimanapun, kerajaan akan memastikan supaya orang ramai ini akan dapat menukarkan kad pengenalan mereka sebelum tamat tempoh. Saya mengakui bahawa di negeri Sabah di mana daerah-daerahnya terlalu luas bagi sesebuah Pejabat Pendaftaran Negara yang mempunyai bilangan kakitangan terhad untuk menyelesaikan semua bentuk urusan dan masalah yang berkaitan dengan Jabatan Pendaftaran Negara. Maka itulah sebabnya Jabatan Pendaftaran Negara menyediakan program lawatan khas ke kawasan-kawasan pedalaman untuk membantu penduduk-penduduk di kawasan tersebut. Mengenai kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara yang tidak berdisiplin, pihak kerajaan mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya.

Mengenai kad pengenalan yang dikeluarkan dengan status penduduk sementara, jalur hijau ianya hanya dikeluarkan kepada mereka yang tidak dapat membuktikan tarafnya sebagai warganegara atau penduduk tetap. Memang tidak dinafikan terdapat kes mereka yang mempunyai sijil kelahiran, dikeluarkan kad pengenalan yang mencatatkan status mereka sebagai penduduk sementara. Ini adalah disebabkan, mereka tidak ada tuntutan kerakyatan seperti kedua ibu bapa atau kedua ibu bapanya, tidak mempunyai taraf warganegara ataupun penduduk tetap.

Saya suka merujuk kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Jerantut, Marang, Kepong, Padang Serai mengenai masalah dadah. Sukalah saya memaklumkan jumlah penagih yang dikesan setakat 31hb. Ogos, 1996 ialah 200,000 orang di mana 122,135 orang adalah penagih akhir. Seramai 15, 315 penagih sedang menjalani rawatan dan pemulihan di pusat serenti di seluruh negara.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Jerantut, tujuan utama kerajaan menempatkan penagih-penagih dadah di pusat serenti adalah untuk memulih dan merawat mereka. Oleh yang demikian, adalah tidak selaras dengan matlamat pemulihan sekiranya

mereka dibenarkan bekerja di kilang-kilang atau estet-estet kerana ini akan menjejaskan program pemulihan mereka. Berdasarkan kepada pengalaman Kementerian, Program Sinar Harapan yang dilaksanakan dengan membenarkan penghuni-penghuni keluar bekerja di kilang-kilang ternyata banyak menimbulkan kesan-kesan negatif yang boleh menjatuhkan imej pusat serenti dan penghuni. Di samping itu, penghuni terbabit tidak dapat mengikut program pemulihan di pusat serenti seperti yang ditetapkan selepas mereka kembali bekerja di luar kerana keletihan.

Walau bagaimanapun, kerajaan akan melaksanakan program berbentuk latihan vokasional melalui konsep 'cottage industry' dengan izin, yang bertujuan mewujudkan budaya bekerja di kalangan penghuni melalui projek usahasama dengan pihak swasta. Di bawah konsep ini, hanya penghuni fasa IV sahaja dibenarkan bekerja dalam perusahaan yang diwujudkan dalam kawasan pusat serenti. Masa bekerja selama 4 jam sehari akan membolehkan mereka mengikuti program pemulihan seperti biasa. Pihak kerajaan juga sedang merangka kaedah untuk menggalakkan pihak swasta yang berminat untuk mengambil penghuni-penghuni yang akan bebas dari pusat serenti untuk bekerja dengan mereka. Melalui kaedah ini pihak swasta akan dapat menjalankan tanggungjawab sosial mereka dengan menentukan kemudahan seperti asrama serta pengawasan ke atas pekerja dari kalangan bekas-bekas penagih.

Di samping itu, kerajaan juga akan memperkembangkan lagi dasar self-sufficiency dengan izin, untuk menggalakkan pusat-pusat serenti menjalankan aktiviti ekonomi bagi mengurangkan kos pengurusan seperti projek pertanian dan ternakan secara besar-besaran yang lebih berbentuk vokasional tetapi dengan melibatkan semua penghuni tanpa menjejaskan aktiviti pemulihan mereka.

Dakwaan Yang Berhormat dari Marang bahawa kerajaan membelanjakan RM1 juta sehari untuk memulihkan penagih dadah di pusat serenti itu adalah tidak benar. Untuk makluman Yang Berhormat, perbelanjaan sebanyak RM90.7 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh bertujuan untuk menambah infrastruktur pusat-pusat serenti yang sedia ada dan membuka tiga pusat serenti baru bagi mengatasi masalah kesesakan penghuni. Berhubung dengan perbelanjaan harian penghuni, sebenarnya purata perbelanjaan sehari ialah RM10.00 untuk seorang penghuni atau RM151,330 sehari untuk sejumlah 15,135 penghuni pusat serenti.

Mengenai program keagamaan, sebenarnya ia merupakan salah satu komponen utama pemulihan penghuni-penghuni pusat serenti di samping kawad dan latihan jasmani. Program keagamaan diwajibkan kepada semua penghuni beragama Islam dalam aktiviti harian mereka. Bagi penghuni-penghuni bukan Islam, mereka juga dikehendaki mengikut program agama berdasarkan agama yang mereka anuti. Selain daripada itu, semua penghuni juga diwajibkan mengikuti program pendidikan moral, sosial dan fizikal.

Tuduhan Yang Berhormat dari Marang bahawa kerajaan memencilkan agama dalam pencegahan dadah adalah jauh daripada keadaan sebenar. Beberapa muzakarah juga diadakan dengan melibatkan lebih 300 alim ulama di seluruh negara didedahkan untuk tujuan pencegahan dadah. Peranan mereka diperlihatkan dalam beberapa kempen anti dadah seluruh pelusok negara. Sebagai orang yang arif dalam bidangnya, maka tentulah ketokohan mereka dalam menasihati orang ramai termasuk keluarga penagih dan bekas penagih amatlah dihargai.

Selanjutnya, untuk makluman Yang Berhormat dari Padang Serai, kerajaan memang mengambil langkah lebih tegas dan lebih berkesan untuk menangani masalah penagihan dadah ...

Tuan Yunus bin Rahmat: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Jelebu bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin mendapat penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah Kementerian membuat satu garis panduan kepada komandan-komandan di pusat serenti ke arah menyelesaikan tugas dan tanggungjawab sekiranya berlaku kematian di kalangan penagih dadah yang menghidap HIV. Apabila di bawa ke hospital untuk dibedah siasat dan sebagainya, tugas berkenaan sepatutnya akan diuruskan bersama oleh pusat serenti tersebut sehinggalah ke liang lahad.

Tuan Yang di-Pertua, kerana apa yang berlaku setakat hari ini ada satu kes di Jelebu, telah tidak mendapat kerjasama daripada komandan yang berkenaan, ini kes yang pertama. Kes yang terdahulu pun begitu juga, sehinggalah timbul cerita mengatakan bahawa jenazah penghidap AIDS itu enggan disembahyangkan. Sebenarnya ialah yang berlaku kekeliruan di kalangan masyarakat yang ada sekarang ini, seolah-olah masyarakat takut untuk menguruskan jenazah penghidap sakit AIDS ini.

Jadi, saya ingin bertanya adakah satu garis panduan yang ditetapkan kepada pentadbir pusat serenti untuk jenazah itu diuruskan sehinggalah dikebumikan pada akhirnya?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan galakan kepada pelatih-pelatih pusat serenti ini untuk bergiat di dalam bidang ekonomi. Saya ingin bertanya adakah jaminan diberikan kepada masyarakat untuk menentukan pemakanan yang dijual oleh pelatih-pelatih pusat serenti itu seperti di kantin/restoren Pusat Serenti di Karak Pahang terjamin kebersihannya dan telah diperiksa mengikut keperluan oleh pihak-pihak yang berkenaan supaya masyarakat dan orang ramai tidak curiga dengan kebersihan jualan makanan yang dibuat? Terima kasih.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini semua komandan-komandan pusat serenti, mereka memang ada pengetahuan asas tentang bagaimana menguruskan penghuni-penghuni yang dijangkiti HIV.

Dari segi kes yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Jelevu itu, kalau boleh diberi masa, kita akan menyasiat dan kalau kita ada butirannya, kita akan mengetahui bagaimana perkara ini telah berlaku. Sekiranya masih ada kelemahan dari segi sistem pentadbiran, kita akan memastikan tindakan sewajarnya diambil.

Mengenai kebersihan penghuni-penghuni atau mereka yang bekerja di tempat-tempat makan, sepatutnya kebersihan ini semuanya perlu dijamin supaya mereka itu layak ataupun sesuai untuk bekerja. Jika kebersihan itu tidak menjamin, memang bukan satu perkara yang diizinkan oleh pihak kementerian ataupun pihak-pihak yang berkuasa. Kalau sekiranya ada masalah telah timbul, kita sedia untuk membetulkan atau mengadakan tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang mengambil langkah lebih tegas dan lebih berkesan untuk menangani masalah penagihan dadah dengan menubuhkan Majlis Dadah Kebangsaan yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri serta menubuhkan Agensi Dadah Kebangsaan (ADK) yang menggabungkan Pasukan Pertugas Anti Dadah (PPAD) dan Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah Kementerian Dalam Negeri. Program yang telah dirancang untuk memerangi masalah penagihan dadah oleh ADK adalah merangkumi program-program berikut:

- (i) pencegahan merangkumi pencegahan awal di sekolah-sekolah dan juga pencegahan umum seperti pameran anti dadah;
- (ii) penguatkuasaan seperti menyekat bekalan, penguatkuasaan melalui perundangan dan perisikan;
- (iii) pemulihan di institusi seperti pusat serenti dan mencegah ketagihan semula dengan mengadakan program jagaan lanjutan; dan
- (iv) hubungan antarabangsa.

Berhubung dengan perhubungan negara ini dengan negara-negara luar yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong, sukalah dijelaskan bahawa memanglah negara kita ada berkerjasama dengan negara-negara lain dan juga badan-badan antarabangsa khusus dengan negara-negara di rantau ASEAN seperti Myanmar di dalam usaha memerangi masalah dadah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai gesaan Yang Berhormat dari Tanjong supaya ditarik balik dakwaan-dakwaan.....

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Kepong bangun. Sekejap Kepong ya! Saya ingat kita kena kemukakan usul. Yang Berhormat Menteri, sila.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.30 malam.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.30 malam.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.30 malam.

Perbincangan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya memang akan terus bekerjasama, untuk kita sama-sama boleh menjayakan segala program dan projek yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk pusat-pusat serenti dan pusat-pusat pemulihan yang lain. Itu memang semua rakyat mesti bekerjasama untuk mencapai matlamat ini. Walau bagaimanapun, kebimbangan saya ialah, walaupun Yang Berhormat mengatakan bahawa perhubungan dengan negara-negara lain termasuk Myanmar atau Burma adalah baik, akan terus baik pada tahun hadapan apabila pihak Myanmar memohon untuk memasuki sebagai anggota ASEAN. Memang dari segi 'diplomasi' perkataan itu saya setuju. Walau bagaimanapun, memandangkan Myanmar merupakan negara yang utama, yang mengeksport dadah kepada Malaysia dan dunia, apakah boleh kita buat kalau dengan Myanmar menjadi anggota ASEAN tidak payah visa, apapun tidak payahlah - dia boleh masuk ke Malaysia dengan begitu sahaja? Kita sedang menghadapi masalah untuk memulihkan lebih 200,000 penagih, itu pun kita tidak tahu yang mana kita daftar - tidak dapat tahu, mungkin meningkat kepada 400,000 ataupun 500,000 - ½ juta - mungkin. Kita menghadapi masalah, tetapi dengan adanya Myanmar di dalam ASEAN, memang bekalan dadah akan bertambah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat soalnya.

Dr. Tan Seng Giaw: Soalnya, selain daripada perkataan 'diplomasi', apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementerian Dalam Negeri untuk menghancurkan semua bekalan dari Myanmar? Mungkinkah Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh pergi ke sidang ASEAN untuk menyuarakan kebimbangan Malaysia terhadap bekalan dadah daripada Myanmar ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kita ada saluran-saluran diplomatik dan saluran-saluran tertentu untuk mendapat kerjasama daripada semua negara termasuk Myanmar. Saya tidak ada masa

untuk menerangkan satu persatu di sini, kerana masa sudah suntuk. Apa-apa perkara yang dibangkitkan kita akan tetap memberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai gesaan Yang Berhormat dari Tanjong supaya ditarik balik dakwaan-dakwaan, tuduhan-tuduhan criminal terhadap seorang pemimpin NGO - Irene Fernandez. Adalah ditegaskan kerajaan tidak akan mengambil apa-apa tindakan ke atas Pengarah Tenaganita itu jika perkara-perkara yang dibangkitkan di dalam kenyataan-kenyataan beliau di dalam dan di luar negara ini didapati benar. Kerajaan akan menyiasat terlebih dahulu di atas sesuatu tohmahan atau tuduhan tanpa mengira siapa, dan apabila didapati apa yang didakwa itu tidak benar, palsu dan boleh menjatuhkan imej negara, kerajaan akan membawa kes tersebut ke mahkamah.

Yang Berhormat dari Marang membangkitkan masalah peningkatan kes juvana dalam negara. Pada keseluruhannya keadaan juvana, jenayah yang dilakukan oleh juvana adalah terkawal. Kerajaan akan memberi perhatian berat ke atas perkara ini dan saya pernah menerangkan di dalam Dewan ini bahawa tindakan telah dan sedang diambil untuk menangani masalah ini. Saya tidak hendak ulang di sini lagi.

Yang Berhormat dari Kubang Kerian juga mendakwa anggota polis terlibat dengan rasuah. Dalam menangani masalah segelintir anggota polis yang terlibat dengan rasuah, Pasukan Polis Diraja sedaya-upaya berusaha untuk membentuk anggota-anggotanya supaya lebih berdisiplin melalui program-program latihan dan aktiviti keagamaan yang berterusan. Program latihan formal dan asas kepolisan di 17 buah institusi latihan PDRM memuatkan kurikulum pembangunan kemahiran, kepengetahuan dan membentuk sikap positif. Walaupun demikian, setelah usaha-usaha ini diterapkan kepada anggota polis dan amalan salahlaku masih berlaku, maka tindakan disiplin sehingga ke tahap buang kerja boleh diambil terhadap anggota yang berkenaan.

Berkaitan dengan tindakan di bawah Akta Kediaman Terhad 1973, terdapat kegiatan judi ekor haram yang bersindiket, setiap kes fail yang berkenaan dikaji secara terperinci dan tindakan adalah bersesuaian dengan maklumat yang diperolehi. Oleh itu, tindakan yang diambil tidak kena-mengena dan tidak timbul tekanan dari pengusaha-pengusaha judi belesen seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat dari Kubang Kerian.

Mengenai perkara yang di nyatakan oleh Yang Berhormat dari Jelutong, mengenai percakapan seorang pegawai penyiasat polis Alor Setar mengenai maksud Polis DiRaja Malaysia, sukacita sekiranya Yang Berhormat dapat memberikan butiran lanjut mengenainya supaya tindakan yang sewajarnya boleh diambil.

Berkaitan kes yang dilaporkan oleh seorang pembantu rumah bernama Maria Ocampo yang melibatkan seorang duta asing telah pun dibangkitkan. Kementerian telah dimaklumkan siasatan masih lagi dijalankan untuk mendapat keterangan lagi mengesahkan kejadian kes ini.

Seterusnya, Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menyentuh Akta Keselamatan Dalam Negeri, kerajaan telah berpendirian tegas bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri ini amat perlu bagi memastikan ketenteraman awam dan keselamatan negara tidak terganggu dan kerajaan tiada cadangan memansuhkan akta tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Bukit Bintang, kerajaan telah pun memastikan bahawa asap tebal kenderaan motor adalah salah satu sebab-sebab berlaku keadaan jerebu khususnya di Kuala Lumpur dan oleh kerana itu kenderaan-kenderaan berkenaan seharusnya disaman dan ditarik keluar daripada penggunaan jalan raya. Dalam menjalankan tugas berkenaan pihak polis telah bertindak mengikut peruntukan kaedah 107 - Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959 di mana peruntukan itu tidak memerlukan penggunaan sebarang peralatan bagi mengesan keluaran asap oleh kenderaan. Cukup sekadar secara pandangan mata kasar oleh anggota yang bertugas bagi membuktikan kesalahan di dalam kaedah yang tersebut. Tindakan di bawah peruntukan ini telah dapat restu daripada Pejabat Peguam Negara.

Mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong Karang, kerajaan akan mengkaji implikasi keselamatan dan kehadiran di negara ini warganegara asing yang telah diusir semasa persidangan Apcet II yang lalu dan juga kita arif kehadiran mereka mengancam kepentingan negara. Kerajaan tidak akan teragak-agak melarang kemasukan mereka itu ke negara ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Beaufort, Kuala Kedah, Hulu Langat yang menyentuh pendatang....

Tuan Lim Guan Eng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Kota Melaka bangun.

Tuan Ong Ka Ting:tanpa izin ini telah saya terangkan dengan panjang lebar tadi, saya tidak ada apa-apa nak tambah dan itu saya telah jawab semua pandangan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, dia tidak bagi jalan.

Tuan Ong Ka Ting:dan teguran dan kalau sekiranya tidak sempat menjawab apa-apa, Yang Berhormat yang belum sempat saya jawab, saya beri jaminan ianya akan diberi perhatian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kementerian Pengangkutan.

5.53 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan dan memberi perhatian kepada perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan.

Yang Berhormat dari Sibul telah bertanyakan tentang penerbangan antarabangsa ke Sarawak dan juga peranan MAS dalam pembangunan industri pelancongan Sarawak. Saya suka menjelaskan bahawa kerajaan sememangnya menggalakkan penerbangan antarabangsa mengadakan penerbangan terus ke Sarawak. Sehingga ke hari ini sebanyak 14 buah negara asing telah dibenarkan penerbangan ke Sarawak. Di antaranya ialah Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, Emiriah Arab Bersatu, Ireland, Hungary, Indonesia, Brunei dan Singapura. Dalam rundingan-rundingan udara dengan negara-negara luar, kerajaan juga menawarkan Kuching sebagai satu destinasi kepada syarikat-syarikat penerbangan asing bagi tujuan penerbangan antarabangsa. Walaupun tawaran ini dibuat kepada mereka, terpulang kepada syarikat penerbangan asing itu untuk memilih mana-mana destinasi di Malaysia, bergantung kepada perancangan negara masing-masing.

Berhubungan penerbangan antarabangsa negara ini pada tahun 1995, puratanya terdapat 1,842 penerbangan antarabangsa seminggu. Dari jumlah tersebut purata 88 penerbangan antarabangsa setiap minggu yang mengadakan penerbangan ke Sarawak. Peranan MAS dalam menggalakkan pelancongan ke Sarawak tidak dapat dinafikan.

MAS telah berusaha untuk menggalakkan pelancongan ke Sarawak dengan mengadakan penerbangan terus ke Kuching, ke beberapa penerbangan terus dari Kuching, ke beberapa tempat seperti Hong Kong, Seoul, Tokyo dan Bandar Seri Bangawan.

Walaupun muatan penumpang bagi penerbangan-penerbangan tersebut adalah terendah iaitu 70.6 peratus bagi penerbangan dari Kuching ke Seoul, 5.5 peratus bagi penerbangan di antara Kuching dan Hong Kong, 14.4 peratus bagi penerbangan Kuching dan Taipei dan 45.4 peratus bagi penerbangan di antara Kuching dan Bandar Seri Bangawan. Penerbangan tersebut adalah bagi tempoh penerbangan di antara bulan April hingga September 1996.

Yang Berhormat dari Sibu seterusnya bertanya tentang perbelanjaan peruntukan projek Pembangunan Lapangan Terbang Sibu bagi tahun 1996 serta cadangan pemasangan Aerobridge di Lapangan Terbang Sibu. Yang Berhormat dari Sandakan juga bertanya pemasangan Aerobridge di Lapangan Terbang Sandakan.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan untuk projek pembangunan Lapangan Terbang Sibu bagi tahun 1996 dan 1997 masing-masingnya adalah digunakan bagi menyelesaikan bayaran tuntutan kepada kontraktor projek tersebut yang belum dibereskan lagi. Berkenaan pemasangan Aerobridge di Lapangan Terbang Sibu dan Sandakan, untuk Ahli Yang Berhormat dari Sibu dan Sandakan ianya adalah terletak di bawah tanggungjawab MAB. MAB pada masa ini sedang mengenal pasti lapangan terbang domestik yang memerlukan Aerobridges berasaskan kepada jumlah pergerakan pesawat dan penumpang dalam sehari. MAB akan melaksanakan pemasangan Aerobridges ini pada masa yang sesuai termasuk di Sibu dan Sandakan.

Yang Berhormat dari Labuan pula bertanya sama ada kerajaan akan meminta penerbangan Malaysia mengadakan penerbangan terus dari destinasi antarabangsa ke Labuan dan sebaliknya. Sukacita saya memaklumkan bahawa MAS sememangnya mengkaji kemungkinan untuk mengadakan penerbangan terus antarabangsa ke Labuan dan sebaliknya.

Yang Berhormat dari Tawau pula telah menyentuh mengenai pembinaan lapangan terbang yang baru di Tawau yang mana amat perlu untuk mengatasi kekurangan dari segi keupayaan dan reka bentuk lapangan terbang sedia ada serta cadangan meningkatkan infrastruktur yang terbatas pada

ketika ini. Beliau telah bertanya sama ada lokasi lapangan terbang baru itu punca kelambatan projek serta tarikh lapangan terbang baru dapat disiapkan. Untuk makluman Yang Berhormat, pada ketika ini, reka bentuk kejuruteraan terperinci lapangan terbang baru Tawau telah pun siap dan telah pun dipersetujui.

Pihak kontraktor untuk kerja-kerja pembinaan telah pun dikenal pasti dan perbincangan-perbincangan mengenai syarat pembinaan sedang dilakukan. Tapak lapangan terbang baru tidak merupakan satu sebab projek ini lewat dilaksanakan kerana tapak telah pun dikenal pasti dan dipersetujui sejak awal lagi iaitu di Sungai Wakuba Balong. Tempoh pembinaan lapangan terbang baru ini selama 30 bulan daripada tarikh dimulakan.

Yang Berhormat dari Tawau seterusnya bertanya tentang kedudukan bayaran pampasan bagi keluarga mangsa tragedi nahas pesawat MAS pada 15hb September 1995.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememang mengambil berat mengenai bayaran pampasan berhubung dengan nahas pesawat MAS berkenaan.

Dalam hal ini, urusan bayaran tuntutan pampasan ganti rugi sedang dilaksanakan oleh MAS. Sebanyak 32 waris terlibat dalam kes tuntutan pampasan. 16 daripadanya telah pun selesai, manakala 16 lagi belum selesai dengan sebab masalah teknikal seperti urusan letter of administration dan sebagainya. Kita telah meminta supaya MAS menyelesaikan perkara ini dengan segera.

Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan beberapa badan berkanunnya. Jabatan yang gagal membayar hutang yang mempunyai tunggakan pinjaman besar kepada kerajaan pusat sehingga 31hb. Disember 1995 sepertimana Laporan Ketua Audit Negara tahun 1995. Di antara badan-badan berkanun jabatan tersebut ialah Perbadanan Aset Keretapi dan Jabatan Penerbangan Awam.

Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan Aset Keretapi telah ditubuhkan untuk mengambil alih hak dan liabiliti Keretapi Tanah Melayu yang telah dimansuhkan berikutan dari pemerbadanan KTM Berhad pada 1hb. Ogos 1992. Liabiliti KTM ini meliputi pinjaman-pinjaman lama yang diperolehi dari sumber kerajaan. Kerajaan telah menyusun semula pinjaman hutang tersebut dan satu jadual pembayaran baru telah dirangka bagi pembayaran hutang-hutang ini bermula tahun 1997 dan akan dijelaskan dalam tempoh 10 tahun daripada tahun berkaitan iaitu 1997. Berhubung dengan hutang

penerbangan awam seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka ianya merupakan hutang-hutang Jabatan Penerbangan Awam dengan Kerajaan Persekutuan sebelum diperbadankan pada tahun 1992. Hutang-hutang tersebut terdiri daripada pelbagai pinjaman yang digunakan oleh Jabatan Penerbangan Awam untuk perbelanjaan pembangunan bagi tahun 1977 sehingga tahun 1986.

Ini adalah menjadi hutang Malaysian Airport Berhad selepas pemerbadanan Jabatan Penerbangan Awam mengikut Vesting Order yang diwartakan pada 1 November 1992. Bagaimanapun, pihak Jabatan Akauntan Negara masih merekodkannya sebagai hutang Jabatan Penerbangan Awam dan terbit dalam Laporan Akaun Awam sedemikian. Oleh yang demikian, kedudukan perkara ini akan diperbetulkan.

Yang Berhormat dari Sibu yang banyak menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan peningkatan penerbangan antarabangsa di Sarawak juga berminat terhadap sistem pelesenan memandu. Beliau memaklumkan bahawa beliau telah menerima banyak aduan berkenaan dengan JPJ menolak kelas tertentu seperti yang dinyatakan di dalam lesen memandu kerana tiada rekod di dalam komputer dan pemegang lesen memandu berkenaan dikehendaki memberi bukti asas ujian memandu. Beliau meminta lesen memandu dapat diperbaharui secara automatik supaya tidak menyulitkan pemegang lesen memandu.

Tuan Yang di-Pertua, JPJ terpaksa meneliti rekod-rekod bagi sesuatu lesen sebelum ianya diperbaharui. Ini adalah untuk mengesan kesahihan sesuatu lesen tersebut. Maka dengan itu, JPJ tidak bersetuju untuk memperbaharui kesemua kelas di dalam kesemua lesen memandu yang berkenaan secara automatik.

Yang Berhormat dari Kangan telah menunjukkan keprihatinan beliau terhadap keselamatan jalan raya dan memohon supaya tindakan tegas diambil untuk mengurangkan kejadian kemalangan jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk meningkatkan tahap keselamatan jalan raya di negara ini, atau dengan lain perkataan, untuk mengurangkan kejadian kemalangan jalan raya, langkah memang diambil oleh kerajaan melalui pendekatan kejuruteraan, pendidikan dan penguatkuasaan undang-undang dan usaha ini terus dipertingkatkan.

Dalam hubungan ini, semua pihak termasuklah pengguna-pengguna jalan raya sendiri, khususnya

pemandu-pemandu dan penunggang-penunggang motosikal hendaklah mematuhi segala peraturan yang ditetapkan seperti had kelajuan yang ditetapkan bagi sesuatu kawasan jalan raya ataupun lebuh raya. Perbezaan had laju bagi sesuatu kawasan, sekali pun di jalan raya yang sama adalah berpandukan kepada tahap keselamatan di kawasan-kawasan yang berkenaan.

Oleh yang demikian, tanggungjawab pemandu adalah penting bagi memastikan supaya keselamatan jalan raya akan dapat ditingkatkan lagi pada masa-masa yang ke hadapan, di samping usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan melalui sistem 3E, seperti yang saya sebutkan di atas tadi.

Yang Berhormat dari Batu Gajah telah membangkitkan isu mengenai ketidakseragaman tindakan penguatkuasaan oleh pihak JPJ dan Polis DiRaja Malaysia mengenai Ghost Island dan Chevron. Untuk makluman Yang Berhormat, kedua-dua pihak berkenaan telah pun diminta mengkaji perkara ini untuk menyelaraskan tindakan penguatkuasaan supaya seragam.

Yang Berhormat dari Kuala Pilah telah mengemukakan saranan supaya dikaji masalah kesesakan lalu lintas di Bandaraya Kuala Lumpur. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini memang telah diberi perhatian dengan serius oleh pihak kerajaan. Bagi menangani isu kesesakan lalu lintas ini, kerajaan telah mengambil tindakan untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan pengangkutan awam untuk menggalakkan lebih ramai pemandu dan tuan punya kenderaan persendirian menggunakan perkhidmatan tersebut.

Dalam pada itu, seperti yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan juga telah meluluskan projek-projek meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam bagi Kuala Lumpur seperti commuter train yang telah pun beroperasi sepenuhnya dan banyak lagi koc-koc yang akan dibawa masuk ke negara kita untuk ditambah bagi kemudahan penumpang. Manakala di Kuala Lumpur juga, dua lagi projek berlandaskan rel yang dijangkakan siap keseluruhannya menjelang akhir tahun 1999.

Projek-projek ini ialah projek monorel bertingkat bagi Kuala Lumpur sepanjang 15 kilometer yang menghubungkan Jalan Tun Razak melalui Pusat Bandaraya ke Kampung Pasir, bersebelahan Jalan Kelang Lama. Ianya termasuk dalam Projek Pembangunan Linear City yang dilancarkan baru-baru ini. Yang keduanya adalah Projek Light Rail Transit sistem I dan II yang dilaksanakan oleh STAR dan juga Putra.

Di samping itu, kerajaan telah melaksanakan program-program untuk memperbaiki sistem pengangkutan bas iaitu dengan menyusun semula laluan dan jadual waktu perjalanan, membina jalan raya di lingkungan tengah di sekitar bandar raya dan lebih banyak lagi jalan baru, melarang kemasukan kenderaan berat ke kawasan pusat bandar dalam masa kesibukan....

Tuan Yunus bin Rahmat: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Jelebu bangun ya.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:dan menjadual perpindahan pusat pentadbiran negara ke Putrajaya. Memang pada masa kini Bandaraya KL agak sesak sedikit oleh kerana kesibukan kerja membina LRT. Kerana itu, kementerian berharap....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Jelebu bangun, ya.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:orang ramai dapat bersabar sehingga kerja-kerja LRT siap dan dijangka akan siap sepenuhnya pada pertengahan 1998 sebelum Sukan Komanwel.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Jelebu bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan mengatasi masalah kesesakan jalan di dalam bandar.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah larangan tidak membenarkan kenderaan berat seperti lori dan juga heavy vehicles, dengan izin, untuk melalui bandar-bandar mulai dari Jalan Selayang ke pusat bandar, sebagaimana yang telah diputuskan oleh JPJ dan DBKL pada tahun 1993 masih dikuatkuasakan? Kalau masih dikuatkuasakan, kenapakah masih berlaku lagi sebelum jam 10.00 pagi kenderaan lori yang berat-berat masih lagi melalui jalan-jalan yang berkenaan hinggalah ke Jalan Kuching dan khususnya ke Jalan Swettenham.

Satu lagi saya ingin bertanya, adakah kementerian menasihatkan Datuk Bandar untuk menggunakan Seksyen 70(1) dan 71(1) APJ 1987 bagi menghadkan masa, mengenakan bayaran dan menentukan jalan laluan bagi mengatasi masalah kesesakan jalan di dalam kawasan bandar supaya ianya dapat diatasi mengikut masa-masa yang berkenaan?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa penguatkuasaan waktu-waktu tertentu, khususnya waktu pagi semasa orang ramai sibuk pergi ke pejabat, sama ada pejabat kerajaan ataupun swasta, kepada kenderaan-kenderaan perdagangan masih lagi berkuatkuasa. Saya akan minta agensi berkaitan untuk menyemak di Selayang, sama ada pelanggaran waktu ini dilakukan. Sekiranya ada dilakukan, kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yunus bin Rahmat: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, dia bangun lagi.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya, bukan penguatkuasaan ke atas kenderaan berat, tetapi keputusan yang telah kita buat pada awal tahun 1990-an menentukan supaya jalan-jalan berkenaan dari Selayang ke pusat bandar tidak akan dibenarkan kenderaan berat ini masuk. Selepas pukul 10.00 ke atas baru boleh bagi mengelakkan kesesakan jalan di jalan-jalan berkenaan hinggalah ke pusat bandar. Jadi, saya ingin bertanya adakah larangan itu masih dikuatkuasakan atau telah pun dilupakan begitu sahaja?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Larangan itu masih lagi berkuatkuasa.

Mengenai soalan yang kedua tadi berkaitan dengan mengenakan bayaran kepada kenderaan yang masuk ke pusat bandar, ini akan dilaksanakan apabila semua kemudahan yang saya terangkan sebentar tadi terlaksana, iaitu sebelum menjelang Sukan Komanwel. Apabila kemudahan pengangkutan awam semuanya telah siap, maka zoning akan dikenakan dan kenderaan-kenderaan yang tidak ada "full occupancy" akan dikenakan bayaran. Ini akan dilaksanakan apabila tiba masanya.

Yang Berhormat dari Sandakan telah menyarankan bahawa oleh kerana lokasi yang strategik untuk BIMP-EAGA dan rancangan kerajaan membuka tempat perindustrian di sana, Pelabuhan Sandakan perlu menambah keupayaan menerima kapal 20,000 dwt. serta untuk mengendalikan minyak kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Sabah, khususnya Lembaga Pelabuhan Sabah sentiasa mengambil perhatian tentang penerbangan serta keperluan perkapalan di negeri Sabah, termasuk Pelabuhan Sandakan. Kemudahan-kemudahan Pelabuhan Sandakan yang sedia ada adalah mencukupi untuk menampung keperluan dagangan pelabuhan.

Mengikuti data-data dagangan yang dikumpul oleh Lembaga Pelabuhan Sabah, memang keseluruhan dagangan khususnya minyak kelapa sawit dijangkakan meningkat jumlahnya pada masa akan datang. Dalam pada itu, Lembaga Pelabuhan Sabah kini dalam proses mempertingkatkan keupayaan kemudahan-kemudahan pelabuhan di seluruh negeri Sabah, termasuk Pelabuhan Sandakan. Pada penghujung tahun ini, satu projek pembesaran Pelabuhan Sandakan akan dimulakan yang melibatkan penyediaan kawasan seluas 40 ekar penyimpanan kontena, penempatan kilang-kilang pemerosesan minyak kelapa sawit, penggedungan baja, pukal dan lain-lain.

Syarikat IOI Edible Oil Sdn. Bhd. dengan kerjasama Lembaga Pelabuhan Sabah kini dalam proses membina sebuah jeti khususnya untuk mengendalikan minyak kelapa sawit di Sungai Maotas, Sandakan. Syarikat berkenaan juga sedang membina sebuah kompleks kilang pemerosesan minyak kelapa sawit di tempat yang sama.

Jeti minyak kepunyaan Lembaga Pelabuhan Sabah yang sedia ada di Pelabuhan Sandakan pada masa kini mampu menampung keperluan semasa semua pengguna. Keupayaan jeti ini juga akan dipertingkatkan di masa akan datang apabila diperlukan oleh pertambahan jumlah dagangan.

Sekiranya terdapat kapal-kapal baru yang memerlukan kedalaman air yang lebih dalam keperluan ini, boleh ditangani melalui pengorekan dasar laut di dermaga Pelabuhan Sandakan. Lembaga Pelabuhan Sabah sentiasa memerhati kemungkinan perkembangan dagangan serta perkapalan dalam BIMP-EAGA. Sekiranya perkembangan ini akan melibatkan Pelabuhan Sandakan, maka tindakan-tindakan yang wajar akan diambil untuk menampung keperluan baru yang disebutkan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Sekiranya ada yang saya tertinggal, Insya-Allah, akan dilihat melalui *Hansard* untuk diambil tindakan oleh kementerian dan juga jabatan-jabatan yang berkaitan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kementerian Kerja Raya.

6.11 ptg.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara

mengenai bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya ketika perbincangan Belanjawan 1997 di peringkat dasar. Saya akan menjawab atau memberikan penjelasan kepada semua perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Senai membangkitkan mengenai sistem kutipan tol yang lebih cekap perlu dirancang supaya pengguna lebuh raya tidak perlu berhenti banyak kali untuk membayar tol. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini kerajaan sedang meneliti cadangan untuk menubuhkan badan/agensi pungutan tol dipusatkan (Central Tolling Agency) di Lembah Kelang. Kerajaan menjangka apabila badan/agensi ini beroperasi kelak, ia akan memberi kemudahan kepada pengguna dalam urusan pembayaran tol kerana pengguna tidak perlu berhenti dan membayar tol di setiap plaza tol yang dilalui.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Larut membangkitkan mengenai lebuh raya-lebuh raya dijadikan sebagai lapangan terbang ketika kecemasan dan pendaratan cemas. Mengenai pandangan Ahli Yang Berhormat, kerajaan belum ada rancangan untuk menjadikan lebuh raya sebagai tempat mendarat kapal terbang ketika kecemasan. Walau bagaimanapun, saranan Ahli Yang Berhormat ini boleh dipertimbangkan sekiranya ada keperluan berbuat demikian di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menyentuh mengenai kos pembinaan jalan sepanjang 14 kilometer di Jalan Gunung Raya, Langkawi sebanyak RM27.54 juta tetapi kos pembaikannya adalah RM36 juta. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kos sebanyak RM36 juta sebenarnya bukan untuk memperbaiki jalan di Jalan Gunung Raya, Langkawi. Jumlah ini merupakan kos untuk memperbaiki cerun yang dianggap merbahaya dan untuk mengelakkan cerun-cerun lain yang mungkin gagal di Jalan Gunung Raya. RM10 juta adalah untuk membaiki serta menaikkan taraf kestabilan empat cerun yang didapati mengalami kerosakan yang amat teruk dan membahayakan. Baki sebanyak RM26 juta pula adalah untuk menaikkan taraf kestabilan 49 cerun yang lain. Kos memperbaiki dan menaikkan taraf kestabilan cerun-cerun ini tinggi kerana kaedah pembinaan yang digunakan lebih canggih. Kaedah canggih ini diperlukan kerana keadaan semula jadi persekitaran kawasan ini menyebabkan cerun-cerun yang dibina sebelum ini sentiasa terdedah kepada kegagalan.

Menyentuh mengenai kontraktor asal projek Jalan Gunung Raya, Langkawi, pihak kontraktor berkenaan memang telah diminta untuk memperbaiki segala kerosakan yang diakibatkan oleh kesilapannya. Untuk kerosakan-kerosakan lain yang berlaku bukan akibat kesilapan pihak kontraktor, pihak kementerian terpaksa menanggung kos berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sibuan merayu kepada kerajaan mempercepatkan pembinaan jambatan Durin dan memperbesarkan Lebuh raya Pan-Borneo di semua bahagian sesak kepada dua laluan bagi kedua-dua hala. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pembinaan jambatan Batang Rajang di Durin dan Jalan Betong-Kayu Malam akan dilaksanakan dalam tahun 1997 dan dapat disiapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh. Dengan siapnya kedua-dua projek ini, rangkaian Jalanraya Borneo Highway di kawasan Sibuan akan dapat dilengkapkan.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, bagi Jalanraya Pan-Borneo, kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM32 juta untuk membina jalan raya dari persimpangan jalan Miri/Bintulu ke Beluru dan seterusnya ke Long Lama.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud dan Sandakan meminta pihak kerajaan memberi perhatian utama mengadakan sistem jalan raya yang baik di negeri Sabah di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan integrasi sosial.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Sipitang bangun ya.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada jawapan Yang Berhormat Menteri mengenai dengan jalan Pan-Borneo. Jalan Pan-Borneo meliputi juga jalan sebahagian daripada kawasan saya iaitu daripada Beaufort ke Sipitang ataupun Beaufort ke Mesapol sejauh 38 kilometer. Di Sabah, inilah satu-satunya jalan yang menghubungi di antara Sabah dan Sarawak dan jalan ini belum ditar kecuali 10 kilometer yang pertama. Pada jawapan Yang Berhormat pada masa yang lalu, semuanya telah pun diaturkan tetapi belum ada tanda-tanda yang selebihnya lebih kurang 28 kilometer itu akan dibuat. Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri supaya perkara ini dapat dijelaskan. Saya difahamkan, kontraktor telah dilantik tetapi belum ada tanda-tanda untuk memulakan kerja. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat, pembangunan infrastruktur jalan raya khususnya di negeri Sabah terus diambil perhatian. Sebagai contohnya, bagi tempoh 3 tahun yang lepas iaitu dari tahun 1993 hingga 1995 sebanyak RM200 juta telah dibelanjakan untuk pembangunan infrastruktur jalan. Dalam tahun 1996, sebanyak 9 projek telah dimulakan di mana peruntukannya ialah RM58,700,000. Sebahagian projek-projek tersebut adalah jalan lintas Kota Kinabalu, Jalan Beaufort-Mesapol, Jalan Berungis-Kota Belud, Jalan Ranau-Telupid dan Jalan Tawau-Sandakan. Untuk Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan mempunyai rancangan untuk membina 43 projek jalan raya di seluruh negeri Sabah dengan peruntukan berjumlah RM300 juta. Saya percaya jawapan ini akan memberi sedikit maklumat kepada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Beluran merayu pihak kerajaan supaya menurap jalan raya Beluran-Sandakan sejauh 40 kilometer. Saya ingin menjelaskan bahawa dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan telah meluluskan peruntukan bagi kerja-kerja reka bentuk untuk projek-projek menaik taraf Jalan Labuk, Sandakan dan Jalan Beluran Spur. Kerja-kerja reka bentuk dijangka dimulakan dalam tahun 1997. Sekiranya kerja reka bentuk dapat disiapkan, peruntukan untuk memulakan pembinaan boleh dipohon dalam separuh penggal Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Seputeh membangkitkan mengenai pembinaan 100 hingga 200 plaza tol yang akan dibina di seluruh Kuala Lumpur dalam tempoh 5 hingga 10 tahun akan datang. Tuan Yang di-Pertua, penswastaaan lebuhraya merupakan proses berterusan yang akan melonjakkan negara ini ke tahap negara maju dengan cepat. Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, program penswastaaan lebuhraya akan bergerak dengan lebih aktif di mana sejumlah RM17.5 bilion dijangka dibelanjakan oleh pihak swasta.

Ramalan saya ke atas pembinaan 200 plaza tol di kawasan Lembah Kelang mungkin menjadi satu realiti sekiranya tindakan tidak diambil untuk mencari alternatif dalam kaedah pengutipan tol. Oleh kerana itu, seperti yang telah saya sebutkan tadi, saya telah mengemukakan rancangan bagi memperkenalkan sistem kutipan tol berpusat secara elektronik atau dengan izin, electronic centralised toll collecting system. Penggunaan sistem ini juga akan dapat mengatasi dua masalah besar yang

dihadapi sekarang iaitu masalah kesesakan dan juga masalah pencemaran di plaza-plaza tol.

Tujuan saya membuat kenyataan mengenai bilangan plaza tol di Lembah Kelang ialah bagi maksud menerangkan perlunya diadakan sistem kutipan tol terpusat. Kenyataan saya itu telah tidak difahami atau disalah faham oleh pihak-pihak yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam membangkitkan masalah kesesakan lalu lintas di bandar Bukit Mertajam dan mencadangkan supaya diadakan jejambat untuk mengatasi masalah tersebut. Saya ingin menjelaskan bahawa kerajaan memang sedar mengenai masalah kesesakan lalu lintas di wilayah Seberang Perai, Pulau Pinang khususnya dalam kawasan bandar Bukit Mertajam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek menaikkan taraf, melebar dan memperbaiki jalan-jalan di bandar Bukit Mertajam adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Saya telah difahamkan bahawa pada tahun ini sebanyak RM1.91 juta telah diperuntukkan untuk kerja-kerja melebar dan memperbaiki jalan-jalan di bandar Bukit Mertajam.

Yang Berhormat dari Telok Kemang telah membangkitkan masalah bekalan air di sebuah estet di Negeri Sembilan yang dilawati beliau, di mana bekalan air yang dibekalkan hanya untuk tujuan air minum sahaja. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bekalan air di ladang-ladang terletak di bawah tanggungjawab pengurusan ladang berkenaan. Sekiranya terdapat masalah dari segi kualiti bekalan air di sesebuah ladang itu, sewajarnya perkara itu dilaporkan kepada Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Kesihatan. Sekiranya masalahnya berkait dengan kekurangan bekalan air, wajarlah perkara itu dirujuk kepada pihak berkuasa bekalan air negeri supaya masalah itu dapat diatasi oleh pihak berkuasa air negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kemaman menyentuh kelewatan pembinaan Lebuhraya Pantai Timur dan meminta penjelasan mengenai jajaran lebuhraya di antara Kuantan dan Kuala Terengganu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lebuhraya Pantai Timur merupakan satu projek yang besar yang panjangnya lebih dari 350 kilometer. Projek ini merentasi dua buah negeri, iaitu Pahang dan Terengganu. Projek sebesar ini memerlukan perbincangan dan kata sepakat pelbagai pihak yang terlibat. Beberapa perbincangan telah diadakan bersama di antara agensi-agensi Kerajaan Pusat dan Unit-unit Perancang Ekonomi Negeri

Pahang dan Terengganu bagi menentukan jajaran lebuhraya. Perbincangan berkenaan jajaran telah selesai dan akan dibentangkan untuk makluman dan persetujuan Jemaah Menteri. Seterusnya, projek Lebuhraya Pantai Timur dijangka akan dilaksanakan tahun hadapan sebaik sahaja rundingan dengan syarikat konsesi selesai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jajaran lebuhraya di antara Kuantan dan Terengganu ialah melalui Jabur, Ibuk, Kubu, Bukit Besi, Cenering sepanjang 166 kilometer dan Kuala Terengganu bypass sejauh 25 kilometer.

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor:
[Bangun]

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Dato' Seri S. Samy Vellu:...dari Kota Kinabalu telah membangkitkan masalah jalan raya di kawasan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat dari Kemaman ada membuat cadangan supaya jalan raya daripada Kuantan ke negeri Terengganu. Apakah Yang Berhormat Menteri tidak bercadang bahawa jalan itu sepatutnya bukan sahaja setakat Terengganu, tetapi sehingga ke negeri Kelantan, memandangkan kepada perkembangan politik hari ini?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjelas beberapa kali dahulu, fasa I iaitu sampai Kuantan, fasa II ke Kuala Terengganu, dan fasa III ke Kota Bharu. Baru sahaja kita terima dua atau tiga cadangan untuk mengadakan jalan dari Kota Bharu ke Kuala Terengganu. Jadi, masalah-masalah jalan di Kuala Terengganu ini diambil kira oleh Kerajaan Persekutuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan yang dihakis air di kawasan Matupang, jalan ini adalah sebuah jalan yang terletak di bawah kerajaan negeri. Saya akan memastikan bahawa tindakan memperbaiki jalan raya itu diambil perhatian yang segera oleh pihak Kerajaan Negeri Sabah.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua

Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap mengenai perkara-perkara di bawah kementerian saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kementerian Perusahaan Utama.

6.27 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Cik Siti Zainab binti Abu Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit sahaja perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Bharu berkenaan dengan tragedi di Pos Dipang, Perak pada 29hb. Ogos, 1996. Seperti telah dilaporkan oleh media massa, punca kejadian tanah runtuh disebabkan oleh tiga faktor utama sepertimana yang dimaklumkan oleh pasukan petugas yang terdiri daripada pakar geologi, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perak, iaitu faktor iklim, topografi dan geologi di sekitar kawasan tersebut, dan ianya tiada kena-mengena dengan kegiatan pembalakan. Itu sahaja jawapan saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

[Tidak hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

[Tidak hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kementerian Pertanian.

6.28 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian serta membangkitkan perkara yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Pertanian atau di bawah kawalan dan tanggungjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Senai, Mentakab dan Seremban telah membangkitkan beberapa perkara berhubung dengan pertanian dan makanan, antaranya mereka mengingatkan agar Kementerian Pertanian tidak harus disempitkan dengan pembangunan industri sahaja sehingga satu masa kita terpaksa mengemis

kepada negara luar untuk mendapatkan makanan. Seterusnya, mereka meminta Kementerian Pertanian mengambil langkah baru bagi menggalakkan pertanian moden untuk meningkatkan pengeluaran makanan. Saya suka menjelaskan bahawa Kementerian Pertanian sentiasa memberi perhatian kepada pembangunan industri makanan untuk menentukan keperluan makanan yang mencukupi, berkualiti dan selamat untuk negara. Kementerian sedar akan berlakunya masalah berkurangnya tanah pertanian sedia ada dan kesukaran untuk mendapatkan kawasan baru bagi pertanian di negeri-negeri. Keutamaan penggunaan tanah adalah diberikan kepada sektor-sektor lain seperti perindustrian dan perumahan yang dapat memberi pulangan yang tinggi dan cepat kepada negeri.

Menerusi Dasar Pertanian Negara, Kementerian sentiasa berusaha memastikan tanah-tanah untuk pertanian terutamanya bagi pengeluaran komoditi makanan dapat dikekalkan. Seterusnya, dari segi mewujudkan sektor pertanian yang moden dan komersial, kerajaan melalui Kementerian Pertanian sedang dan terus melaksanakan program-program tersebut khususnya bagi subsektor pengeluaran makanan melalui peningkatan produktiviti pengeluaran, produktiviti buruh dan modal serta intensiti penggunaan tanah di kalangan petani, usahawan dan pihak swasta selaras dengan arah hala dasar Rancangan Malaysia Ketujuh.

Langkah-langkah yang diambil di antaranya ialah:

- (a) Menggalakkan peningkatan penyertaan Pertubuhan Peladang, Persatuan Nelayan dan pihak swasta yang lain menceburi sektor pengeluaran bahan makanan secara besar-besaran dan mewujudkan rangkaian pemasaran yang lebih efisien.
- (b) Pelaksanaan program pembangunan pertanian melalui pengwujudan taman-taman teknologi pertanian (agro-technology parks) dan taman-taman teknologi yang mengandungi pusat-pusat teknologi inkubator yang mengadunkan teknologi tinggi dengan sistem pengurusan canggih dengan penyertaan pelabur dan usahawan. Kerajaan telah mencadangkan penubuhan taman-taman teknologi pertanian di setiap negeri dalam RMK-7.
- (c) Mempercepatkan penggunaan teknik-teknik penjimatan buruh, meningkatkan penggunaan mekanisasi dan automasi di ladang-ladang.

- (d) Memperluaskan kawasan pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan yang bernilai tinggi dan digezetkan bagi mempertingkatkan kawasan penanaman yang telah dikenal pasti.
- (e) Memulih dan mempertingkatkan produktiviti tanah-tanah terbiar dengan menggunakan pendekatan "landlord-in trust".
- (f) Menggalakkan industri pemprosesan hasil-hasil keluaran komoditi makanan bagi meningkatkan nilai tambah.
- (g) Mewujudkan suasana pelaburan swasta dari dalam dan luar negeri bagi meningkatkan modal, teknologi dan kepakaran.

Di samping itu, kerajaan juga telah mewujudkan Tabung Makanan Negara pada tahun 1993 untuk menggalakkan pelaburan di dalam sektor pengeluaran bahan makanan dan pembangunan sistem pemasaran bahan makanan yang efisien di sektor pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan sumbangan barangan makanan yang agak besar terhadap Indeks Harga Pengguna (IHP) seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Mentakab, saya ingin memaklumkan bahawa wajaran makanan adalah yang terbesar dalam IHP iaitu sebanyak 34.9%. Oleh itu, walaupun terdapat sedikit kenaikan dalam harga bagi barangan makanan jika dibandingkan dengan barangan-barangan lain, ia boleh menyebabkan kenaikan keseluruhan IHP yang agak besar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian Pertanian akan memberi tumpuan terhadap langkah-langkah seperti berikut untuk menambahkan bekalan makanan dalam negara, khususnya ke arah mengurangkan kenaikan harga barangan makanan, iaitu:

- (i) memohon kerjasama kerajaan-kerajaan negeri untuk mengezonkan kawasan-kawasan pertanian yang sesuai di setiap negeri untuk mempertingkatkan lagi pengeluaran akuakultur, sayur-sayuran dan buah-buahan secara intensif dan komersial;
- (ii) mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti pengembangan dalam projek berkelompok/mini estet dalam usaha untuk mempertingkatkan lagi hasil pengeluaran pertanian;
- (iii) mempertingkatkan pembangunan projek perikanan laut dalam dan infrastruktur di

kompleks-kompleks pendaratan ikan di seluruh negara di samping menambahkan sumber pembiakan;

- (iv) mempertingkatkan penggunaan mekanisasi bagi mengurangkan penggunaan buruh serta meningkatkan kemudahan infrastruktur pertanian seperti sistem pengairan dan saliran, pencegahan banjir dan jalan ladang di lapan kawasan jelapang padi negara seluas 216,483 hektar dengan hasil pengeluaran sebanyak 3,543 tan metrik sehektar;
- (v) menggalakkan syarikat-syarikat perladangan gergasi menceburi diri dalam bidang pengeluaran makanan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bagan merayu kepada kementerian supaya memberi kebenaran kepada nelayan yang memakai pukat jerut atau yang menangkap ikan di perairan cetek melangkau ke sempadan negeri yang berdekatan untuk menangkap ikan. Saya suka menjelaskan bahawa kementerian memang sedar wujudnya 'sempadan laut' di antara negeri-negeri bagi tujuan penangkapan ikan. Sempadan ini adalah terhad di perairan 12 batu nautika dari pantai. Dengan ini bot-bot tradisional pukan tunda dan pukat jerut bermuatan 40 GRT ke bawah hanya boleh menangkap ikan di perairan kurang 12 batu nautika dari perairan negeri masing-masing. Bagi perairan melebihi 12 batu nautika, nelayan bebas menangkap ikan tanpa mengira had sempadan antara negeri.

Dasar mengadakan sempadan laut sedemikian telah banyak memberi faedah kepada nelayan negeri masing-masing.....

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: [Bangun].

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Sudah hendak habis.

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya hendak beri jalan atau tidak?

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan yang diberi oleh Setiausaha Parlimen. Saya minta penjelasan daripada Setiausaha Parlimen mengenai dengan sempadan ini. Berbagai bentuk bantuan telah diberi kepada nelayan, tetapi masalahnya bukan soal sempadan dari satu negeri ke satu negeri lain, saya ingat. Masalah yang serius dihadapi ialah

Akta Perikanan itu sendiri, yang mana pencerobohan sempadan berlaku sesama mereka. Misalnya, kapal-kapal yang sepatutnya pergi ke 12 batu ke atas, dia mencoboh, memukat di kawasan 12 batu ke dalam. Selepas itu pula ada kapal-kapal yang kecil dia pergi ke kawasan-kawasan yang cetek di mana nelayan tradisional ini mencari nafkah dan pergaduhan berlaku di antara nelayan tradisional dengan pemilik-pemilik pukut tunda ini. Bukan soalnya dari negeri lain ke negeri lain, itu bukan masalah besar.

Jadi, adakah kementerian bercadang untuk menyeragamkan peraturan ataupun akta ini? Misalnya, perkara 12 batu ataupun 3 batu ke atas tidak praktikal kepada sesetengah pantai. Misalnya, di Sandakan, Sabah, kalau 10 batu ke laut pun kawasannya masih cetek kerana pantainya landai dan ada sesetengah kawasan walaupun sebatu ke laut, kawasannya telah dalam. Jadi, ini menimbulkan kontroversi. Dia kata, kawasan itu kawasan kita, tetapi sepatutnya kawasan orang lain. Jadi, inilah kontroversi. Jadi, kita minta, apakah kementerian bercadang menyeragamkan perkara ini? Dan apakah kementerian juga bercadang supaya ada sempadan khusus, misalnya, menggunakan pelampung atau pancang atau tanda supaya menunjukkan ini kawasan nelayan tradisional dan ini kawasan nelayan pukut 40 tan ke bawah dan di kawasan sini kawasan 40 tan ke atas. Jadi, ini kita minta kementerian mengkaji.

Jadi, saya ingin minta penjelasan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang dibangkitkan oleh wakil dari Bagan ialah masalah negeri-negeri. Saya menjawab ini berkenaan dengan negeri-negeri. Walaupun begitu, masalah pukut tunda dan sebagainya, memanglah kita telah memberi penjelasan, hanya mereka itu dibenarkan 12 batu nautika ke atas. Walaupun begitu kita juga sedang mengkaji akta berkenaan dan mungkin kita akan membuat penilaian ataupun pengkajian berkenaan perkara tersebut dan bagi kita, selagi akta tersebut dipakai, kita akan terus menjalankan penguatkuasaan terhadap akta. Dengan lain perkataan, mereka yang melanggar akta tersebut akan diambil tindakan.

Dasar mengadakan sempadan laut sedemikian telah banyak memberi faedah kepada nelayan negeri masing-masing. Operasi bot tersebut senang diurus memandangkan pengeluaran lesen di satu-satu negeri adalah bergantung kepada keadaan stok sumber di perairan negeri tersebut.

Dengan adanya sempadan ini, nelayan sesuatu negeri dapat meneroka sumber perikanan di dalam perairan negerinya tanpa gangguan nelayan dari negeri-negeri lain.

Kemasukan nelayan dari luar negeri yang tidak terkawal akan menimbulkan pergaduhan dan menjejaskan sumber serta tangkapan di negeri tersebut.

Walaupun ada sempadan laut di antara negeri, kelonggaran juga diberi kepada nelayan untuk menangkap ikan di perairan negeri lain. Permohonan ini akan dipertimbangkan setelah didapati keadaan sumber di negeri tersebut mengizinkan dan tiada bantahan di kalangan nelayan tempatan serta persatuan nelayan. Oleh itu, permohonan ini akan dipertimbangkan kes demi kes. Bagi vesel penangkapan ikan yang ditangkap di kawasan sempadan, kelonggaran 1 batu nautika adalah diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Mentakab yang inginkan penjelasan kenapa Malaysia harus mengimport ikan dari negara jiran, sedangkan Malaysia mempunyai banyak sungai dan lombong untuk menternak ikan. Ingin saya jelaskan bahawa Malaysia masih perlu mengimport ikan dari negara jiran kerana:-

- (i) jumlah pendaratan ikan negara tidak mencukupi untuk menampung keperluan dalam negeri. Sebagai contoh, jumlah permintaan ikan pada tahun 1995 adalah dianggarkan sebanyak 820,000 tan metrik, sedangkan jumlah pendaratan bersih ikan termasuk hasil akuakultur setelah ditolak ikan baja dan kerosakan selepas tangkapan cuma 747,484 tan metrik. Ini tidak termasuk jumlah ikan yang diimport;
- (ii) peningkatan penggunaan perkapita ikan yang agak pesat, iaitu daripada 40 kg. pada tahun 1990 kepada 47 kg. pada tahun 1996. Pertambahan bilangan penduduk serta kedatangan pekerja-pekerja asing juga menyebabkan permintaan ikan telah meningkat;
- (iii) permintaan ikan tertumpu kepada spesis-spesis tertentu sahaja seperti kembong, selar tenggiri, bawal dan beberapa jenis ikan lain. Jumlah pendaratan ikan-ikan tersebut adalah masih kecil dan tidak menentu mengikut musim. Sebagai contoh, jumlah pendaratan ikan kembong, temenung atau pelaling pada tahun 1995 cuma 125,170 tan

metrik atau 11.4% daripada jumlah pendaratan ikan laut. Jumlah pendaratan ikan tenggiri sebanyak 14,902 tan metrik ataupun 1.3%, ikan selar/pelata sebanyak 18,879 tan metrik atau 1.7% dan selar kuning/lolong sebanyak 23,859 tan metrik ataupun 2.2%.

Bagi menampung keperluan ikan negara, Kementerian Pertanian telah, sedang dan akan membangunkan sektor akuakultur secara komersial.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar mengenai 27,000 orang nelayan atau 40% daripada jumlah nelayan di seluruh negara yang tidak menyertai persatuan nelayan dan kemampuan persatuan nelayan untuk menyatu dan menyelamatkan nelayan dari kemiskinan, sukacita dimaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa Akta Persatuan Nelayan tidak mewajibkan semua nelayan menjadi ahli persatuan nelayan. Oleh itu, terdapat nelayan-nelayan yang tidak begitu aktif dan juga mereka yang tidak mempunyai lesen menangkap ikan yang tidak berminat untuk menjadi ahli. Walau bagaimanapun, usaha-usaha diteruskan untuk menggalakkan mereka menjadi ahli persatuan nelayan.

Persatuan nelayan mampu untuk menyatu dan menjalankan pelbagai aktiviti ekonomi untuk meningkatkan pendapatan kaum nelayan. Pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia sentiasa mengawasi dan membantu persatuan-persatuan nelayan untuk bergiat cergas dalam pelbagai aktiviti ekonomi. LKIM akan juga menyediakan bantuan pinjaman kepada persatuan nelayan melalui Tabung Pembangunan Ekonomi Persatuan Nelayan selain daripada skim-skim pinjaman lain yang disediakan oleh kerajaan seperti Skim Pinjaman Khas Pertanian dan Tabung Makanan.

Saya mengucapkan terima kasih di atas cadangan Yang Berhormat supaya nelayan-nelayan didedahkan kepada peralatan berteknologi tinggi dan pendekatan komersial kepada mereka dengan memberi kebenaran untuk mereka sampai ke Zon Ekonomi Eksklusif. Kementerian Pertanian sedang giat berusaha ke arah tersebut melalui program penempatan sementara nelayan-nelayan pantai di vesel-vesel perikanan laut dalam sebagai pendedahan kepada suasana dan peralatan berteknologi tinggi, seterusnya menggalakkan penyatuan nelayan-nelayan di bawah konsortium untuk membolehkan mereka bergiat secara komersial serta program latihan dan khidmat nasihat dari semasa ke semasa.

Isu mengenai penggunaan 'formaldehyde', sebenarnya perkara tersebut adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Pertanian melalui LKIM sentiasa memberi kerjasama kepada kementerian turut dalam usaha untuk mengawal kemasukan ikan dari luar yang mengandungi bahan 'formaldehyde' melalui majlis-majlis penerangan kepada pengimport-pengimport dan pemborong di setiap negeri mengenai bahan tersebut. LKIM juga turut membekalkan alat penguji (formaldehyde test kit) kepada pegawai/kakitangan LKIM di pusat-pusat pemeriksaan ikan terutama di pintu-pintu masuk utama negara.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Yan, Santubong dan Kangar juga telah membangkitkan soal kenaikan atau penambahan subsidi harga padi, kerana tanpa memberikan subsidi tersebut dikhuatiri petani kurang berminat untuk menanam padi dan akibatnya negara terpaksa mengimport beras yang akan menyebabkan defisit negara. Mereka juga meminta kementerian menaikkan harga padi kerana kebanyakan harga beras telah naik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan lagi subsidi harga padi, memandangkan kadar yang diberikan buat masa ini adalah mencukupi dan agak tinggi. Subsidi harga padi telah pun ditingkatkan sebanyak 50% pada tahun 1991 iaitu daripada RM16.54 setiap 100 kg. kepada RM24.81 setiap 100 kg. Dengan kenaikan ini tanaman padi telah menjadi satu perusahaan yang agak menguntungkan. Kenaikan ini juga melibatkan kerajaan terpaksa membayar lebih kurang RM400 juta setiap tahun bagi tujuan ini. Untuk makluman, pada tahun 1995 kerajaan telah membayar RM387,282,500.18 kepada petani-petani di seluruh negara. Mengenai kenaikan harga padi, kementerian sedang mengkaji dengan teliti untuk mengelakkan kenaikan harga beras secara menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Santubong telah menyarankan supaya Kementerian Pertanian meneroka negeri-negeri lain selain dari yang ada sekarang untuk dijadikan jelapang padi termasuk di Sabah dan Sarawak dan juga yang mana sehingga kini masih belum ada jelapang padi. Oleh itu, beliau menyarankan agar kawasan penanaman padi yang ada sekarang di Sabah dan Sarawak diperluaskan menjadi jelapang padi dengan menggunakan jentera-jentera yang lebih efisien.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan belum bercadang membuka ladang dan estet padi secara besar-besaran di Sarawak dan di Sabah oleh

kerana ini akan melibatkan pelaburan yang sangat besar terutamanya bagi kemudahan pengairan. Walau bagaimanapun, pelabur-pelabur swasta terutama BERNAS adalah digalakkan untuk memajukan estet padi di negeri-negeri tersebut.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh 10,000 hektar tanah telah disediakan di kawasan pengairan di Sarawak untuk penanaman padi yang dijangka mengeluarkan hasil tinggi. Jabatan-jabatan berkenaan akan membantu dalam memberi kemudahan-kemudahan infrastruktur dan memperbaiki amalan pengurusan ladang. Kerajaan Negeri Sarawak juga akan meneruskan subsidi bagi pembelian baja 'ammophos' untuk petani-petani yang mengusahakan padi bukit (padi huma).

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah membangkitkan beberapa perkara, antaranya meminta kerajaan:

- (i) meneliti setakat mana Skim Subsidi Baja Padi kepada petani menepati tujuan sejak dilancarkan pada tahun 1979;
- (ii) memberi penjelasan mengenai kelewatan bekalan baja kepada pesawah oleh NAFAS sebagaimana yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara (hasil penyelidikan mereka dari bulan April hingga September 1995);
- (iii) mengkaji semula semua struktur agensi di bawah Kementerian Pertanian yang dikatakan terlalu banyak, kuat dan kaya, serta masih bermasalah untuk membekalkan baja kepada petani;
- (iv) memastikan baja diurus dengan sempurna supaya baja yang dibekalkan berkualiti, diterima oleh petani tepat pada waktunya serta menentukan tempat simpanan yang sesuai bagi baja; dan
- (v) mengambil tindakan/dikenakan denda ke atas NAFAS supaya lebih serius dalam urusan mereka, terutama dari segi ketepatan masa dan spesifikasi mutu.

Tuan Yang di-Pertua, Skim Subsidi Baja Padi telah dilaksanakan oleh agensi-agensinya di bawah Kementerian Pertanian sejak tahun 1979 dengan tujuan untuk meningkatkan hasil pengeluaran padi dan beras negara. Menerusi skim ini, subsidi baja padi diberi kepada tuan tanah atau pengusaha tanaman padi terhad kepada keluasan enam ekar seorang. Pelaksanaan skim ini telah mencapai matlamat kerajaan khususnya peningkatan hasil dari 3 tan metrik kepada 4.6 tan metrik sehektar di kawasan MADA, Kedah.

Kementerian ini sedang menyiasat laporan kelewatan bekalan baja kepada petani yang dikemukakan oleh Ketua Audit Negara. Adalah menjadi harapan kementerian supaya perbekalan baja kepada petani adalah mengikut jadual penanaman yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pertanian. Oleh yang demikian, soalan kelewatan bekalan baja kepada petani akan dapat diatasi pada masa-masa akan datang.

Di bawah kajian semula Dasar Pertanian Negara, kerajaan juga sedang mengkaji fungsi-fungsi jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian.....

Tuan Lim Guan Eng: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Kota Melaka bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tidak, sebab tidak cukup masa.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Di bawah kajian semula Dasar Pertanian Negara, kerajaan juga sedang mengkaji fungsi-fungsi jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian. Di samping itu, Kementerian Pertanian akan terus menyelaras dan mengagihkan peruntukan bantuan yang akan diberikan oleh kerajaan kepada institusi peladang, penternak dan nelayan seperti yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Pendekatan baru berkaitan dengan pengagihan ini akan dibuat berasaskan antara lain kriteria seperti daya maju projek, pelaksanaannya secara komersial, projek yang menjimatkan penggunaan tenaga buruh dan projek yang mempunyai hubungkait dengan kegiatan-kegiatan hiliran dan hulu. Namun demikian, kriteria, dasar pembiayaan serta mekanisme pelaksanaan pendekatan baru yang dicadangkan akan sentiasa dikaji mengikut masa.

Kementerian juga telah mengambil tindakan dalam penentuan kualiti baja campuran melalui analisa terhadap baja yang dibekalkan kepada petani. Bagi kategori baja yang tidak dapat diterima, tuntutan denda telah pun dikemukakan kepada NAFAS. Setelah tindakan diambil oleh kementerian ini, adalah didapati tahap kualiti baja campuran sekarang ini bertambah baik dibandingkan dengan yang lalu. Bagi mempertingkatkan lagi kualiti baja campuran juga, kementerian ini meminta Pertubuhan Peladang Kawasan mempertingkatkan kualiti tempat simpanan baja supaya baja tidak terdedah kepada cuaca, hujan atau panas yang boleh mengakibatkan kualiti baja itu yang dibekalkan oleh NAFAS.

Dengan itu, saya mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mana telah memberi perhatian kepada Kementerian Pertanian dan segala perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian dan tindakan sewajarnya bagi meningkatkan lagi prestasi Kementerian Pertanian. Bagi perkara-perkara yang dibangkitkan dan tidak sempat dijawab, saya akan menentukan supaya perkara-perkara tersebut diambil perhatian dan tindakan sewajarnya diambil oleh Kementerian Pertanian. Sekian, terima kasih.
[Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

6.54 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap dan membangkitkan beberapa perkara berhubung dengan bidang tugas Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos semasa perbahasan Belanjawan 1997 di Dewan yang mulia ini.

Sebahagian daripada isu-isu yang dibangkitkan itu telah pun diberi penjelasan semasa sesi soal jawab di Dewan ini. Meskipun demikian, sukacita saya memberi penjelasan lanjut berhubung dengan perkara-perkara dasar yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Parit Sulong, Kota Melaka dan Bagan telah membangkitkan isu mengenai kadar elektrik yang tinggi dan tidak seragam yang dijual oleh IPP dan juga ketiadaan 'level plying field' bagi semua pihak dalam industri bekalan elektrik. Sebagai menjawab pertanyaan-pertanyaan tersebut, sukacita saya memaklumkan bahawa Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sedang mengkaji secara mendalam mengenai keperluan menyusun semula industri elektrik.

Antara lain, ianya bertujuan menetapkan peranan dan tanggungjawab semua pihak iaitu pihak utiliti termasuk TNB, SESCO, LLS dan IPP yang berkenaan. Penyusunan semula struktur seperti ini dapat meningkatkan kecekapan industri elektrik dan seterusnya memberi faedah kepada pengguna-pengguna, bukan sahaja dari segi harga tetapi juga mutu bekalan.

Ahli Yang Berhormat dari Sandakan dan Tawau pula telah membangkitkan isu mengenai masalah bekalan elektrik di Sabah. Kementerian sememangnya...

Tuan Lim Guan Eng: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kota Melaka bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa kerajaan sedang menyemak atau mengkaji semula tarif tenaga yang dijual kepada Tenaga Nasional oleh IPP. Bolehkah saya tahu bilakah kajian ini akan siap, kerana kalau perkara ini dilambat-lambatkan, ini bermakna akhirnya pengguna terpaksa membayar kos yang tinggi yang sekarang boleh dikutip oleh IPP ini. Seperti YTL, ia telah mengenakan bayaran sebanyak 15.5 sen seunit sedangkan kos penjanaan kuasa oleh Tenaga adalah kurang dari 10 sen. Sungguhpun mereka ada kuasa, tidak boleh guna habis, terpaksa beli dalam 'guarantee purchase', dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, 75% daripada penjanaan kuasa Yeoh Tong Lay.

Kalau begitu, yang kedua, adakah pihak kerajaan akan meminta IPP ini yang membuat keuntungan hampir RM1 bilion setahun, memberikan sumbangan kepada program pemberian kuasa atau 'electrification programme' untuk kawasan luar bandar? Sekian, terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Saya ingin membetulkan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka. Saya tidak mengatakan bahawa kementerian sedia mengkaji semula tentang harga pembelian ataupun penjualan dari pihak IPP. Saya cuma mengatakan bahawa pihak kementerian sedang mengkaji secara mendalam mengenai keperluan menyusun semula industri elektrik sahaja. Setakat ini, pihak kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula harga jualan elektrik IPP kepada TNB yang telah pun ditetapkan secara kontrak, tetapi kementerian sedang mengkaji tentang kemungkinan bagi IPP memainkan peranan yang lebih luas, yang lebih bermakna khususnya dalam pembekalan elektrik ke kawasan-kawasan luar bandar. Setakat ini memang tidak ada rancangan untuk mengkaji semula tentang harga jualan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bekalan elektrik di negeri Sabah, kementerian sememangnya sedar mengenai masalah-masalah yang berkenaan dan bagi mengatasi masalah-masalah tersebut kerajaan melalui Lembaga Letrik Sabah (LLS) sedang melaksanakan beberapa projek jangka pendek dan jangka panjang pada masa sekarang di mana saya telah pun beberapa kali memaklumkan kepada

Dewan yang mulia ini dan saya tidak bercadang mengulanginya di sini pada hari ini.

Mengenai perkembangan pelaksanaan projek hidro elektrik Liwagu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kinabalu, adalah dimaklumkan bahawa pelaksanaan projek hidro elektrik di Liwagu adalah melalui kaedah 'design and built', dengan izin, yang merupakan pelaksanaan dua peringkat iaitu peringkat satu, kajian kejuruteraan dan peringkat kedua, pembinaan. Projek ini adalah masih dalam peringkat satu di mana pelbagai aktiviti kajian sedang dijalankan termasuklah kerja-kerja subkontrak seperti kerja-kerja penyelidikan geologi, kerja ukur bagi tapak projek dan laluan talian penghantaran pemetaan tasik, kajian lanjutan alam sekitar dan juga kajian penempatan semula. Kesemua kajian ini adalah untuk memperolehi data-data bagi perancangan dan rekabentuk terperinci projek ini.

Peringkat kajian kejuruteraan ini yang akan menelan peruntukan RM30 juta telah bermula pada 15hb. November, 1994 dan sepatutnya telah siap pada 15hb. Mei tahun ini. Walau bagaimanapun, oleh kerana kelewatan pemberian subkontrak dan kelewatan pelaksanaan kerja-kerja penyelidikan geologi dan juga kerja ukur, maka peringkat I tidak dapat disiapkan mengikut jadual asal. Berdasarkan kepada kemajuan kerja-kerja berkaitan dalam pelaksanaan kajian tersebut, maka peringkat I hanya dapat disiapkan pada bulan Oktober tahun hadapan.

Isu penempatan semula penduduk yang terlibat dalam pelaksanaan peringkat II, iaitu pembinaan projek juga sedang giat dikaji. Aktiviti utama pada masa ini adalah untuk mengenal pasti tempat atau lokasi penempatan semula ini. Dalam hal ini jawatankuasa kecil yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Ranau sedang berusaha untuk mengenal pasti tempat yang dimaksudkan. Proses pelaksanaan penempatan semula ini perlu mengambil kira proses pengambilan tanah, perancangan dan reka bentuk ke semua keperluan infrastruktur, perumahan, perladangan dan kemudahan-kemudahan asas yang lain. Oleh itu, perkembangan lanjut dan konkrit hanya boleh didapati selepas peringkat I siap pada bulan Oktober tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bagan juga telah menyentuh tentang diskaun bayaran tarif elektrik kepada pengguna-pengguna komersial berbanding dengan tarif elektrik kepada pengguna-pengguna domestik di kawasan luar bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa sekarang terdapat tiga kategori pengguna

bekalan elektrik iaitu domestik, komersial dan industri. Di dalam pindaan terakhir, kadar tarif elektrik TNB, kadar purata tarif elektrik telah dinaikkan daripada 20.03 sen sekilowatt jam kepada 21.7 sen sekilowatt jam. Meskipun demikian, pindaan tersebut telah juga merangkumi penurunan kadar bukan sahaja kepada beberapa kategori pengguna komersial dan industri, tetapi juga kepada pengguna-pengguna domestik kecil. Kadar tarif kepada pengguna-pengguna domestik kecil yang menggunakan kurang daripada 200 unit sebulan telah dikurangkan daripada 23 sen sekilowatt jam kepada 20 sen sahaja. Tarif ini melibatkan unsur kos subsidi, disebabkan kos membekalkan elektrik ke kawasan luar bandar adalah lebih tinggi berbanding dengan kos membekalkan elektrik ke kawasan-kawasan lain.

Ahli Yang Berhormat dari Shah Alam membangkitkan isu sumbangan TNB dan PNB, umpamanya, dalam bentuk biasiswa sebagai memenuhi obligasi sosial syarikat-syarikat berkenaan. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak TNB dan PNB sememangnya telah ada program menawarkan biasiswa kepada pelajar-pelajar. Malahan kedua-dua syarikat sekarang dalam proses menubuhkan universiti teknikal untuk kepentingan pendidikan tinggi negara ini.

Berkaitan dengan permintaan Ahli Yang Berhormat dari Baram supaya kawasannya diadakan bekalan elektrik selama 24 jam dan tidak 12 jam sepertimana sekarang ini. Sukacita saya memaklumkan bahawa pada dasarnya kerajaan memang hendak mengadakan bekalan elektrik selama 24 jam di seluruh negara. Walau bagaimanapun, bagi kawasan-kawasan terpencil program ini akan mengambil masa tertakluk kepada keadaan persekitaran.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan Parit Sulong telah membangkitkan perkara-perkara mengenai Multimedia Super Corridor (MSC). Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan, tujuan kerajaan melaksanakan MSC adalah untuk membolehkan Malaysia muncul sebagai leader dalam era teknologi maklumat. MSC akan dijadikan pangkalan untuk menarik syarikat-syarikat multimedia bertaraf antarabangsa, untuk menempatkan operasi mereka di Malaysia. Melalui cara ini kerajaan percaya Malaysia akan muncul sebagai pusat di dalam bidang teknologi maklumat yang boleh meningkatkan lagi daya saing negara di peringkat global. Dalam usaha kerajaan untuk menarik modal dan kepakaran

teknologi tinggi, beberapa galakan telah diperkenalkan melalui Belanjawan yang telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada bulan Oktober yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan MSC ini akan melibatkan beberapa perkara, ini termasuklah pembangunan infrastruktur teknologi maklumat, bandar IT dan mewujudkan syarikat Multimedia Development Corporation (MDC). Kerajaan percaya Malaysia mampu menyokong keperluan-keperluan untuk pembangunan MSC kerana telah berjaya mempertahankan pertumbuhan ekonomi pada kadar yang tinggi, mempunyai infrastruktur teknologi yang bermutu tinggi dan bertaraf antarabangsa, mempunyai tenaga kerja yang produktif, taraf pendidikan yang tinggi serta kestabilan politik.

Faktor-faktor lain yang dapat menyokong pembangunan MSC termasuklah kemudahan pelaburan dan lapangan terbang, kos sara hidup yang rendah dan persekitaran yang sesuai. Secara umumnya, dapatlah disimpulkan bahawa MSC bukan sahaja akan memberi faedah kepada penduduk dalam kawasan yang ditetapkan, tetapi juga penduduk-penduduk luar bandar terutama apabila Pengajian Jarak Jauh dilaksanakan dan kemudahan telemedicine, electronic government, kad serbaguna dan sekolah bistari diwujudkan. Pembangunan infrastruktur teknologi maklumat akan memainkan peranan penting sebagai pemangkin ke arah mewujudkan lebuh raya maklumat dan seterusnya meningkatkan penggunaan Internet di kalangan penduduk di negara ini. Sistem maklumat ataupun telekomunikasi tiada sempadan, rangkaianannya adalah menyeluruh dan faedah-faedahnya tidak akan terhad kepada MSC sahaja, tetapi ke seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu usaha yang dijalankan melalui pelaksanaan MSC ialah menggalakkan pengusaha-pengusaha tempatan mengambil bahagian dalam penyediaan infrastruktur asas telekomunikasi. Misalnya pembekalan peralatan ATM, frame relay dan peralatan rangkaian yang berkaitan.

Bagi perkhidmatan nilai tambah, kerajaan akan mengambil langkah-langkah perlu untuk menggalakkan syarikat-syarikat tempatan yang berdaya maju untuk menyertai sektor ini di kawasan MSC dan lain-lain kawasan yang difikirkan sesuai. Perkhidmatan nilai tambah seperti Pengajian Jarak Jauh merupakan di antara perkhidmatan yang paling berdaya maju di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya suka saya menegaskan di sini bahawa segala pandangan.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Parit Sulong bangun, Yang Berhormat.

Dato' Chan Kong Choy: dan cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, yang tidak dapat saya.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan saya baru-baru ini, saya membangkitkan sama ada pihak kementerian akan mengkaji tarif telefon supaya conducive kepada perkembangan interaktif multimedia dan juga supaya conducive kepada pertumbuhan Pendidikan Jarak Jauh. Perkara ini nampaknya tidak disentuh oleh pihak kementerian.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan setakat ini tidak ada cadangan untuk mengkaji semula tentang tarif telefon kerana tarif yang diamalkan sekarang

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Yang Berhormat

Dato' Chan Kong Choy: adalah dianggap kompetitif kalau dibandingkan dengan beberapa negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua: Yan, bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya tadi ada hal sedikit, jadi saya tidak sempat mendengar Timbalan Menteri menjawab. Tetapi saya hendak menyampaikan kompelin orang kampung berkenaan dengan bil-bil telefon. Selama Telekom diswastakan nampaknya bil telefon ini sudah melampau-lampau sangat, sampai ada dalam column - lain-lain bayaran. Yang saya tahu lain-lain hal dalam mesyuarat ada dalam agenda, tetapi dalam bil telefon ada lain-lain bayaran, kemudian dibubuh harga. Jadi, orang kampung tidak faham. Oleh itu, saya minta Telekom setelah diswastakan ini sepatutnya dia akan memudahkan kepada rakyat, sedangkan Telekom hujung tahun laporan keuntungan berbilion ringgit dan juga orang kampung sekarang ini kena bayar sewa cukup mahal.

Mengenai telefon mudah alih, Tuan Yang di-Pertua, ini satu lagi saya hendak minta supaya kementerian mengkaji balik. Caj sewanya sampai RM60, sehari RM2. Parlimen bayar berapa banyak kepada Ahli Parlimen? Jadi, saya harap kementerian tolong check, tengok ini, sampai RM2 sehari.

Kadang-kadang kita tidak pakai pun dia caj RM2, kurang sedikitlah, kerana sekarang ini kalau kita tengok di luar negeri cajnya tidak mahal. Caj telefon untuk panggilan antarabangsa lebih murah daripada dalam negeri. Jadi, saya harap Menteri dan Timbalan Menteri yang saya kira cukup bagus ini, tolong tengok betul-betullah, jangan bagi rakyat marah. Jadi, saya minta berilah penjelasan yang sebaik-baiknya.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sudah banyak kali kita bincangkan dalam Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun setelah kadar tarif baru dikenakan pada bulan Julai tahun ini juga, pihak kerajaan melalui kementerian saya telah mengarahkan pihak Telekom Malaysia supaya mengemukakan satu laporan untuk membandingkan caj telefon sebelum dan selepas terlaksananya kadar baru ini.

Dan tarif baru selepas dilaksanakan 3 bulan ini, laporannya telah pun diterima oleh kementerian saya dan pihak kami akan mengadakan satu kajian menyeluruh tentang tarif baru ini. Mengenai caj panggilan antarabangsa yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Ahli Yang Berhormat dari Yan ini mengatakan ia lebih tinggi kalau dibandingkan dengan negara jiran. Saya juga nak mengambil kesempatan di sini untuk membetulkan pandangan ini.

Lepas tarif rebalancing yang di mulakan pada bulan Julai ini, kita amat kompetitif dengan negara-negara jiran termasuk Singapura. Tidak lagi lebih mahal kalau dibandingkan dengan negara-negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua: Dia puas hati dah ke? Ingat bagi puas hati kat dialah.

Dato' Chan Kong Choy: Kalau ditimbangakan dengan Thailand pun kita lebih murah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Dato' Chan Kong Choy: Dibandingkan dengan Thailand, Singapura dan Brunei, kita lebih murah - sekarang. Kalau sebelum ini kita lebih mahal.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya suka saya menegaskan di sini bahawa segala pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat saya nyatakan di sini satu persatu akan diberi perhatian dan tindakan selanjutnya oleh pihak kementerian saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar.

7.14 mlm.

Datuk Law Hieng Ding: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan 1997 dan membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan terhadap perkara-perkara yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah menyentuh tentang keperluan menggubal satu dasar mengenai teknologi maklumat kebangsaan yang bertujuan untuk menjadikan Malaysia sebagai pemimpin dalam teknologi maklumat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mencapai cita-cita ini kerajaan telah menubuhkan Majlis Teknologi Maklumat Negara (MTMN) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mana ahli-ahlinya juga terdiri dari wakil-wakil sektor swasta.

Tujuan utama MTMN adalah untuk merancang dan menentukan arah tuju pembangunan teknologi maklumat bagi membangun dan meluaskan kepada semua lapisan masyarakat. Kerajaan melalui Majlis Teknologi Maklumat Negara sedang dalam proses menggubal satu agenda pembangunan teknologi maklumat kebangsaan. Ini memastikan bahawa kerajaan memang sedar tentang betapa pentingnya peranan teknologi maklumat dalam era ekonomi global dan digital masa kini.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud mencadangkan supaya kerajaan membina sebuah taman teknologi di negeri Sabah untuk meningkatkan perkembangan teknologi dan keupayaan penyelidikan dan pembangunan bagi menjadikan negeri Sabah sebuah negeri perindustrian teknologi tinggi dan berdaya saing. Cadangan Ahli Yang Berhormat adalah satu cadangan yang baik dan merupakan satu pandangan yang jauh.

Pada prinsipnya, kerajaan persekutuan menggalakkan usaha kerajaan-kerajaan negeri untuk mempertingkatkan daya saing industri tempatan melalui aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta pembangunan teknologi. Salah satu cara untuk mempercepatkan pembangunan industri yang berdaya saing dan industri berteknologi

tinggi adalah melalui penubuhan taman-taman teknologi. Sehubungan ini, kerajaan telah merangkumkan Taman Teknologi Malaysia di Bukit Jalil dan Taman Teknologi Kulim di negeri Kedah.

Pembangunan taman teknologi ini telah dirancang dan dilaksanakan dengan teliti dan teratur bagi memastikan matlamatnya iaitu mempertingkatkan keupayaan dan kemahiran dalam industri berteknologi tinggi melalui interaksi di antara industri institusi-institusi penyelidikan dan institusi-institusi pengajian tinggi tercapai. Pembangunan taman-taman teknologi di negeri lain juga perlu dirancang dengan penuh teliti memandangkan beberapa negeri telah mengemukakan cadangan untuk membangunkan taman teknologi.

Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar berpendapat bahawa satu dasar mengenai taman teknologi perlu digubal dahulu supaya pembangunan taman-taman teknologi di negeri-negeri berkenaan dapat dirancang dan dilaksanakan dengan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong menyentuh dengan pengkorporatan Institusi Sistem Mikro Elektronik Malaysia (MIMOS) dalam usaha kerajaan menggalakkan pembangunan industri teknologi tinggi. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana begitu prihatin dengan perkembangan MIMOS. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, MIMOS telah dikorporatkan dua minggu yang lepas iaitu pada 1hb. November 1996 dengan nama baru MIMOS Berhad.

Walaupun MIMOS telah dikorporatkan, peranan asalnya sebagai sebuah institusi penyelidikan dan pembangunan dalam bidang mikro elektronik dan teknologi maklumat tetap tidak akan berubah. Sejak pengkorporatannya MIMOS Berhad telah mengenalpasti tiga sektor sasaran utama yang akan diberi penekanan iaitu sektor kerajaan, sektor industri dan sektor komersial.

Pengkorporatan MIMOS Berhad bertujuan untuk memaksimumkan pulangan kerajaan ke atas sebuah institusi mikro elektronik dan teknologi maklumat dengan membolehkan institusi tersebut bertindak dengan lebih efisien serta responsif terhadap persekitaran pasaran pengguna dan pihak industri teknologi maklumat. MIMOS Berhad sebagai sebuah institusi yang akan bergerak dengan pantas sejajar dengan perkembangan teknologi maklumat semasa dan akan lebih responsif terhadap teknologi maklumat di mana ia beroperasi.

Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah menyentuh dengan perlunya kerjasama serantau di antara negara-negara ASEAN bagi mengatasi masalah pencemaran alam sekitar khususnya berhubung pencemaran Selat Melaka dan pencemaran udara. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana begitu prihatin terhadap perkembangan masalah pencemaran alam sekitar serantau.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di samping pengubalan polisi-polisi pemeliharaan alam sekitar di peringkat kebangsaan, kerajaan melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar juga mengadakan kerjasama serantau dengan negara-negara ASEAN dan di peringkat antarabangsa.

Sebenarnya, kerjasama di antara negara-negara ASEAN dalam menangani masalah alam sekitar telah wujud sejak 1978, dengan penubuhan ASEAN Experts Group on Environment (AEGE), dengan izin. Pada tahun 1990, kumpulan ini telah dimantapkan lagi dan aktiviti-aktivitinya dipertingkatkan dengan penubuhan Asean's Senior Officers Meeting On Environment (ASOME). Di bawah ASOME, terdapat 6 kumpulan kerja, dengan izin:

- (a) ASEAN Working Group on Environment for Economic;
- (b) ASEAN Working Group on Environmental Information, Public Awareness and Education;
- (c) ASEAN Working Group on Asia Seas East Marine Environment;
- (d) ASEAN Working Group on Nature Conservation;
- (e) ASEAN Working Group on Environmental Management; dan
- (f) ASEAN Working Group on Transpantary Pollution.

Mereka masing-masing telah menjalankan program dan aktiviti pemuliharaan dan kawalan pencemaran, termasuk Selat Melaka dan pencemaran udara.

Selain daripada itu, Malaysia pada mesyuarat United Nation Environment Programme (UNEP) yang lalu telah menggesa agar program kawalan pencemaran laut dipertingkatkan di rantau ini, misalnya, program Corporation Body for South East Asia Sea (COBSEAS), dengan izin.

Menteri-menteri Alam Sekitar negara-negara Asean juga bermesyuarat setiap dua tahun dan Majlis Bersama Alam Sekitar di antara Malaysia, Singapura, Indonesia dan Thailand juga diadakan bagi meningkatkan usaha pemuliharaan alam sekitar serantau.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu mencadangkan agar Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar memainkan peranan yang lebih penting dalam penempatan semula Orang Asli. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penempatan semula Orang-orang Asli bukan di bawah bidang kuasa kementerian. Walau bagaimanapun, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar bersedia membantu Jabatan Orang Asli jika diperlukan, terutamanya dalam penilaian kesesuaian tapak asas penempatan baru dengan mengambil kira faktor-faktor alam sekitar.

Ahli Yang Berhormat dari Bandau mengemukakan persoalan sama ada Penilaian Kesan Alam Sekitar atau Environmental Impact Assessment (EIA), dengan izin, dilakukan berhubung pemindahan projek Nusantara Steel. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak pemaju projek Nusantara Steel belum lagi mengemukakan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) kepada Jabatan Alam Sekitar. Bagi membolehkan projek ini dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan alam sekitar, pihak pemaju projek berkenaan perlu mengemukakan Laporan EIA Terperinci (Detailed EIA). Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Bagan Serai membangkitkan isu pencemaran alam sekitar ini menjadi ketara dan mengharapkan dengan adanya Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang telah dipinda pada tahun 1996 akan mampu untuk menangani segala permasalahan pencemaran, khususnya berhubung projek-projek pembangunan kondominium dan lebuhraya di lereng-lereng bukit.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana begitu prihatin dengan isu pencemaran alam sekitar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang menjadi hasrat Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bahawa dengan pindaan tersebut, kemampuannya dalam menangani pencemaran alam sekitar dapat dipertingkatkan seperti kes pencemaran laut oleh kapal Langka Perdana yang telah dihukum dengan kadar maksimum oleh mahkamah dan kes membuang bahan toksid di Kelang baru-baru ini, di mana kenderaan terlibat telah ditahan oleh Jabatan Alam Sekitar dan akan dirampas sekiranya bersabit dengan kesalahan.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong mendakwa terdapat kelemahan di dalam Belanjawan mengenai dasar memelihara alam sekitar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya kerajaan telah memberi perhatian sepenuhnya terhadap dasar pemeliharaan alam sekitar dengan menekankan bahawa faktor alam sekitar diambil kira dalam segala proses pemutusan pembangunan dengan tujuan mencapai matlamat dan pendekatan pencegahan.

Penekanan terhadap pentingnya pemeliharaan alam sekitar telah diberi berulang kali oleh pemimpin-pemimpin kerajaan, khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar dan penyampaian kerajaan dalam memelihara alam sekitar telah menerima banyak pengiktirafan dari komuniti antarabangsa, misalnya anugerah dari UNEC dalam tahun 1995 dan baru-baru ini anugerah dari Environment Protection Agency (EPA) Amerika Syarikat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bersikap terbuka atau open minded, dengan izin, dan mengalu-alukan apa jua cadangan yang membina bagi pemuliharaan alam sekitar di negara kita.

Sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Kepong mempunyai idea-idea yang spesifik dan tertentu, Yang Berhormat boleh menyampaikan kepada saya untuk diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, izinkan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih di atas segala sokongan, pandangan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang dapat meningkatkan lagi prestasi.....

Dr. Tan Chong Keng: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Bukit Mertajam bangun, Yang Berhormat. Bukit Mertajam bangun ya.

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meminta satu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Berkaitan dengan stesen transit toksid di Bukit Minyak, adakah Yang Berhormat Menteri dapat memberikan penjelasan yang selanjutnya bagi Dewan yang mulia ini?

Datuk Law Hieng Ding: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Jikalau tidak salah, Ahli Yang Berhormat ingin bertanya tempat stesen transition, bukan?

Dr. Tan Chong Keng: Stesen transit sisa toksid di Bukit Minyak adalah dicadangkan untuk dibina di kawasan Parlimen Bukit Mertajam yang telah menerima aduan daripada orang ramai di sana berkaitan dengan bantahan yang kuat kerana Bukit Minyak itu adalah satu kawasan yang pesat dengan tapak pembangunan perindustrian dan juga perumahan dan oleh itu pembinaan stesen transit itu dianggap tidak sesuai. Bolehkah kementerian Yang Berhormat Menteri menjalankan satu Kajian Impak Alam Sekitar tentang projek ini, dan kalau boleh membatalkan projek ini?

Datuk Law Hieng Ding: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Cadangan itu masih dalam pertimbangan oleh pihak kualiti alam dan juga kementerian dan sebelum apa-apa keputusan dibuat, akhirnya segala pandangan akan diambil kira dan sekiranya berasas, ianya akan diberi pertimbangan yang sewajarnya. Terima kasih Ahli Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan dua perkara mengenai hal ini iaitu pertamanya, saya bertanya sama ada Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) boleh mengambil kira dari segi memberi bantuan modal kepada entrepreneur bumiputera yang ingin ataupun yang mahu menceburi diri dalam perusahaan teknologi maklumat dalam multimedia super corridor.

Yang keduanya, adakah pihak Multimedia Development Corporation yang telah pun ditubuhkan akan mengadakan penjelasan yang terperinci terhadap peluang-peluang perniagaan yang boleh diceburi bersama oleh pihak bumiputera oleh kerana ada sebilangan bumiputera yang berkecimpung dalam bidang teknologi maklumat, mereka berasa belum mendapat gambaran yang terperinci dan jelas mengenai peluang-peluang perniagaan di dalam multimedia super corridor. Perkara ini tidak diberi jawapan oleh pihak Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Datuk Law Hieng Ding: Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong. Memang ini adalah satu pandangan yang baik dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang menjadi dasar kerajaan untuk membantu bumiputera di mana-mana bidang supaya kepakaran mereka akan diambil kira khasnya dalam bidang teknologi maklumat.

Mengenai bantuan dari MTDC ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bantuan ini juga jadi dasar MTDC tetapi MTDC ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian MITI, bukan kementerian saya. Saya akan menyampaikan pandangan Ahli Yang Berhormat itu kepada MITI. Begitu juga mengenai Multimedia Corporation, ini juga memang jadi dasar Multimedia Corporation itu untuk membantu bumiputera mengambil bahagian di mana-mana peluang yang timbul dilaksanakan projek itu dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Multimedia Corporation ini juga bukan di bawah bidang kuasa kementerian saya, ini adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri. Saya juga akan menyampaikan kepada pihak Multimedia Corporation, presiden atau CEOnya untuk ditimbang atau diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi.....

Tuan Yunus bin Rahmat: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Jelebu bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya dan mendapat penjelasan sedikit sebanyak dari Yang Berhormat Menteri. Kalau kita lihat di bandar-bandar besar, kebanyakan sekolah-sekolahnya terletak di kawasan-kawasan yang terdedah kepada bunyi bising. Walaupun kementerian telah memilih beberapa sekolah untuk didirikan alat penghalang bunyi bagi menghalang gangguan-gangguan bunyi bising bagi memberikan konsentrasi kepada murid-murid belajar, tetapi masih banyak lagi sekolah-sekolah yang terdedah kepada persekitaran bunyi bising. Misalnya, di bersebelahan sekolah dibina bengkel-bengkel kereta, motor dan sebagainya dan sekolah-sekolah pun masih kekal di tepi jalan. Kalau dulu sekolah itu jauh daripada jalan besar, sekarang ini semakin hampir kerana jalan-jalan telah itu dibesarkan.

Jadi, saya ingin bertanya adakah cadangan kementerian bagi mencadangkan kepada sekolah ataupun Kementerian Pendidikan supaya sekolah-sekolah yang terdedah dengan kebisingan ini dapat dipindahkan atau adakah langkah kementerian untuk membina keseluruhan sekolah-sekolah ini dengan alat penghalang bunyi dan sebagainya? Terima kasih.

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, memang kementerian saya melalui Jabatan Alam Sekitar telah menjalani satu kajian mengenai bunyi

bising ini dan ini adalah satu kajian untuk maklumat kementerian saya dan kementerian saya telah menyampaikan kajian ini kepada Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pendidikan memang mempunyai program-program tertentu untuk mengatasi masalah ini dan macam mana sekolah ini perlu dipindah atau dikekalkan dan dengan mewujudkan alat-alat yang menghalang bunyi bising yang menjadi satu gangguan kepada pelajar-pelajar itu. Ini akan menjawab untuk mengatasi masalah itu.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengakhiri ucapan saya dengan ucapan terima kasih di atas segala sokongan, pandangan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang dapat meningkatkan lagi prestasi kementerian. Sekiranya terdapat sebarang pandangan, teguran dan cadangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat disentuh dalam jawapan ini, saya minta maaf dan saya jamin pandangan ini tetap akan diberi perhatian dan tindakan yang sewajarnya akan diambil. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kementerian Pendidikan.
7.37 mlm.

Kementerian Pendidikan [Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucap banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 1997 dan telah membangkitkan pelbagai perkara, isu dan cadangan yang menyentuh Kementerian Pendidikan.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah mendakwa ada diskriminasi terhadap pengajaran agama lain sedangkan terdapat peruntukan kewangan untuk kelas fardu ain. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sepatutnya memahami dan peka terhadap perundangan dalam Perlembagaan Persekutuan yang memberi peruntukan bagi pengajaran agama Islam. Oleh itu, perkara ini tidak wajar dan tidak harus dipersoalkan seperti juga menggunakan peruntukan kewangan untuk membina masjid dan lain-lain perkara yang diperuntukkan oleh Perlembagaan kita.

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Sekali lagi Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka cuba memainkan sentimen.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Kota Melaka bangun ya. Hendak beri jalan?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Kita hendak habis dua kementerian lagi malam ini. Jadi, lain kali ya. Tidak ada perkara yang terdesak sangat.

Tuan Lim Guan Eng: Kerana saya tidak mahu.....

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Saya hendak jawab perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat... ..

Tuan Lim Guan Eng: Saya tidak menentang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak beri.

Tuan Lim Guan Eng: Saya harap jangan, jangan.....

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Sudah jelas, peruntukan Perlembagaan sudah jelas.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, saya tidak menentang....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Guan Eng: Dalam ucapan saya tidak menentang....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Kota Melaka.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:
[Menyampuk dengan bercakap bahasa Cina]

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Saya tidak beri jalan, Tuan Yang di-Pertua, sebab tidak ada isu. Menggunakan peruntukan untuk pendidikan agama Islam, bukan isu!

Tuan Lim Guan Eng: Jangan cakap saya menentang, saya bukan menentang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, minta duduk ya. Dia tidak beri jalan.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Lim Guan Eng: *[Menyampuk tetapi pembers suara dimatikan]*

Seorang Ahli: Duduklah, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Saya tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Guan Eng: Point of Order.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak beri jalan. Yang keberapa, Yang Berhormat?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Guan Eng: Point of Order 36(6).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Apa dia, Yang Berhormat?

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat, sila duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri mengeluarkan satu sangkaan jahat kerana saya tidak menyatakan apa yang dia kata bahawa saya menentang. Saya tidak menentang. Saya hanya cakap bahawa ini memang baik tetapi pada masa yang sama saya harap perhatian dan peruntukan boleh diberikan untuk.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Guan Eng: pengajian agama bukan Islam. Jadi, jangan kata saya menentang. Saya tidak menentang, saya menyokong tetapi pada masa yang sama berikan peruntukan kepada pengajian bukan Islam. Jadi, saya harap jangan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Guan Eng: main politik di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukuplah, Yang Berhormat. *[Sorak]*

Tuan Lim Guan Eng: Ini sudah lebih! Bakal Timbalan Perdana Menteri bukan macam ini.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, ini tidak ada isu, Ahli Yang Berhormat ini sengaja hendak bangkitkan.

Sekali lagi Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka cuba memainkan sentimen perkauman dengan membuat tuduhan terhadap kerajaan yang kononnya mengamalkan diskriminasi terhadap peruntukan pembangunan untuk SRJK(C) dan SRJK(T).

Isu yang sama juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Keningau yang menggesa agar peruntukan yang seimbang kepada negeri Sarawak dan Sabah diberikan oleh kerajaan. Sukacita saya menyatakan bahawa Kementerian Pendidikan tidak pernah membeza-bezakan jenis sekolah, lokasi sekolah, zon dan negeri. Agihan peruntukan bagi projek pendidikan dibuat berdasarkan keperluan di sesuatu negeri. Keutamaan adalah berasaskan unjuran murid yang akan menentukan keperluan bilik darjah mengikut negeri dan ini perlu difahami oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan yang menggesa kerajaan agar menubuhkan sekolah-sekolah Cina dan Tamil di mana kaum berkenaan ramai tinggal.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Keningau juga peruntukan tahunan bagi 1997 untuk negeri Sabah ialah RM252 juta, manakala bagi negeri Sarawak ialah RM229.9 juta. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan sekolah-sekolah baru, gantian dan juga tambahan bilik-bilik darjah serta kemudahan asas seperti bekalan elektrik sentiasa menjadi agenda utama dalam merancang pembangunan fizikal institusi pendidikan. Seperti yang pernah dijelaskan semasa menggulung perbahasan Rancangan Malaysia Ketujuh di Dewan yang mulia ini pada bulan Mei yang lalu, penambahan kemudahan fizikal akan dilaksanakan di semua peringkat untuk menampung pertumbuhan enrolment dan mewujudkan suasana pembelajaran dan pengajaran yang lebih kurang universiti.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh telah dirancang pembinaan sebanyak 473 projek sekolah baru, 224 projek sekolah gantian, 629 projek tambahan, di samping pembinaan kuarters guru dan juga asrama. Dengan yang demikian, keresahan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dijangka dapat diatasi secara berperingkat-peringkat.

Mengenai pembinaan sekolah di taman-taman perumahan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Seremban dan Yang Berhormat dari Bukit Bintang, Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan garis panduan supaya setiap 2,500 unit rumah, pihak pemaju dikehendaki menyediakan tapak seluas 6 ekar bagi pembinaan sekolah rendah, dan bagi perumahan baru yang mempunyai 2,500 unit rumah pula, pihak pemaju dikehendaki menyediakan dan menyerahkan kepada pihak berkuasa tapak bagi pembinaan sebuah sekolah menengah dan 2 buah sekolah rendah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong telah memilih isu program celik komputer yang menurutnya belum dapat dilaksanakan sepenuhnya di sekolah rendah sekolah menengah. Perlu dijelaskan program literasi komputer di sekolah menengah adalah sebahagian daripada keseluruhan program komputer dalam pendidikan. Mulai tahun 1992 Kementerian Pendidikan telah melaksanakan projek rintis literacy komputer di 60 buah sekolah menengah luar bandar seluruh negara. Pada tahun ini, 90 buah sekolah lagi telah dipilih untuk mengikut program tersebut dengan pendekatan baru dan literasi komputer dijadikan sebagai aktiviti kokurikulum. Pelajar Tingkatan Satu dan Peralihan yang tidak ada kemahiran komputer diwajibkan mengikut kelas asas literasi komputer.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan program pendidikan berbantu komputer, sukacita saya maklumkan bahawa usaha-usaha untuk menyediakan perisian ataupun dengan izin, 'software development'nya akan dilakukan dengan giatnya pada tahun hadapan, iaitu sepanjang tahun 1997 untuk menyediakan perisian yang berasaskan kepada kurikulum kebangsaan kita untuk 4 jenis mata pelajaran, iaitu Bahasa Melayu, bahasa Inggeris, Metamatik dan Sains. Adalah dijangkakan mengikut perancangan kementerian, pada tahun 1998 pendidikan berbantu komputer secara menyeluruh dan komprehensif akan dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat dari Johor Bharu yang telah memberi beberapa cadangan untuk meningkatkan minat pelajar khususnya pelajar bumiputera terhadap bidang sains. Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan telah dan sedang mengambil beberapa langkah di semua peringkat pengajian untuk meningkatkan penyertaan pelajar dalam bidang sains dan teknologi. Antaranya ialah pada masa ini ada sekolah berasrama penuh yang hanya menjalankan aliran sains. Di samping itu, mata pelajaran Sains mula diajar berasingan di sekolah rendah mulai tahun 1995, menggalakkan pertambahan kelas-kelas aliran sains di sekolah menengah, mengadakan kem sains di sekolah rendah dan menengah di semua peringkat. Projek kemahiran berfikir diadakan bertujuan meningkatkan kemahiran berfikir pelajar dan mata pelajaran sains tambahan dijadikan syarat untuk mengikuti kursus sains di institusi pengajian tinggi. Di samping itu, kementerian sedang menyediakan satu dasar sains dalam pendidikan secara menyeluruh dan perkara ini akan saya umumkan dalam sedikit masa lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan menerima baik saranan Yang Berhormat dari Larut dan Libaran agar pengagihan dana pendidikan tinggi diberi kepada pelajar-pelajar luar bandar dan yang kurang berkemampuan. Perlu ditegaskan bahawa tabung ini akan mengenakan 'means test' untuk memastikan hanya mereka yang layak sahaja akan diberi pertimbangan untuk memanfaatkan kemudahan dana tersebut.

Kementerian Pendidikan akan memastikan tabung ini akan dilaksanakan dengan secara adil dan saksama sebagaimana disarankan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Saya sukalah menyatakan di sini bahawa butir-butir, detail berkenaan dengan tabung ini akan diumumkan dalam sedikit masa lagi setelah mendapat kelulusan muktamad oleh pihak kerajaan.

Berhubung dengan pengecualian cukai bagi tenaga pengajar asing, Kementerian Pendidikan menerima pandangan baik ini kerana ia selari dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini. Mengenai pensyarah asing yang diambil berkhidmat di IPT tempatan, adalah tidak berkualiti dan second class seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat dari Kubang Kerian. Ini adalah andaian beliau semata-mata, kerana hanya mereka yang benar-benar layak sahaja dibenarkan berkhidmat. Pengambilan pensyarah asing adalah satu alternatif dalam usaha mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar di IPT tempatan dan tidak timbul soal kehadiran mereka mengancam pensyarah-pensyarah tempatan dan membawa pengaruh negatif kepada pelajar seperti dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Parit Buntar.

Dalam usaha pengkorporatan IPT tempatan, salah satu aspek yang dikaji ialah skim perkhidmatan tenaga pengajar IPT yang lebih menarik agar dapat mengekalkan pensyarah yang berwibawa dan profesional seperti ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kepong. Ini termasuklah soal gaji dan lain-lain insentif.

Yang Berhormat dari Yan telah membangkitkan kelewatan projek kampus Universiti Islam Antarabangsa di Gombak. Perlu dijelaskan sebahagian besar bangunan kampus tersebut telah pun siap dan pelajar-pelajar akan dipindahkan secara berperingkat-peringkat. Fasa pertama pemindahan telah berjalan pada tahun ini yang melibatkan pelajar-pelajar Fakulti Undang-undang. Kementerian Pendidikan sentiasa menyokong usaha-usaha pelengkap ke arah meluaskan pendidikan tinggi termasuklah penubuhan universiti. Misalnya, uni-

versity virtual (KUB) seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong, asalkan ia mematuhi peraturan dalam Akta Pendidikan dan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta dan mematuhi syarat-syarat piawaian kualiti yang akan ditentukan oleh Lembaga Akreditasi Nasional.

Begitu juga penubuhan universiti-universiti....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, nanti sekejap.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:.....yang ditubuhkan, badan-badan korporat seperti Telekom.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yan bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, sekejap, pendek sahaja.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Ringkas ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ringkas, ringkas.

Tuan Lim Guan Eng: [Menyampuk]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Fasal Yang Berhormat kacau. Saya tak kacau, saya mahu cakap elok-elok. [Ketawa] Yang Berhormat, berkenaan dengan UIA ini, bolehkah Yang Berhormat mengkaji sedikit kerana di sana didapati bahawa tekanan konsultan-konsultan daripada luar negeri terhadap konsultan tempatan begitu kuat sehinggakan mereka ini mungkin diberhentikan, sedangkan kesilapannya berlaku di pihak konsultan yang kita guna daripada luar? Jadi, ini yang melambatkan persiapan universiti tersebut.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya akan ambil kira saranan Yang Berhormat dari Yan itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat dari Larut agar kerajaan mengambil alih pentadbiran sekolah-sekolah Agama Rakyat. Buat masa ini, kerajaan belum bercadang buat demikian. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan bersedia menimbang untuk mengambil alih sekolah-sekolah tersebut sekiranya pemilik sekolah-sekolah tersebut bersedia menyerahkannya. Dalam konteks ini, Kementerian Pendidikan tidak akan membiarkan sekolah-sekolah tersebut terpinggir dari arus perdana pendidikan negara dan sedia memberikan bantuan yang diperlukan.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat dari Larut dan Kuala Krai supaya kurikulum di sekolah agama disusun semula mengikut keperluan semasa. Kementerian Pendidikan telah pun siap menyemak semula kurikulum pendidikan Islam dan akan dilaksanakan pada tahun 1997 di beberapa sekolah sebagai percubaan, dan insya-Allah pada tahun 1998 ia akan dilaksanakan di semua sekolah. Perubahan kurikulum pendidikan Islam juga meliputi maktab-maktab perguruan agar bakal-bakal guru dapat menyampaikan pengajian secara lebih berkesan apabila berkhidmat di sekolah kelak.

Mengenai cadangan Yang Berhormat dari Ledang agar ditambah Maktab Perguruan Islam. Pada masa ini maktab yang sedia ada berupaya menampung dan mengeluarkan guru-guru pendidikan Islam di peringkat diploma dan kursus perguruan lepasan ijazah. Di samping itu, beberapa universiti tempatan juga menyediakan kursus-kursus pengajian Islam dan berkemampuan melahirkan graduan yang berkualiti dan kemahiran tinggi untuk menjadi guru atau pensyarah dalam bidang agama.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga kementerian sedang menimbang pada peringkat akhir, cadangan untuk mewujudkan sebuah Universiti Islam yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar utamanya. Cadangan ini apabila dilaksanakan akan dapat memberi ruang yang lebih luas untuk pendidikan agama pada peringkat tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan dakwaan Yang Berhormat Tanjong, terdapat unsur-unsur yang boleh menyinggung perasaan sesuatu kaum dalam soalan Sejarah, adalah menjadi amalan Kementerian Pendidikan untuk menjaga sensitiviti kaum dan agama dalam pembinaan soalan di semua peringkat peperiksaan. Namun demikian, jika terdapat perkara-perkara sensitif seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Tanjong, ia mungkin berlaku dalam kertas peperiksaan di peringkat sekolah yang tidak disengajakan. Kementerian Pendidikan memandang serius perkara ini dan akan memastikan agar ia tidak berulang lagi. Berhubung dengan dakwaan beliau, terdapat kesilapan terjemahan 20 soalan Matematik UPSR 1996. Setelah disiasat perkara yang menimbulkan keraguan ialah 3 soalan bagi Matematik 1 dan satu soalan bagi Matematik 2 untuk SRJK (T). Setelah dikaji, didapati tiada percanggahan dari segi fakta dan tugas soalan di antara versi bahasa Melayu dan versi bahasa Tamil, walaupun terjemahan tidak dibuat secara perkataan demi perkataan. Kajian

terhadap prestasi murid SRJK(T) juga menunjukkan pencapaian murid tidak terjejas dalam mata pelajaran tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kota Melaka telah membangkitkan mengenai kriteria yang digunakan bagi membolehkan pelajar tahun ketiga di tempatkan terus ke tahun kelima. Untuk makluman, kriteria yang digunakan adalah berdasarkan pencapaian yang baik dalam ketiga-tiga elemen, iaitu verbal, kuantitatif dan berfikir dalam ujian anika pilihan dan ujian kelulusan dalam bahasa Melayu bagi murid SK, SRK dan bahasa Ibunda bagi murid SRJK(C) dan (T) dalam Penilaian Tahap 1 (PTS). Selain dari itu, bagi murid SRJK (C) dan (T), kriteria pemilihan juga adalah berdasarkan kepada pencapaian dalam penulisan bahasa Melayu. Kriteria tersebut sudah pun diumumkan kepada orang ramai pada 30hb. Oktober, 1996.

Berhubung gesaan Yang Berhormat dari Kepong agar murid yang layak sahaja diberi peluang menduduki PTS, Kementerian Pendidikan berpendapat semua murid harus diberi peluang kerana tidak mahu melabel atau seterusnya mengasingkan kanak-kanak yang masih begitu muda, antara yang pintar atau kurang pintar. Namun demikian, terserah kepada ibu bapa sama ada anak mereka mahu menduduki penilaian tersebut atau sebaliknya. Perlu ditegaskan hanya murid-murid yang bistari, dengan mencapai skor yang telah ditentukan di kalangan yang pintar sahaja layak di tempatkan terus di tahun lima dan ini pun bergantung kepada persetujuan daripada ibu bapa.

Namun begitu, perlu saya ingatkan kepada semua Ahli Yang Berhormat, kepada mereka yang tidak terpilih, bukan bermakna bahawa mereka gagal atau tidak pandai serta tidak berpotensi untuk mencapai kejayaan dalam persekolahan seterusnya. Tujuan PTS hanya untuk mengenal pasti murid-murid tahun ketiga yang mempunyai sifat semula jadi berteraskan kecerdasan murid dan daya kreatif yang tinggi setelah 3 tahun bersekolah formal dan berdasarkan ukuran yang digunakan oleh Kementerian Pendidikan dan tidak lebih dari itu. Tujuan penegasan saya ialah untuk menolak pelbagai salah anggapan yang telah dibuat terhadap PTS.

Tuan Yang di-Pertua, soal kebijakan warga guru terus mendapat perhatian setiap kali perbahasan dalam Dewan yang mulia ini. Kementerian Pendidikan mengucapkan ribuan terima kasih di atas kepekaan dan keprihatinan dan simpati Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap kaum guru.

Yang Berhormat dari Larut telah mencadangkan agar elaun diberi kepada guru yang bertugas di luar bandar sebagai insentif. Adalah dijelaskan, pada masa ini guru-guru yang mengajar di luar bandar, khususnya di kawasan pedalaman, layak menerima bayaran insentif pedalaman dengan kadar 10% daripada gaji bulanan, dengan memenuhi 2 daripada syarat berikut iaitu, kesukaran perhubungan pengangkutan, kemudahan asas yang kurang sempurna dan tidak mempunyai kemudahan sosial seperti masjid, dewan orang ramai atau tempat riadhah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat dari Sri Aman dan Pasir Puteh agar dikaji semula sistem gaji guru, jawatankuasa khas yang dibentuk untuk mengkaji perkhidmatan pendidikan Malaysia telah pun siap dan akan diserahkan kepada Perdana Menteri sebelum dibentangkan di Kabinet. Antara yang dikaji ialah isu-isu masalah yang dialami oleh anggota perkhidmatan pendidikan, skim perkhidmatan, bidang tugas serta beban kerja guru dan juga program kerjaya serta skim penggantian staff, atau dengan izin, staff succession plan, yang lebih sesuai dan menarik untuk guru dan bakal guru.

Mengenai masalah perumahan guru, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Libaran, ia akan diberi keutamaan, terutama di luar bandar bagi menarik serta mengekalkan guru berpengalaman di kawasan tersebut. Rumah-rumah guru juga akan dibina di bandar-bandar terpilih dan juga di kawasan luar bandar dan untuk tujuan ini adalah dirancangan sejumlah 40,000 unit rumah guru akan dibina dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, isu masalah kekurangan guru juga telah beberapa kali dibuat penjelasan di Dewan ini. Dalam menangani masalah ini, Kementerian Pendidikan telah dan sedang melaksanakan pengambilan dua kali setahun (double intake) bagi Program Kursus Perguruan Lepasa Ijazah dan Kursus Perguruan Lepas Diploma serta menambah jumlah pengambilan bagi kedua-dua kursus tersebut. Langkah ini dijangka dapat mengatasi masalah kekurangan guru di sekolah menengah. Kementerian Pendidikan juga telah melaksanakan kursus dalam cuti khas mulai Februari, 1996 bagi mengatasi kekurangan guru sekolah rendah, terutama bagi negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan amat menghargai ingatan Yang Berhormat dari Gaya dan Sri Aman agar mengambil iktibar daripada peristiwa kebakaran asrama sekolah di Saratok, Sarawak. Untuk menghindarkan supaya kajadian seperti ini tidak berulang, beberapa langkah telah

diambil. Ini termasuklah menyediakan peraturan-peraturan asrama yang dapat dipatuhi oleh semua penghuninya, mengendalikannya latihan kecemasan kebakaran - sekurang-kurangnya sekali dalam satu semester, ceramah oleh pihak Bomba, memastikan semua sistem pemadam api berfungsi serta pendawaian yang baik, mewajibkan pengwujudan jawatankuasa organisasi keselamatan asrama, setiap bangunan asrama mestilah mempunyai sekurang-kurangnya 2 pintu utama dan boleh dibuka sertamerta sekiranya berlaku kecemasan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat dari Bandau yang membicarakan tentang pelaksanaan ISO 9000 di sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan telah memilih dua buah sekolah di negeri Perlis sebagai projek perintis dan seterusnya menerima pengiktirafan ISO 9000. Adalah diharapkan sekolah-sekolah ini akan menjadi contoh ukuran (bench mark) kepada sekolah-sekolah lain.

Kementerian Pendidikan sedang menyediakan pelan induk bagi menentukan sekolah-sekolah yang akan memulakan pelaksanaan ISO 9000 pada tahun hadapan secara berperingkat-peringkat sehinggalah tahun 2000. Kursus-kursus dan taklimat berkaitan telah diadakan dan akan diperluaskan kepada pengetua, guru besar, guru-guru dan kakitangan sekolah, agar mereka bukan sahaja memahami konsep ISO 9000 tetapi juga mampu melaksanakannya dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar ada beberapa perkara yang tidak sempat saya jelaskan di sini. Perkara-perkara tersebut akan diberi perhatian dan akan diambil tindakan yang sewajarnya. Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan berterusan, teguran membina dan pandangan positif kepada Kementerian Pendidikan dalam usaha menjadikan pendidikan di negara ini bertaraf tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

8.00 mlm.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 1997 di mana ada di antara perkara-

perkara yang dibahaskan menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Marang, Senai, Kota Melaka, Tumpat, Beaufort dan Tenom, umumnya adalah berkaitan dengan inflasi di mana masih berlaku kenaikan harga barang-barang keperluan dan perkhidmatan walaupun pelbagai langkah telah diambil bagi mengatasi masalah ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa inflasi yang tidak terkawal sepertimana yang berlaku di sesetengah negara memberi kesan yang negatif kepada taraf hidup rakyat dan boleh menggagalkan pencapaian matlamat pembangunan ekonomi sesebuah negara. Kadar inflasi yang tinggi boleh mengurangkan kuasa beli orang ramai dan boleh menjadi faktor penghalang kepada kemasukan pelabur-pelabur ke negara-negara berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, perlu dijelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa masalah inflasi atau kenaikan harga barang-barang dan perkhidmatan secara amnya disebabkan oleh empat faktor utama iaitu:-

- (i) kenaikan kos pengeluaran sama ada kos langsung atau tidak langsung seperti kadar upah, kos pengangkutan, sewa, kadar faedah, kos bahan mentah termasuk yang di import dan sebagainya;
- (ii) peningkatan permintaan akibat daripada pertambahan permintaan berbanding dengan penawaran yang disebabkan oleh peningkatan pendapatan atau pertambahan bilangan penduduk;
- (iii) kekangan atau kekurangan pengeluaran yang disebabkan oleh keupayaan yang terhad, perubahan cuaca, bencana dan sebagainya; dan
- (iv) faktor-faktor psikologi.

Keempat-empat faktor ini mempunyai kesan besar ke arah wujudnya inflasi. Kerajaan amatlah peka dan prihatin terhadap masalah inflasi dan dijangka menjadi lebih tertekan dengan kadar pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan iaitu melebihi 8% yang dialami oleh negara sejak 8 tahun kebelakangan ini dan dijangka tumbuh pada kadar yang sama dalam tahun 1997.

Pertumbuhan ekonomi yang pesat ini meningkatkan pendapatan orang ramai amnya dan secara langsung meningkatkan permintaan terhadap barang-barang dan perkhidmatan. Selain daripada

itu, dasar negara yang mengamalkan dasar ekonomi bebas dan terbuka turut mempengaruhi harga di pasaran.

Sungguhpun demikian, kerajaan telah mengambil langkah dan merangka strategi-strategi bagi mengawal kenaikan harga yang berterusan terhadap barang-barang dan perkhidmatan dalam negara ini. Strategi-strategi yang dilaksanakan adalah merangkumi dasar-dasar kewangan dan fiskal serta melalui dasar-dasar pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang. Pelaksanaan program pengawalan inflasi ini adalah merangkumi seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Di antara langkah-langkah dan strategi yang dilaksanakan oleh kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk menstabilkan harga termasuklah mengawal bekalan 20 barang-barang perlu bagi sepanjang tahun dan 25 barang-barang tambahan di musim perayaan serta menetapkan harga beberapa barang-barang keperluan asas pengguna. Harga barang-barang keperluan asas ini tidak boleh dinaikkan kecuali mendapat kelulusan daripada kerajaan selepas kajian mendalam dilaksanakan oleh kementerian.

Selain daripada itu, harga dan bekalan barang-barang tersebut diawasi dan dikaji dari semasa ke semasa bagi memastikan punca-punca sebenarnya yang boleh mempengaruhi atau menyebabkan berlakunya kekurangan bekalan dan kenaikan harga.

Dengan mengenal pasti faktor-faktor luaran dan dalaman yang mempengaruhi keadaan tersebut, langkah-langkah tertentu akan dapat diambil bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan dan kenaikan harga. Maklumat mengenai harga dan bekalan barang-barang keperluan asas ini turut disebarkan kepada pengguna melalui media massa supaya pengguna dapat merancang pembelian yang bijak dan menguntungkan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah dan akan terus melaksana dan meningkatkan program-program pendidikan

Tuan Lim Si Cheng: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Semasa saya mengambil bahagian dalam perbahasan ini, saya juga menyentuh

tentang harga ubat-ubatan yang kian meningkat. Jadi, soalan saya, saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Menteri sama ada peningkatan harga ubat-ubatan ini, kementerian akan mengambil langkah supaya harga ini juga dapat dikawal.

Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya masalah harga ubat yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat akan disentuh oleh Kementerian Kesihatan apabila menggulung perbahasan kelak. Namun begitu, pada hari ini Jemaah Menteri telah membincangkan masalah harga ubat-ubatan dalam negara kita ini yang menyumbang terhadap peningkatan inflasi pada keseluruhannya. Oleh itu, Kementerian Kesihatan telah diminta untuk membuat kajian dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah dan akan terus melaksana dan meningkatkan program-program pendidikan sama ada kepada pengguna dan peniaga, menggalakkan pengguna mengemukakan aduan dan maklumat mengenai penyelewengan oleh pengeluar atau peniaga supaya tindakan sewajarnya boleh diambil.

Pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan bagi memastikan peniaga-peniaga tidak melakukan penyelewengan termasuk menyorok barangan ataupun dengan izin, hoarding, tidak meletakkan tanda harga, melaksanakan perbuatan mencatut, dengan izin, profiteering dan menipu alat timbang dan sukat dan sebagainya.

Sehubungan dengan ini, kementerian telah menjalankan operasi 'Ops Sedar' di sepanjang tahun dan sehingga 9hb. November 1996 ini sejumlah 468,564 premis perniagaan telah diperiksa di mana sebanyak 5,333 atau 1.14% peniaga telah dikenakan tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini sedia maklum bahawa tindakan bagi mengawal inflasi tidak boleh diserahkan kepada kerajaan semata-mata. Pihak peniaga, media massa dan lebih-lebih lagi pihak pengguna mempunyai peranan masing-masing bagi mengatasi masalah ini.

Sehubungan ini, kementerian telah mengadakan perjumpaan pada 30hb. September yang lalu dengan para peniaga, pengeluar dan lain-lain pihak yang terlibat dalam industri yang berkaitan bagi mendapatkan komitmen mereka bagi memastikan bekalan dan harga barang-barang keperluan asas stabil dan mencukupi di musim-musim perayaan seperti Deepavali baru-baru ini, Krismas dan seterusnya Hari Raya Puasa dan Tahun Baru Cina yang jatuh serentak pada bulan Februari, 1997.

Sokongan yang diterima daripada peniaga dan lain-lain pihak yang terlibat adalah menggalakkan. Para peniaga dan pengedar turut disarankan supaya sentiasa mempunyai tanggungjawab sosial kepada masyarakat. Mereka tidak seharusnya mempunyai sikap yang mementingkan keuntungan semata-mata. Para peniaga dan pengusaha perlu mempraktikkan amalan perdagangan yang sihat dan beretika.

Seterusnya Kempen Anti-Inflasi termasuk Kempen Inflasi Sifar, Penganugerahan Kedai Harga Patut, Hari Inflasi Sifar pada hari Sabtu pertama setiap bulan akan diteruskan. Fokus kempen adalah terhadap 75 barangan dan perkhidmatan asas yang digunakan oleh golongan yang berpendapatan rendah iaitu RM1,500 sebulan ke bawah.

Penyibaran maklumat Kempen Anti-Inflasi dibuat melalui media elektronik, media cetak, billboard dan risalah-risalah yang diedarkan kepada pengguna dan peniaga. Melalui kempen ini kerajaan berusaha menyedarkan rakyat mengenai kesan negatif inflasi dan bagaimana ia boleh berlaku dan apa pula peranan pengguna bagi mengatasi masalah ini.

Orang ramai digalakkan berbelanja dengan bijak, berjimat cermat, meningkatkan tabungan dan mengutamakan barang-barang buatan Malaysia. Keprihatinan kerajaan dalam perkara ini dapat dibuktikan dengan pengumuman dalam ucapan Belanjawan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan bahawa Kempen Anti Inflasi diteruskan dalam tahun 1997.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat dari Marang, Senai, Kota Melaka dan Tumpat bahawa tindakan mengawal inflasi oleh kerajaan tidak berkesan dan Kempen Inflasi Sifar telah gagal serta tidak realistik, perlu dijelaskan di sini bahawa kesan kempen anti inflasi termasuk Kempen Inflasi Sifar hanya dapat dilihat dalam jangka masa panjang kerana pelaksanaannya melibatkan kesedaran dan cara pemikiran masyarakat yang diterjemahkan melalui pola pembelian mereka di pasaran.

Kempen adalah untuk menyedarkan masyarakat umum mengenai kesan buruk inflasi dan betapa pentingnya untuk membanteras inflasi. Ini adalah untuk memastikan kos sara hidup terutama bagi golongan yang berpendapatan rendah dikekalkan di paras yang rendah. Kerajaan yakin bahawa jika harga barang-barang keperluan asas harian stabil dan kekal dalam jangka masa panjang maka matlamat inflasi sifar akan dapat dicapai.

Selain daripada itu, mengikut kajian penilaian kempen yang dijalankan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia menunjukkan bahawa 92% responden sedar tentang Kempen Inflasi Sifar, sementara 60% responden mempunyai pandangan yang positif terhadap Hari Inflasi Sifar. Sebahagian besar responden berpendapat bahawa pengguna boleh mengawal inflasi sekiranya mereka tidak boros, mempunyai sikap jimat cermat, mempraktikkan amalan menabung, membandingkan harga apabila membeli dan membeli mengikut keperluan sahaja.

Selain daripada itu, tindakan-tindakan bersepadu bagi membanteras inflasi yang dilaksanakan dengan beberapa agensi kerajaan serta sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh pengguna, peniaga dan media massa telah menghasilkan kesan yang positif ke arah mengekalkan kadar inflasi negara yang rendah iaitu kurang daripada 4% di beberapa tahun kebelakangan ini. Malah bagi tempoh Januari hingga Oktober 1996, indeks harga pengguna adalah pada kadar 3.5%. Dengan bermatlamatkan inflasi sifar, kerajaan boleh merancang, menggubal strategi-strategi tertentu dan penyediaan pelan bertindak yang jelas ke arah pencapaian matlamat tersebut.

Walau bagaimanapun, dengan Kempen Inflasi Sifar tidaklah bermakna semua barangan dan perkhidmatan tidak boleh meningkat sama sekali. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem ekonomi bebas dan terbuka, di mana harga dipengaruhi oleh kuasa penawaran dan permintaan di pasaran, kenaikan harga tidak dapat dielakkan. Sebagai misal, peningkatan kos di luar kawalan kerajaan seperti yang berlaku ke atas harga susu dan tepung gandum apabila harga bahan mentah telah meningkat di pasaran dunia. Contohnya ialah harga bijirin gandum telah meningkat dari AS\$137 semetrik tan pada tahun 1991 kepada AS\$235 pada tahun 1996. Pihak industri mengalami kerugian sebanyak 23 sen setiap kilogram tepung yang diproses. Untuk memastikan tidak timbul masalah kepada pengguna dari segi mendapatkan bekalan tepung gandum serta kesinambungan industri berkenaan, kerajaan telah bersetuju dengan kenaikan harga sebanyak 30 sen sekilogram mulai bulan Jun 1996.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Senai supaya orang ramai diberi kefahaman tentang inflasi dan menggalakkan mereka mengamalkan tabiat berjimat cermat, merancang perbelanjaan secara teliti dan tidak boros, suka saya menjelaskan bahawa kementerian setiap masa menjalankan program dan aktiviti

pendidikan pengguna di seluruh negara. Sehingga akhir bulan Oktober 1996, sebanyak 19 seminar dan 413 ceramah dengan kehadiran 7,140 orang peserta telah diadakan. Melalui aktiviti ini, pengguna didedahkan melalui seminar, majlis-majlis dialog, ceramah-ceramah berhubung dengan inflasi dan bagaimana mereka boleh berperanan membendungnya. Risalah-risalah mengenai inflasi turut disediakan bagi menanam sikap berjimat cermat dengan merancang perbelanjaan secara teliti dan mengamalkan penabungan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Tumpat bahawa kadar inflasi tidak menggambarkan keadaan sebenar inflasi negara, perlu dijelaskan bahawa kadar inflasi diukur berasaskan peratus perubahan harga secara purata seperti yang ditunjukkan oleh indeks harga pengguna bagi keseluruhan 430 jenis barangan dan perkhidmatan yang boleh dibahagikan kepada 9 kumpulan termasuk makanan, pengangkutan, sewa dan sebagainya.

Kadar inflasi tidak diukur melalui perubahan harga satu jenis atau kumpulan barangan sahaja misalnya, makanan. Walaupun terdapat perubahan harga barangan tersebut, kesan terhadap indeks harga pengguna adalah minim. Oleh kerana perkiraan indeks harga pengguna berdasarkan formula standard antarabangsa, iaitu formula *laissez faire*. Manakala wajaran perbelanjaan diperolehi daripada penyiasatan perbelanjaan isi rumah negara, maka peratus perubahan indeks harga pengguna yang digunakan untuk mengukur kadar inflasi negara adalah sesuai dan mencukupi.

Namun demikian, sepertimana pernah dinyatakan, kerajaan sedang mengkaji untuk mengadakan indeks harga pengguna berasingan bagi mengukur pergerakan 75 barang-barang dan perkhidmatan asas yang digunakan oleh keluarga berpendapatan RM1,500.00 sebulan ke bawah. Kajian ini dijangka siap pada awal tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat mengenai kekurangan bekalan simen dipasaran, suka saya memaklumkan bahawa kekurangan bekalan simen tersebut adalah berpunca dari peningkatan permintaan yang mendadak. Kapasiti pengeluaran simen tidak berupaya memenuhi permintaan tersebut. Permintaan simen dalam tahun 1996 adalah di sekitar 13.20 juta metrik tan sedangkan keupayaan pengeluaran adalah setakat 11.67 juta metrik tan. Untuk menampung

kekurangan tersebut, kerajaan telah melonggarkan syarat import dan pada tahun 1996 sahaja pengimportan simen adalah di sekitar 1.5 juta metrik tan. Kenaikan harga yang dibenarkan oleh kerajaan pada bulan Ogos 1995 adalah bertujuan untuk menggalakkan pelaburan baru oleh industri simen. Hasil daripada keputusan kerajaan itu menunjukkan kesan yang positif di mana pada tahun 1996, beberapa syarikat telah melabur dalam kilang-kilang baru dan pembesaran kilang-kilang yang sedia ada. Dengan adanya langkah-langkah yang sedang diambil oleh syarikat-syarikat yang berkenaan, adalah dijangkakan bahawa keperluan simen dalam negara dalam tahun 1998 adalah mencukupi dan kemungkinan besar bahawa negara kita akan mengeksport simen ke negara-negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan tindakan pihak-pihak yang melakukan kesalahan, suka saya dijelaskan bahawa tindakan yang diambil oleh kementerian adalah berasaskan kepada prinsip-prinsip keadilan yang sentiasa diamalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Mengenai undang-undang untuk mengurangkan harga petrol kepada pengguna apabila terdapat pengurangan harga minyak mentah di pasaran dunia, ingin saya menjelaskan bahawa kedudukan harga minyak mentah di pasaran dunia sentiasa turun naik disebabkan pelbagai faktor mengikut keadaan politik dan ekonomi dunia.

Pada awal tahun 1996 harga minyak mentah adalah rendah, tetapi mulai bulan Jun tahun 1996 harga telah meningkat semula dan dijangka kekal di paras tinggi sehingga akhir tahun ini. Ini adalah kerana keadaan politik yang tidak menentu di negara-negara Teluk Parsi dan Asia Tengah yang membekalkan minyak ke negara-negara Asia Pasifik termasuk negara kita. Justeru itu, kerajaan mengambil keputusan untuk mengekalkan kedudukan harga runcit barangan petroleum supaya negara tidak mengalami keadaan turun naik harga setiap masa. Sekiranya harga runcit turun naik mengikut trend harga minyak mentah di pasaran dunia, ini akan menyebabkan harga bagi lain-lain barangan keperluan menjadi tidak stabil. Kemungkinan harga sesetengah barangan....

Tuan Lim Guan Eng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Kota Melaka bangun hendak beri jalan?

Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Ada beberapa minit sahaja lagi sebelum jam 8.30 malam.

Tuan Lim Guan Eng: Pendek sahaja. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar bahawa harga minyak runcit yang ditetapkan adalah mengikut harga jualan antarabangsa yang berlaku semasa Perang Telok 1991 dan dalam tempoh masa 5 tahun ini ia masih belum dikurangkan dalam tahap yang bermakna. Setakat ini hanya kurang RM1.10 sen kepada RM1.06 sen. Itu bukan satu pengurangan yang bermakna, minta maaf - dari RM1.13 sen kepada RM1.10. Jadi, dengan pengurangan yang begitu kecil berbanding dengan penurunan harga mentah antarabangsa sebanyak 40%, bukankah masa sudah sampai untuk mengurangkan tahap yang lebih supaya inflasi, saya rasa, dengan serta-merta boleh turun?

Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Sepatutnya Ahli Yang Berhormat dapat meninjau perkara ini lebih jauh daripada itu, iaitu sebelum berlakunya Perang Teluk (The Gulf War) dahulu bahawa keadaan harga minyak pada ketika itu adalah rendah jika dibandingkan semasa Peperangan Teluk. Oleh itu, untuk menstabilkan harga minyak pada ketika itu supaya tidak meningkat, maka kita tetapkan pada tahap yang munasabah, yang mana untuk membolehkan harga minyak tidak meningkat naik, kerajaan terpaksa membayar ataupun memberi subsidi kepada syarikat-syarikat minyak. Apabila harga minyak petrol turun, maka subsidi itu dikurangkan atau ditarik balik supaya harga dapat dikekalkan pada tahap yang sama. Jadi, bermaknalah bahawa melalui sama ada penambahan atau penarikan subsidi ini, maka harga di pasaran dapat kita stabilkan. Ini bermakna bahawa kerajaan kadangkala terpaksa menampung kerugian dengan memberi subsidi yang lebih apabila harga antarabangsa meningkat naik, tetapi harga runcit pasaran masih lagi stabil. Jadi, sebab itulah formula ini telah kita gunakan, melainkan kalau harga minyak mentah dunia turun dengan begitu jauh pada masa yang akan datang, kerajaan akan memikirkannya.

Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan harga sesetengah barangan dan perkhidmatan masih kekal walaupun harga minyak diturunkan, sebab itulah kita mengadakan mekanisme harga yang digunakan oleh kerajaan. Ini merupakan satu faktor yang menentukan wujudnya kestabilan harga barang-barang dan perkhidmatan dalam negara ini sepertimana yang saya jelaskan sebentar tadi. Oleh itu, sekiranya harga minyak mentah di pasaran dunia turun, kerajaan tetap mengekalkan harga runcit minyak petrol dalam negara sebagai mengimbangi

keadaan harga yang meningkat di masa-masa hadapan.

Mengenai cadangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Sungai Benut supaya dikaji semula Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, agar Bahasa Malaysia dapat digunakan dengan betul dalam urusan penubuhan syarikat dan pendaftaran perniagaan. Sukalah saya menjelaskan bahawa Jemaah Menteri telah menimbangkan perkara ini dengan sedalam-dalamnya dalam beberapa mesyuarat yang telah diadakan dan mendapati bahawa akta-akta yang sedia ada pada masa ini adalah mencukupi dan tidak perlu dipinda bagi mengatasi masalah penggunaan Bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun, pihak Pendaftar Syarikat dan juga Pendaftar Perniagaan telah diarah supaya sentiasa mengawasi dan memberi panduan-panduan yang tertentu kepada mana-mana pihak yang ingin menubuhkan syarikat supaya nama syarikat ataupun pendaftaran perniagaan yang ditubuhkan tidak melanggar peraturan Bahasa Kebangsaan yang baik dan tidak bertentangan dengan akta-akta yang saya sebutkan sebentar tadi. Perkara ini telah pun dimaklumkan bukan sahaja kepada Pendaftar Syarikat dan Pendaftar Perniagaan, tetapi juga kepada pihak-pihak berkuasa tempatan supaya mereka juga apabila meluluskan mana-mana pengiklanan ataupun papan tanda di kawasan masing-masing, penggunaan Bahasa Malaysia yang betul hendaklah sentiasa diperbuat oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan serta cadangan-cadangan terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, iaitu semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1997. Mana-mana perkara yang tidak disentuh oleh saya dalam jawapan pada hari ini akan diteliti dengan lebih lanjut lagi. Saya ingin memberi jaminan pada Dewan yang mulia ini bahawa segala perkara yang telah dibangkitkan itu akan diambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Nampak masa tepat ya, kita kena sambung esok dengan Kementerian Penerangan. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.30 malam.